


Jilid II  
Bil. 35



Hari Rabu  
17hb Oktober, 1984

MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN**  
PARLIAMENTARY DEBATES

**DEWAN RAKYAT**  
*HOUSE OF REPRESENTATIVES*

**PARLIMEN KEENAM**  
*Sixth Parliament*

**PENGGAL KEDUA**  
*Second Session*

**KANDUNGANNYA**

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN [Ruangan 5085]**

**USUL-USUL:**

**Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan Mesyuarat [Ruangan 5125]**

**Rang Undang-undang Syarikat (Pindaan)—**

**Penangguhan Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga [Ruangan 5126]**

**Jawatankuasa Pilihan Khas—**

**Rang Undang-undang Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1984 [Ruangan 5134]**

**RANG UNDANG-UNDANG:**

**Rang Undang-undang Perhutanan Negara [Ruangan 5127]**

**Rang Undang-undang Industri Berasas Kayu (Kekuasaan Badan Perundangan Negeri) [Ruangan 5159]**

**Rang Undang-undang Saraan Hakim (Pindaan) [Ruangan 5206]**

**Rang Undang-undang Mahkamah Kehakiman (Pindaan) [Ruangan 5230]**

**Rang Undang-undang Peguambela (Sabah) (Pindaan) [Ruangan 5237]**

**Rang Undang-undang Peguambela (Sarawak) (Pindaan) [Ruangan 5241]**

MALAYSIA  
**DEWAN RAKYAT YANG KEENAM**

*Penyata Rasmi Parlimen*

**PENGGAL YANG KEDUA**

**AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, **TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL**, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, **DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD**, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M. (Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, **DATO MUSA HITAM**, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S. (Panti).

Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, **DATO' DR NEO YEE PAN**, S.P.M.J., B.S.I. (Muar).

„ Menteri Kerjaraya, **DATO' S. SAMY VELLU**, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungei Siput).

„ Menteri Luar Negeri, **Y.B.M., TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL**, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, **Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH**, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Ulu Kelantan).

„ Menteri Pengangkutan, **TAN SRI CHONG HON NYAN**, P.S.M., D.G.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).

„ Menteri Perusahaan Utama, **DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG**, D.P.C.M. (Taiping).

„ Menteri Tenaga Telekom dan Pos, **DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK**, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perusahaan Awam, **DATIN PADUKA RAFFAH AZIZ**, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, **DATUK DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD**, P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).

„ Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, **DATUK SERI SANUSI BIN JUNID.**, D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).

„ Menteri Pelajaran, **DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI**, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kelapa Batas).

- Yang Berhormat Menteri Penerangan, DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (JELEBU).
- „ MENTERI BURUH, DATO' MAK HON KAM, D.P.M.P., J.M.N. (Tanjong Malim).
- „ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATUK SERI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).
- „ MENTERI KESIHATAN, DATO CHIN HON NGIAN, D.S.I.J., S.M.J. (Rengam).
- „ Menteri Wilayah Persekutuan, DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ Menteri Pertanian, TUAN ANWAR BIN HAJI IBRAHIM (PERMATANG PAUH).
- „ Menteri Kehakiman dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK DR JAMES P. ONGKILI, S.P.D.K., D.I.M.P. (Tuaran).
- „ Menteri Kebajikan Masyarakat, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO MOHAMED KHALIL BIN YAAKOB, D.S.A.P., J.S.M. (Maran).
- „ Menteri Kewangan, TUAN DAIM ZAINUDDIN (Kuala Muda).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATUK WILLIAM LYE CHEE HIEN, P.G.D.K. (Gaya).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, J.M.N. (Paloh).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATIN PADUKA CHOW POH KHENG *alias* ROSEMARY CHONG, D.P.M.S. (Ulu Langat).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, PUAN SHARIFFAH DORAH BINTI DATO' SYED MOHAMED, S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Semerah).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN, S.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan S. SUBRAMANIAM, S.M.J. (Segamat).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' DR TAN TIONG HONG, D.S.A.P. (Raub).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, PUAN HAJJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., S.M.S., A.M.N., P.J.K. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO SABBARUDDIN CHIK, D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, PUAN NAPSIAH BINTI OMAR (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, TUAN ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, A.M.K. (Kulim-Bandar Baru).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, TUAN RADZI BIN SHEIKH AHMAD (Kangar).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN OO GIN SUN, S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- „ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, TUAN AHMAD SHAH BIN DATUK HUSSEIN TAMBAKAU, B.S.K. (Keningau).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, P.M.P. (Bagan Serai).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN JUNID BIN MEGAT AYOB, A.M.P., A.M.K. (Hilir Perak).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHAMMAD YAHYA BIN LAMPONG, A.S.D.K. (Kota Belud).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN HAJI ABDUL RAHIM BIN ABU BAKAR, S.M.P., A.M.N. (Kuantan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, P.B.S. (Sarikei).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN HUSSEIN BIN MAHMUD (Tanah Merah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN AU HOW CHEONG, K.M.N., A.M.P. (Telok Anson).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, A.M.P. (Gerik).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN AWANG BIN JABAR, A.M.N. P.J.K. (Dungun).
- „ Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD, S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN YEOH POH SAN (Petaling).

- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN HAJI DUDUKI BIN HAJI AHMAD (Tumpat).
- „ TUAN ABDILLAH BIN HAJI ABDUL HAMID (Silam).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K., A.S.D.K. (Kinabatangan).
- „ DR ABDUL HAMID BIN PAWANTEH (Arau).
- „ DATO ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.I., P.P.T. (Kuala Trengganu).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN SULAIMAN (Parit Buntar).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- „ TUAN HAJI AFFANDY BIN TUN HAJI MOHD. FUAD STEPHENS (Marudu).
- „ TUAN AHMED HAMBAL BIN YEOP MAJLIS, P.P.T (Parit).
- „ DATIN PADUKA HAJJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).
- „ DATUK ALFRED JABU ANAK NUMPANG, P.N.B.S., K.M.N. (Bentong).
- „ TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Ulu Terengganu).
- „ TUAN ANDREW JANGGI MUYANG (Lubok Antu).
- „ TUAN HAJI AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- „ TUAN BAHARI BIN HARON (Labis).
- „ TUAN BAN HON KEONG (Batu Gajah).
- „ DR GEORGE CHAN HONG NAM (Lambir).
- „ TUAN CHAN KOK KIT (Sungai Besi).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN PETER CHIN GAN OON, P.M.P. (Ipoh).
- „ DATUK CLARENCE E. MANSUL, P.G.D.K. (Penampang).
- „ TUAN DAUD BIN DATO HAJI TAHA (Batu Pahat).
- „ DATUK EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.N.B.S., P.B.S. (Saratok).
- „ DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S. (Batang Lupar).

- Yang Berhormat TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN NEWMAN GABAN (Bandau).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN V. GOVINDARAJ, A.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).
- „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K., S.P.M.J. (Ulu Padas).
- „ TUAN HASSAN BIN HAJI MOHAMED, K.M.N., A.M.N. (Rantau Panjang).
- „ TUAN HASSAN ALBAN BIN HAJI SANDUKONG, J.P. (Labuk Sugut).
- „ DATO DR HEE TIEN LAI, D.S.I.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I., J.P. (Ayer Hitam).
- „ TUAN IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- „ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
- „ TUAN ISMAIL ALIAS MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ DATO JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, D.P.M.S., A.M.N. P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN JUSTINE ANAK JINGGUT (Ulu Ranjang).
- „ DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ TUAN KAN YAU FA, A.S.D.K. (Tawau).
- „ TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN KHADRI BIN SABRAN (Tenggaroh).
- „ TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- „ DR KOH TSU KOON (Tanjong).
- „ DATO LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).
- „ DATO LEE KIM SAI, D.P.M.S., P.P.N. (Ulu Selangor).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- „ DATUK LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, P.N.B.S., P.B.S. (Kapit).
- „ DATO LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N. (Shah Alam).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM LIANG SENG, P.P.T. (Kinta).
- „ DATO DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Mata Kuching).
- „ TUAN LING SIE MING (Sibu).
- „ TUAN MAMAT GHAZALEE BIN ABDUL RAHMAN, S.M.T., P.J.K. (Ulu Nerus).
- „ DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).

- Yang Berhormat TUAN MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, A.M.N. (Pekan).
- „ DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).
- „ TUAN MOHAMED RAZLAN BIN HAJI ABDUL HAMID, P.P.N., P.P.T. (Matang).
- „ DATO HAJI MOHAMED SUHAIMI BIN DATO HAJI KAMARUDDIN, D.P.M.S., A.M.N. (Sepang).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ TUAN MOHAMMAD IDRIS BIN MOHAMMAD BASRI (Setapak).
- „ TUAN MOHAMMED YUSSOF BIN HAJI YAKOB (Hilir Padas).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN MOKHTARAM BIN RABIDIN, A.M.N., P.P.N., P.I.S. (Pontian).
- „ TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).
- „ TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- „ TUAN NG CHENG KUAI (Lumut).
- „ DATO' HAJI NGAH BIN HAJI ABDUL RAHMAN, S.P.M.J., S.S.I.J., P.I.S., B.S.I., A.M.N., J.P. (Ledang).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ DATO' DR NIK HUSSAIN BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.K., K.M.N. (Kuala Krai).
- „ TUAN OMAR BIN ABDULLAH (Tampin).
- „ TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Ulu Muda).
- „ DATUK PENGIRAN OTHMAN BIN HAJI PENGIRAN RAUF, P.G.D.K., A.D.K. (Kimanis).
- „ TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).
- „ TUAN QUAH WEE LIAM, P.I.S., B.S.I. (Kluang).
- „ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- „ DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N., P.J.K. (Padang Rengas).
- „ TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- „ TUAN HAJI SEROJI BIN HAJI HARON, A.M.N., P.P.N., B.K.M. (Baling).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALLEH, A.M.N., P.K.T., J.P. (Balik Pulau).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).

Yang Berhormat TAN SRI DATO' SYED AHMAD SHAHABUDDIN AL-HAJ, P.S.M.,  
S.P.M.K., S.S.D.K., P.N.B.S., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang Terap).

„ TUAN TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Damansara).

„ TUAN TAN KOK HOOI (Padang Serai).

„ DR TAN SENG GIAW (Kepong).

„ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).

„ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).

„ WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMAD (Jerantut).

„ WAN IBRAHIM BIN WAN ABDULLAH (Pasir Mas).

„ WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasir Puteh).

„ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).

„ TUAN YAHYA BIN HAJI ZAKARIA, P.P.T. (Bagan Datok).

„ TUAN YEW FOO WENG (Menglembu).

„ DATIN PADUKA ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N.  
(Tanjong Karang).

## DEWAN RAKYAT

### PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

### BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting Kanan: Yahaya Manap.

Penyunting: P.B. Menon.

Penyunting: Haji Osman bin Sidek.

#### *Pemberita-pemberita:*

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

### BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim.

MALAYSIA  
DEWAN RAKYAT

---

Rabu, 17hb Oktober 1984

---

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang*

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mem-*  
*pengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN  
MULUT BAGI  
PERTANYAAN-  
PERTANYAAN

PEMBERIAN PINJAMAN  
MARA

**1. Tuan Mohd. Razlan bin Haji Abdul Hamid** minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan sama ada beliau sedar bahawa penjamin-penjamin kepada peminjam MARA telah dikenakan hukuman membayar kesemua baki hutang berserta faedah yang telah tidak dijelaskan, sebaliknya peminjam-peminjam yang berkenaan terlepas dari sebarang tindakan atau hukuman, dengan lain perkataan terlepas begitu sahaja. Jika sedar, adakah beliau bercadang untuk mengadakan satu peraturan atau cara supaya peminjam-peminjam itu tidak terlepas begitu sahaja.

**Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Tuan Mohammad Yahya bin Lampong):** Tuan yang di-Pertua, mengikut dasar pemberian pinjaman, sebelum pinjaman diluluskan oleh MARA, MARA akan meneliti dan mengkaji projek atau perniagaan yang dicadangkan oleh peminjam. Lain-lain syarat yang dikenakan termasuk

cagaran atau penjamin-penjamin yang harus disediakan oleh peminjam untuk menyokong permohonannya.

Syarat-syarat ini dikenakan sebagai ikatan kepada peminjam supaya melaksanakan tanggungjawab membayar balik pinjaman yang diberikan oleh MARA. Sudah pasti tanpa cagaran atau penjamin sebagai ikatan, peminjam tidak akan merasa bertanggungjawab dan berkewajipan membayar balik pinjaman.

Dari segi undang-undang peminjam dan penjamin adalah sama-sama bertanggungjawab menjelaskan balik pinjaman yang diperolehi oleh peminjam. Dalam hal ini terdapat penjamin-penjamin yang tidak begitu sedar akan bertanggungjawab dan begitu senang sekali bersetuju menjadi penjamin. Namun demikian, MARA terpaksa mengambil tindakan mengikut undang-undang walaupun ianya membawa akibat yang tidak begitu menyenangkan kepada peminjam-peminjam dan penjamin-penjamin seperti menghadapi tindakan undang-undang.

Saya ingin menekankan bahawa MARA mengambil tindakan undang-undang hanya setelah lain-lain tindakan untuk mendapatkan pembayaran balik telah gagal. Dalam hal ini MARA tidak sewenang-wenangnya mengambil tindakan undang-undang terhadap peminjam-peminjam dan penjamin-penjamin yang gagal membayar balik pinjaman tetapi telah terlebih dahulu memberi masa dan peluang yang cukup kepada

mereka dengan cara memberi notis, amaran melalui surat-surat berdaftar dan lain-lain. Setelah semua usaha-usaha ini gagal iaitu peminjam dan penjamin tidak mengindahkan segala notis dan amaran atau memberi alasan yang tidak boleh diterima, barulah MARA mengambil tindakan undang-undang.

Saya ingin menjelaskan di sini bahawa tindakan ke atas penjamin-penjamin hanya diambil setelah segala usaha yang dijalankan oleh MARA untuk mendapatkan pembayaran balik daripada peminjam telah gagal, oleh kerana peminjam tidak dapat dikesan dan tidak mengindahkan notis-notis dan amaran-amaran yang telah dikeluarkan oleh MARA.

Sebenarnya, MARA bersedia untuk memberi kelonggaran dan bersikap timbang rasa selagi peminjam-peminjam dan penjamin-penjamin mahu bekerjasama di dalam melaksanakan tanggungjawab mereka. Bukanlah tujuan MARA untuk menyusahkan mana-mana pihak tetapi ianya terpaksa menjalankan tugas dan tanggungjawab yang telah diamanahkan oleh rakyat terhadapnya. Adalah jelas bahawa langkah-langkah yang diambil oleh MARA adalah berdasarkan sikap yang penuh tanggungjawab dan bertimbang rasa.

Walau bagaimanapun, saya ingin mengingatkan bakal-bakal penjamin kepada peminjam-peminjam MARA supaya lebih berhati-hati sebelum bersetuju untuk menjadi penjamin, mereka hendaklah meneliti dan mengkaji latar belakang peminjam dan perniagaannya.

Yang kedua, MARA tidak bercadang untuk mengubah peraturan ini oleh kerana ianya sudah cukup "longgar" dan kalau mahu "diketatkan" seperti syarat-syarat yang dikenakan oleh bank atau

institusi-institusi kewangan, sudah tentu identiti dan konsep MARA akan terkeluar dari dasar asalnya.

**Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah:** Soalan tambahan. Memang benar segala apa yang diterangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri itu tetapi saya ingin bertanya jika kemungkinan berlaku peminjam dan penjaminnya mati, kepada siapakah MARA akan menuntut wang itu?

**Tuan Mohammad Yahya bin Lampong:** Tuan Yang di-Pertua, dalam hal yang demikian, MARA akan write-off pinjaman yang telah diberikan itu.

**Tuan Gooi Hock Seng:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat tahu daripada Timbalan Menteri, adakah peminjam-peminjam yang terlibat itu sedang bekerja dengan Kerajaan atau agensi-agensi Kerajaan, jika ya, mengapakah Kerajaan tidak mengambil langkah-langkah untuk memotong hutangnya daripada gaji-gaji mereka.

**Tuan Mohammad Yahya bin Lampong:** Sepanjang yang MARA ketahui tidak ada pegawai-pegawai Kerajaan sama ada bekerja dengan Jabatan Kerajaan atau agensi-agensi Kerajaan yang telah mendapat pinjaman daripada MARA.

**Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan:** Soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Timbalan Menteri berkenaan mengenai penjamin bahawa kebanyakan penjamin itu mereka tidak tahu bahawasanya mereka akan bertanggungjawab membayar balik sekiranya tidak dibayar oleh pihak piutang. Mereka hanya mengetahui bahawa jaminan itu ialah jaminan fasal kebaikan dan kenalan kepada piutang itu sahaja. Adakah pihak Kerajaan ataupun MARA memberitahu lebih dahulu kepada pihak penjamin-penjamin yang

bahawasanya merekalah yang akan kena bayar sekiranya si piutang itu tidak bayar, kerana di dalam borang pinjaman tidak pula mengatakan bahawa penjamin terpaksa kena bayar sebagai ganti piutang. Oleh itu, kesalahan ini adakah kesalahan boleh kita bebankan kepada pihak penjamin ataupun kesalahan ini kesalahan tidak kita memberitahu terlebih dahulu tentang tanggungjawab ini? Terima kasih.

**Tuan Mohammad Yahya bin Lampong:** Tuan Yang di-Pertua, biasanya penjamin-penjamin diberitahu atau diberi maklum bahawa akibatnya sekiranya peminjam-peminjam gagal membayar balik pinjaman bahawa penjaminlah yang akan membayar balik pinjaman tersebut. Yang sebenarnya ini juga ada ternyata di dalam perjanjian antara penjamin dengan MARA di mana syarat-syarat tersebut ialah sekiranya peminjam gagal membayar balik pinjaman itu, maka penjaminlah yang akan terkena membayar hutang yang telah diberi kepada individu.

#### PERKEMBANGAN MAZHAB— MAZHAB DI MALAYSIA

**2. Datuk Jamaluddin bin Haji Suhaimi** minta Perdana Menteri menyatakan adakah Kerajaan telah atau akan membenarkan mazhab-mazhab lain, selain dari mazhab ahli sunnah wal jamaah berkembang di Malaysia. Adakah Mazhab-mazhab yang lain itu akan dibenarkan diajar di Universiti Islam Antarabangsa.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamad Noor):** Tuan Yang di-Pertua, pihak Kerajaan tidak berhasrat untuk menghalang mazhab-mazhab lain selain dari pada mazhab ahli sunnah wal jamaah berkembang

di Malaysia sekiranya mazhab tersebut tidak bertentangan dengan Islam yang sebenar dan tidak menimbulkan kekacauan di dalam masyarakat Islam Malaysia yang selama ini bermazhab Shafie. Kerajaan juga tidak bercadang untuk menghalang mazhab-mazhab lain diajar di Universiti Islam Antarabangsa kerana ia adalah sebuah institusi pengajian tinggi.

#### POLITEKNIK BERTARAF UNIVERSITI—PENUBUHAN

**3. Wan Ibrahim bin Wan Abdullah** minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk mewujudkan sebuah politeknik bertaraf universiti bagi menampung ramai pelajar yang layak memasuki universiti tapi gagal memasukinya kerana kekurangan tempat di pusat-pusat pengajian tinggi di negara ini.

**Timbalan Menteri Pelajaran (Datin Paduka Chow Poh Kheng):** Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini Kerajaan belum bercadang mewujudkan sebuah politeknik yang bertaraf universiti.

**Tuan Chan Kok Kit:** Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri bercadang menggalakkan penswastaaan sekolah politeknik supaya meringankan tanggungan Kerajaan.

**Datin Paduka Poh Chow Kheng:** Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini Kerajaan belum bercadang menswastakan politeknik di negara ini.

**Tuan Ng Cheng Kuai:** Tuan Yang di-Pertua, dalam jawapannya Timbalan Menteri mengatakan bahawa Kerajaan belum ada cadangan untuk menubuhkan sebuah politeknik

bertaraf universiti. Selaras dengan dasar perindustrian dan dari segi jangka masa panjang dalam perancangan Kementerian Pelajaran, bilakah soal kewujudan politeknik bertaraf universiti akan dikaji semula, bila.

**Datin Paduka Chow Poh Kheng:** Tuan Yang di-Pertua, mengenai apa yang dicadangkan oleh Yang Berhormat tadi, Kerajaan akan timbangkan mengenai perkara itu.

#### CANTUMAN TANAH KECIL

**4. Tuan Othman bin Abdul:** minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan adakah Kerajaan sedar bahawa faktor-faktor yang menghalang usaha-usaha cantuman tanah-tanah kecil ialah kerana kesukaran mengubah syarat gunatanah dan status pemilikan tanah. Adakah Kerajaan bercadang bagi melonggarkan atau memudahkan permohonan menukar syarat gunatanah di negara ini untuk membolehkan cantuman menukar syarat gunatanah di negara ini untuk membolehkan cantuman tanah dibuat sejajar dengan konsep baru mengenai pemulihan dan pembangunan tanah.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Tuan Haji Dusuki bin Haji Ahmad):** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memang sedar bahawa usaha-usaha mencantum tanah-tanah kecil adalah dihalang oleh kesukaran mengubah syarat gunatanah dan status pemilikan tanah.

Di antara pindaan-pindaan kepada Kanun Tanah Negara yang diluluskan baru-baru ini adalah peruntukan mengenai penyerahan dan pemberian milik semula di bawah seksyen-seksyen 204A hingga 204H Kanun

Tanah Negara. Tanah-tanah kecil yang terlibat dalam rancangan pemulihan dan pembangunan tanah boleh diserahkan untuk tujuan diberi milik semula.

#### BENCANA LOMBONG— LANGKAH PENCEGAHAN

**5. Tuan Lee Lam Thye** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan:

- (a) bilangan bencana lombong yang berlaku dalam negara ini pada tahun-tahun 1980, 1981, 1982, 1983 dan sehingga Ogos 1984; bilangan mangsa yang terlibat dan jumlah pampasan yang dibayar kepada tanggungan-tanggungan yang berkenaan;
- (b) memandangkan kerap berlakunya kejadian bencana lombong, sama ada Kerajaan akan mengambil daya usaha menubuh satu Tabung Bencana Lombong, menerusi saluran undang-undang untuk mangsa-mangsa tragedi lombong dengan bantuan dan sumbangan dari majikan-majikan lombong serta pekerja-pekerja di samping juga Kerajaan, jika tidak, mengapa; dan
- (c) apakah langkah yang diambil untuk mencegah bencana lombong dan berhubung dengan tragedi kapal korek di Puchong apakah hasil siasatan dan bagaimana kejadian seumpama itu boleh dicegah pada masa depan.

**Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Tuan Megat Junid bin Megat Ayob):** Tuan Yang di-Pertua, (a) Bilangan bencana lombong yang berlaku di negara ini, bilangan mangsa yang terlibat dan jumlah pampasan yang dibayar kepada tanggungan-tanggungan yang berkenaan pada

tahun-tahun yang ditanyakan adalah seperti berikut:

<i>Tahun</i>	<i>Bilangan Kemalangan</i>	<i>Bilangan Kematian</i>
1980	24	25
1981	17	42
1982	14	14
1983	9	9
1984 (sehingga Ogos)	12	26

Perangkaan bilangan kemalangan adalah meliputi kejadian tanah runtuh, kemalangan jentera dan juga kemalangan-kemalangan kecil seperti mati lemas, terhempas batu, pekerja terjatuh dalam lombong seumpamanya.

Mengikut maklumat yang diterima daripada Kementerian Buruh jumlah pampasan yang dibayar kepada mangsa kemalangan yang dilindungi di bawah Akta Pampasan Pekerja, 1952 dan Akta Keselamatan Sosial 1969, adalah seperti berikut:

<i>Tahun</i>	<i>Pampasan \$</i>
1980	310,606.00
1981	303,559.00
1982	58,315.00
1983	36,941.00
1984	9,336.00 (sehingga Ogos, 1984)

Tuan Yang di-Pertua, perlu dinyatakan di sini bahawa, bagi mangsa-mangsa yang terlibat dalam bencana lombong yang tidak tertakluk di bawah Akta Pampasan Pekerja 1952, tetapi dilindungi oleh Akta Keselamatan Sosial 1969, faedah pampasan mereka merupakan bayaran berkala (periodical payments).

Di samping pampasan yang dibayar oleh Kementerian Buruh yang disebutkan tadi terdapat juga pampasan dan sumbangan oleh pihak majikan kepada keluarga mangsa-mangsa kemalangan.

(b) Mengenai soalan kedua, pada hemat Kementerian ini skim

pampasan yang ada sekarang di bawah Akta Pampasan Pekerja 1952 dan skim SOCSO iaitu Skim Insurans Bencana Pekerja di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 adalah memadai. Walau bagaimanapun, pihak Kementerian ini akan mengkaji cadangan Ahli Yang Berhormat itu.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai soalan (c), saya telahpun menjawab di Dewan yang mulia ini pada 8hb Oktober, 1984 kepada soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat dari Batang Padang dan soalan tambahan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat itu sendiri.

**Tuan Lee Lam Thye:** Tuan Yang di-Pertua, suka saya bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan memandangkan jawapan yang telah diberikan oleh beliau tadi, adakah pihak Kementerian yang berkenaan meneliti sebab-sebab berlakunya begitu banyak kejadian tanah runtuh di negara kita. Adakah ini membayangkan bahawa dari segi penguatkuasaan undang-undang adalah tidak mencukupi ataupun tidak ada cukup kakitangan penguatkuasa untuk membuat pemeriksaan terhadap lombong-lombong yang berkenaan.

Soalan tambahan yang kedua, ialah tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada menyatakan bahawa pihak Kementerian boleh menimbangkan satu cadangan untuk mengadakan tabung bencana lombong ini. Maka saya suka bertanya Yang Berhormat bilakah pihak Kerajaan ataupun Kementerian bercadang untuk menimbangkan syor itu.

**Tuan Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Yang di-Pertua, soalan yang pertama tentang kemalangan ini banyak faktor-faktor yang menyebabkan kemalangan ini, bukan hanya tanah runtuh—batu pun runtuh, mati lemas jatuh daripada traktor dan

sebagainya. Jadi, kita tahu bahawa keadaan dataran tanah kita, cuaca, hujan lebat dan sebagainya menyebabkan keadaan bumi kita ini sering kali mewujudkan kemalangan.

Jadi, kebanyakan faktor-faktor kemalangan ini kecuali yang di Puchong itulah yang didapati kematian disebabkan oleh kapal korek tetapi yang lain-lain adalah disebabkan oleh alam semula jadi. Jadi, bukanlah disebabkan kelalaian daripada pihak pegawai-pegawai yang menyebabkan kemalangan-kemalangan ini.

Bagaimanapun, perkara-perkara butir tentang kemalangan-kemalangan tiap-tiap yang terjadi daripada tahun 1980 hingga 1984 bolehlah saya berikan kepada Yang Berhormat kalau sekiranya Yang Berhormat sudi menerimanya kalau datang berjumpa dengan saya.

Soalan yang kedua tentang tabung ini, ini terpaksa dibincangkan dengan terperinci dengan semua pihak, dengan pihak pelombong, dengan pihak pekerja, dengan pihak Kementerian Buruh, dengan pihak Kebajikan Masyarakat dan sebagainya. Apabila kesemuanya daripada pihak-pihak yang berkenaan ini memikirkan adalah penting untuk menubuhkan tabung, insya Allah perkara ini akan dilaksanakan. Sekian, terima kasih.

#### **PETRONAS—PUTARAN DAGANGAN 1977/1984**

**6. Datuk Dr Hee Tien Lai:** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) putaran dagang PETRONAS bagi tahun-tahun 1984 (hingga bulan Jun), 1983, 1982, 1981, 1980, 1979, 1978, 1977, 1976 dan 1975; dan
- (b) adakah benar bahawa simpanan minyak sekarang menunjukkan bahawa kita mungkin jadi

pengimport minyak menjelang tahun 1996 berdasarkan kepada penggantungan kita sekarang 90% kepada minyak. Jika sedar apakah tindakan yang akan diambil untuk menggunakan sepenuhnya minyak lain seperti gas sisa binatang, gas asli, minyak dari sisa kelapa sawit dan sebagainya untuk mengurangkan penggantungan kita kepada minyak.

**Menteri Kehakiman dan Menteri di  
Jabatan Perdana Menteri (Datuk Dr  
James P. Ongkili):** Tuan Yang di-  
Pertua,

- (a) Putaran dagangan (trade turn over) yang telah diaudit bagi tahun-tahun kewangan yang berakhir pada 31hb Mac, 1977 hingga 1984 adalah seperti berikut—

1977—	\$1,220.5	juta
1978—	\$1,327.6	„
1979—	\$1,637.1	„
1980—	\$3,982.9	„
1981—	\$4,156.4	„
1982—	\$4,416.5	„
1983—	\$4,963.3	„
1984—	\$8,426.8	„

PETRONAS tidak mempunyai putaran dagangan dalam tahun 1975 dan 1976 kerana kontrak-kontrak perjanjian perkongsian pengeluaran (production sharing contracts) hanya ditandatangani pada pertama kalinya dalam tahun 1976.

- (b) Sekiranya kadar pergantungan negara kepada minyak berterusan, Malaysia dijangka akan menjadi sebuah negara pengimport minyak menjelang tahun 1995. Memandang keadaan yang demikian, Kerajaan telah mengambil beberapa langkah untuk mengurangkan pergantungan negara kepada minyak yang

terlalu tinggi. Untuk memanjangkan tempoh usia pengeluaran lapangan-lapangan minyak negara, Kerajaan telahpun melaksanakan Dasar Susutan Minyak Negara (National Oil Depletion Policy) sejak 1hb Jun 1980. Tambahan pula memandangkan simpanan gas asli kita yang adalah tiga kali ganda banyaknya dari jumlah simpanan minyak beberapa rancangan telah diatur untuk meningkatkan penggunaan tempatan gas asli terutama dalam penjanaan kuasa memasak dan sektor perindustrian.

Station Janakuasa Elektrik di Paka, Trengganu yang menggunakan gas dan akhirnya boleh mengeluarkan hingga lebih kurang 900 megawatt elektrik dijangka akan beroperasi tidak lama lagi. Di samping menggalakkan pengguna gas petroleum cecair untuk kegunaan masak di rumah, PETRONAS juga sedang menggalakkan penggunaan gas tersebut sebagai bahan api kenderaan. Hampir kesemua kereta PETRONAS kini menggunakan gas petroleum cecair. PETRONAS juga melaksanakan sistem rangkaian saluran paip (reticulation system) gas petroleum cecair di rumah-rumah kakitangan di Pasir Gudang Johor dan Kompleks Perumahan Kerteh di Trengganu yang mempunyai beratus-ratus buah rumah pula akan dibekalkan dengan gas asli. Syarikat tersebut iaitu PETRONAS juga sedang menguji keupayaan (viability) gas asli mampat (compressed natural gas) untuk digunakan sebagai bahan api kenderaan.

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu Kerajaan juga telah menggalakkan

penyelidikan terhadap lain-lain sumber tenaga bukan conventional ataupun non-conventional seperti penghasilan minyak diesel dari sisa buangan kelapa sawit dan penghasilan bio-gas dari sisa binatang dan bahan-bahan buangan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri ada berkata bahawa untuk memanjangkan usia simpanan minyak bahawa Kerajaan semenjak tahun 1980 ada melancarkan Dasar Susutan Minyak (Oil Depletion Policy), bukankah benar bahawa sudah lama Kerajaan sudah ketepikan National Oil Depletion Policy ini oleh kerana mahu mengeluarkan minyak lebih banyak supaya dapat lebih revenue dan target-target ditetapkan dalam Rancangan Malaysia Keempat pun sudah lama dilebihkan?

Yang kedua, bolehkah Yang Berhormat Menteri memberitahu Dewan ini bahawa baharu-baharu ini ada satu perjanjian yang telah dibuat antara PETRONAS dengan China Petroleum Institute, Taiwan mengenai carigali minyak. Adakah term-term ini serupa dengan term syarikat-syarikat yang lain untuk mendapatkan lebih peluang mengeluarkan minyak?

**Datuk Dr James P. Ongkili:** Tuan Yang di-Pertua, Dasar susutan Minyak Negara memang telah diubahkan dari segi banyaknya minyak yang kita keluarkan pada tiap-tiap hari, misalnya pada ketika ini telah meningkat kepada 440,000 tong sehari. Dan ini adalah disebabkan oleh keperluan kewangan yang mana diutarakan kepada Kabinet dan diputuskan oleh Kabinet dari semasa ke semasa berdasarkan kepada keperluan menjayakan segala rancangan pembangunan terutama sekali di bawah Rancangan-rancangan Lima Tahun Khusus Rancangan Malaysia Keempat pada ketika ini. Jadi, memanglah kadarnya atau

banyaknya pengeluaran sahari itu telahpun meningkat. Walau bagaimanapun, saya ingin memberi jaminan kepada Dewan yang mulia ini bahawa bila masa sahaja Kerajaan mengambil keputusan atau menimbangkan syor-syor yang dibuat oleh Pentadbiran ataupun misalnya Kementerian Kewangan ataupun Pembendaharaan syor untuk menambah banyaknya keluaran minyak harian di negara kita ini Kerajaan sentiasa berpandukan kepada dasar susutan pengeluaran minyak ini, dan adalah tidak benar bahawa dasar ini telah ketepikan, hanya kadar pengeluaran sehari di negara kita telah bertambah sedikit demi sedikit bukan untuk sesiapa tetapi untuk keperluan pembangunan negara ini.

Yang kedua, ini sebenarnya terkeluar sedikit daripada soalan asal tetapi kalau Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka ingin jawapan bertulis, saya akan berikan.

**Tuan Yew Foo Weng:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam jawapan Yang Berhormat Menteri yang berkenaan putaran dagangan bagi PETRONAS terus meningkat sampai tahun 1984 ini yang berjumlah \$8,400 lebih juta. Dibandingkan dengan kadar yang diberikan bagi tahun 1980 ini lebih dua kali ganda, jadi dalam pasaran dunia harga untuk minyak tidak meningkat. Bolehkah Yang Berhormat Menteri menjelaskan apa lojiknya untuk meningkat kadar pengeluaran jika tidak dapat harga yang baik dan pada masa sekarang ada 'glut' di dalam pasaran dunia?

**Datuk Dr James P. Ongkili:** Tuan Yang di-Pertua, khususnya jawapannya adalah serupa dengan jawapan saya kepada Ahli Yang Berhormat dari kota Melaka tadi iaitu meningkatnya trade turnover atau putaran dagang ini adalah disebabkan

oleh keperluan negara dan angka-angka ini sebenarnya memang semua ada butir-butirnya yang menunjukkan dikeluarkan untuk keperluan negara kita.

Walaupun harga minyak mentah di seluruh dunia tidak begitu menggalakkan, kita tidak melupakan ini dan itulah sebabnya pada ketika ini kita tidak bercadang untuk meningkatkan lagi pengeluaran harian seperti yang saya katakan tadi itu, oleh kerana seboleh-bolehnya kita tidak mahu membazirkan penggunaan petroleum di negara ini.

Di dalam jawapan asal saya tadi, Tuan Yang di-Pertua, saya telah jawab bahawa Kerajaan dan negara kita sedang berikhtiar untuk menggunakan sumber-sumber tenaga yang lain. Ini termasuklah terutama sekali penggunaan yang lebih luas ke atas simpanan gas, gas asli dan gas cecair di negara kita ini supaya pengurangan minyak daripada telaga-telaga kita itu dapat kita cermatkan dengan seberapa yang boleh.

## DASAR PERTANIAN NEGARA—KEJAYAAN

**7. Tuan Haji Hassan bin Haji Mohamed** minta Menteri Pertanian menyatakan sejauh manakah kejayaan yang telah dicapai dalam pelaksanaan Dasar Pertanian Negara dan di manakah tempat luas dan ramai petani yang terlibat pelaksanaan dasar ini.

**Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Luhut Wan):** Tuan Yang di-Pertua, selepas pengumuman Dasar Pertanian Negara pada awal tahun ini, tindakan-tindakan telah diambil di dalam menyediakan Laporan Strategi Program Pembangunan Pertanian di bawah Dasar Pertanian Negara bagi tahun 1986 hingga ke tahun 2000.

Sungguhpun tumpuan program-program yang digubal akan meliputi bagi tempoh jangka masa tersebut, program-program pembangunan yang sedang berjalan akan diubahsuai supaya selaras dengan matlamat keutamaan dan strategi Dasar Pertanian Negara ini. Oleh kerana program-program ini di bawah Dasar Pertanian Negara baharu sahaja digubal oleh Kerajaan, pelaksanaannya belum dapat ditentukan lagi buat masa ini.

Pelaksanaan Dasar Pertanian Negara ini akan meliputi kawasan-kawasan pertanian di seluruh negara dan dengan tumpuan diberikan kepada peningkatan daya pengeluaran dan juga kaedah pengurusan moden ikut menjamin pulangan yang menguntungkan petani-petani dan peladang-peladang.

#### **PEMBINAAN HOSPITAL DAERAH MANJONG, LUMUT**

**8. Tuan Ng Cheng Kuai:** minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) perkembangan baru tentang pembinaan Hospital Daerah Manjong di Lumut;
- (b) sama ada beliau sedar pihak Tentera Laut Diraja Malaysia akan membina sebuah Hospital Tentera yang moden di Lumut; dan
- (c) sama ada satu jawatankuasa penyelarasan akan ditubuh untuk mengelakkan pembaziran wang rakyat dari segi penyediaan kemudahan-kemudahan asas dan kelengkapan-kelengkapan apabila kedua-dua Hospital tersebut muncul di Lumut nanti.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan (Tuan Yeoh Poh San):** Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab

soalan (a) Hospital Daerah baru di Manjong masih lagi di dalam perancangan. Tapak bagi hospital ini telah dibeli dalam tahun 1980. Oleh kerana kekurangan peruntukan dalam tahun ini dan juga tahun hadapan, pembinaan hospital ini terpaksa ditangguhkan.

Untuk menjawab soalan (b), saya sedar bahawa pihak Tentera Laut Diraja Malaysia merancang untuk membangunkan sebuah hospital di Kompleks Tentera Laut di Lumut.

Untuk menjawab soalan (c), satu perbincangan di antara pihak Kementerian Kesihatan dengan pegawai-pegawai kanan Kementerian Pertahanan telah diadakan pada 21hb Mei 1981. Di dalam perbincangan itu penyelarasan bagi kegunaan dan skop kedua-dua hospital telah dikaji dengan teliti supaya pembangunan hospital ini tidak akan menimbulkan pembaziran.

Hospital yang akan didirikan di Kompleks Tentera Laut di Lumut adalah merupakan satu Pusat Rawatan Kawasan (Regional Hospital) bagi tentera. Selain daripada kakitangan dan keluarga tentera yang bertugas di Naval Base di Manjong, tentera yang bekerja di utara Semenanjung Malaysia akan juga dapat diberi rawatan di Kompleks ini.

Adalah dianggarkan bahawa hospital di Naval Base ini akan digunakan oleh kakitangan tentera dan keluarga mereka seramai lebih kurang 60,000 orang. Hospital Baru Sri Manjong yang akan didirikan oleh Kementerian Kesihatan adalah untuk menampung keperluan bagi orang awam yang tinggal di daerah Dinding dan tempat-tempat yang berdekatan. Di dalam tahun 1980 penduduk di daerah itu adalah seramai 146,000. Bilangan ini dijangka meningkat kepada 179,000 dalam tahun 1985.

## LEBUHRAYA MELINTANGI SAWAH

**9. Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan** minta Menteri Kerjaraya menyatakan adakah Kerajaan sedar bahawa ada antara lebuhraya-lebuhrayanya yang dibina melintangi sawah-sawah besar, apabila datang hujan lebat membawakan air yang tidak dapat mengalir ke mana-mana itu boleh dan telah menenggelami kampung-kampung halaman di sekitar lebuhraya tersebut, adakah beliau sedar bahawa setengah-setengah seperti itu tidak dilubangkan untuk air lalu lintas supaya jangan tersekat air yang boleh menenggelamkan kampung-kampung di sekitarnya; jika sedar apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk mengatasi masalah itu.

**Timbalan Menteri Kerjaraya (Tuan Zainal Abidin bin Zin):** Tuan Yang di-Pertua, pembinaan jalan dan pembinaan pamaritan adalah dijalankan oleh dua jabatan yang berlainan. Walau bagaimanapun, dalam pembinaan jalan raya, pihak Kementerian saya, khasnya JKR, telah mengambil pasti dalam menentukan perancangannya supaya pengaliran air dapat berjalan dengan baik sebelum pembinaan ini dibuat.

Kita sentiasa mendapat kerjasama dengan Jabatan Parit dan Taliair dalam menjalankan perancangan pembinaan ini. Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, kadang-kadang terdapat, setelah pembinaan ini selesai maka pembangunan di sekitarnya berlaku dengan pesat dan menjadikan pertambahan air yang berlebihan terutama sekali ketika hujan lebat ataupun musim tengkujuh dan perkara inilah yang berlaku kemungkinan di kawasan Ahli Yang Berhormat yang berkenaan.

**Tuan Ahmed Hambal bin Yeop Majlis:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada

Yang Berhormat Timbalan Menteri, mengapakah pembinaan lebuhraya-lebuhraya ini di mana-mana sahaja di dalam negara kita, sama ada yang melalui perkampungan-perkampungan ataupun kawasan-kawasan persawahan seperti dalam pertanyaan asal tadi, selalu pembinaannya begitu tinggi, ditembak begitu tinggi sehingga menimbulkan banyak masalah walaupun ada tempat-tempatnya tidak perlu dibina begitu tinggi sekali. Misalnya, yang pertama sekali boleh memisahkan kampung-kampung yang dilalui oleh lebuhraya itu kadang-kadang satu tuan tanah terpisah dan yang kedua, boleh menimbulkan merbahaya kepada orang ramai dan rumah kediaman yang berhampiran di kira kanan lebuhraya tersebut. Bukankah dengan keadaan pembinaan yang demikian boleh meninggikan lagi kos perbelanjaan pembinaan lebuhraya tersebut?

**Tuan Zainal Abidin bin Zin:** Tuan Yang di-Pertua, pembinaan lebuhraya pada ketika ini memang sudah tinggi kosnya dan sekiranya terdapat tempat-tempat yang tertentu keadaan lebuhrayanya tinggi, dengan sendirinya kosnya pun tinggi dan kita menentukan pembinaan ini supaya lebuhraya ini tidak tenggelam seperti yang telah berbangkit di dalam soalan yang asal. Ketika kampung ini tenggelam, lebuhraya tidak tenggelam, tetapi kalau kita bina lebuhraya rendah daripada kampung, kemungkinan kampung tidak tenggelam tetapi lebuhraya yang tenggelam (*Ketawa*).

Tuan Yang di-Pertua, tentang pemisahan tanah ini, saya percaya kita semua maklum bahawa tanah sudah sedia ada sedangkan lebuhraya datang kemudian. Maka dalam perancangan untuk menentukan penyesuaian penggunaan lebuhraya ini terdapatlah masalah berlakunya pemisahan hakmilik tanah ini di tempat-tempat

yang tertentu. Kita tidak dapat memberi satu kepastian kepada tuan tanah bahawa dalam perancangan pembinaan lebuhraya ini, tanah mereka tidak terpisah antara barat ataupun timur, di bahagian tengahnya dilalui oleh lebuhraya. Sekiranya kita mengambil pendekatan untuk menentukan bahawa tanah-tanah ini tidak terpisah, maka lebuhraya kita menjadi lebuhraya yang bengkok-bengkok (*Ketawa*).

**Tuan Yew Foo Weng:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam jawapan Timbalan Menteri tadi, beliau ada mengatakan di antara sebab-sebabnya adalah masalah air melalui jalan-jalan itu dan ada bah-bah di tepi jalan. Tetapi sebab yang dikatakan oleh Timbalan Menteri ialah berasaskan kepada iklim atau masalah ini adalah teruk pada musim tengkujuh. Tetapi selalunya jalanraya pada musim hujan sahaja, bukan hujan lebat, jalan raya itu menjadi sungai dan kadang kala menjadi kolam, berlumpur. Adakah ini berasas kepada rekaan atau spesifikasi jalan raya itu pada permulaannya tidak ketat. Adakah pihak Kementerian mengkaji semula segala pelan-pelan yang digunakan oleh Kementerian sebelum membina jalanraya dan saya rasa masalah ini tidak akan timbul kalau kajian yang ketat boleh dikenakan.

**Tuan Zainal Abidin bin Zin:** Tuan Yang di-Pertua, kajian yang pertama sebelum kita membina jalan raya ini sebenarnya telah kita buat tetapi seperti yang telah saya jawabkan di peringkat awal tadi, setelah jalan raya ini siap maka kemudahan-kemudahan lalu lintas telah menjadikan pembangunan di sekitar jalan raya ini bertambah pesat. Dengan itu dalam keadaan hujan lebat ataupun hujan sedikit sepertimana dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat tadi menjadikan jalan raya ini tenggelam dan berlumpur. Saya ingin memberi satu

pengesahan kepada Ahli Yang Berhormat, bahawa Kementerian saya tidak jemu-jemu mengkaji bagi mengatasi masalah yang ada dan kita sentiasa membina pembedong-pembedong bagi mengatasi keadaan banjir ini.

**Tuan Othman bin Abdul:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan, pihak manakah yang menjalankan pengawasan di atas pembinaan lebuh raya-lebuh raya ini. Soalan kedua, adakah pihak Kerajaan sedar bahawa telah berlaku penipuan iaitu mengenai bahan-bahan pembinaan lebuh raya ini iaitu di dalam kawasan saya di mana tanah yang telah dibuat kajian dan diperakui oleh konsultan telah tidak digunakan malahan pihak kontraktor ini telah menggunakan tanah merah yang lebih rendah mutunya. Ini akan mengakibatkan kerosakan yang lebih hebat pada jalan-jalan atau lebuh raya Kerajaan di masa akan datang.

**Tuan Zainal Abidin bin Zin:** Tuan Yang di-Pertua, ada dua jabatan melihat masalah jalan raya ini. Satu yang dipanggil Lembaga LebuhRaya yang akan mengawasi lebuh raya yang ada dalam negara kita, lagi satu ialah Jabatan Kerjaraya yang akan melihat keadaan jalan raya yang ada dalam negara kita ini. Lebuh raya dan jalan raya itu bunyinya 'raya', tetapi ia berlainan. Saya tidak dapat mengetahui perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi dan saya ingin mendapat pengesahan yang lebih lanjut dan inilah caranya kalau Ahli Yang Berhormat ingin sama-sama bertanggungjawab supaya Kerajaan kita dapat berbelanja lebih sedikit untuk mendapat projek yang lebih baik.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Nik Mat.

(Soalan No. 10 Y.B. Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Nik Mat tidak hadir).

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Dr Chen Man Hin.

(Soalan No. 11 Y.B. Dr Chen Man Hin tidak hadir).

### PROJEK HIDRO-ELETRIK DI PELAGUS

**12. Tuan Sim Kwang Yang** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan:

- (a) sama ada Kerajaan telahpun memutus untuk melaksanakan projek gergasi hidro-letrik di Pelagus, Bahagian Ketujuh, di Sarawak yang menelan belanja sebanyak \$8 billion,
- (b) adakah Kerajaan bercadang mengumumkan laporan kemungkinan ke atas projek tersebut supaya rakyat pada umumnya dan pakar-pakar serta ahli-ahli alam sekitar khususnya boleh memberi maklum balas mengenai cadangan tersebut sebelum ia dilaksanakan,
- (c) sekiranya projek tersebut dilaksanakan bagaimanakah projek tersebut akan menguntungkan pengguna-pengguna industri dan domestik di Negeri Sarawak;
- (d) jumlah keluarga di sekitar tapak projek tersebut yang akan dipindah sekiranya projek tersebut dilaksanakan dan sila nyatakan kos yang terlibat,
- (e) apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk memastikan terdapat imbalan sistem ekologi di kawasan tapak berkenaan supaya tidak menyebabkan kerosakan alam sekitar, dan

(f) bagaimanakah projek tersebut akan memenuhi keperluan tenaga negara.

**Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Datuk Leo Moggie anak Irok):** Tuan Yang di-Pertua, saya bercadang untuk menjawab soalan (a) hingga (f) secara sekali gus dan tidak secara satu persatu.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, satu kajian pelan induk bagi pembangunan sistem tenaga di Sarawak telah dilaksanakan oleh pihak SIASCO mulai bulan Disember, 1979. Tujuan utama kajian ini ialah mengkaji potensi pembangunan tenaga haidro di Sarawak khususnya di kawasan tadahan Sungai Rajang termasuk kemungkinan menyalurkan sebahagian dari kuasa itu ke Semenanjung. Dalam Pelan induk ini yang telah disiapkan pada bulan November 1983, telah dikenalpasti beberapa projek mengikut keutamaan yang didapati sesuai dari segi teknikal dan ekonomi untuk dilaksanakan iaitu di Bakun, Murun, Pelagus dan Balik. Setakat ini belum ada lagi keputusan yang telah dibuat oleh Kerajaan untuk melaksanakan projek-projek haidro utama yang telah dikenalpastikan itu dan projek manakah yang akan dilaksanakan terlebih dahulu. Namun begitu berasaskan kedudukan yang sedia ada sekarang, adalah didapati bahawa projek haidro Bakun mempunyai kebanyakan merit untuk diutamakan dari lain-lain projek yang telah dikenalpasti itu.

Di samping itu juga, Kerajaan sekarang sedang melaksanakan kajian mengenai pelaburan bagi sektor tenaga (investment study on power section) di seluruh negara yang dijangka akan siap pada awal tahun 1985 nanti. Keputusan mengenai pelaksanaan potensi-potensi haidro Sarawak hanya akan dibuat oleh Kerajaan setelah selesainya kajian mengenai pelaburan ini iaitu pada

pertengahan tahun hadapan. Buat sementara waktu, Kerajaan telahpun bersetuju untuk meneruskan semua kajian yang melibatkan kawasan Bakun termasuk kajian-kajian rekabentuk (detailed design study) hidrologi dan juga excess road. Dalam hal ini perlu saya menegaskan bahawa secara amnya perhatian berat akan diberi kepada semua aspek projek ini termasuk juga ke atas persekitaran dan penempatan semula (resettle) penduduk-penduduk yang mungkin terlibat dan kesemua aspek ini akan dikaji dan dinilai oleh pakar-pakar baikpun dari luar ataupun dalam negeri.

Oleh yang demikian, keputusan mengenai pelaksanaan potensi-potensi hidro di Sarawak ini hanya akan dibuat selepas diambil kira kesemua aspek yang dinyatakan di atas.

### **BEKALAN AIR/ELETRIK DI WILAYAH PERSEKUTUAN**

**13. Dr Tan Seng Giaw** minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan sama ada beliau sedar mengenai aduan bahawa penduduk bukan Melayu di Wilayah Persekutuan sedang menghadapi masalah dalam memperolehi kelulusan untuk permohonan bekalan air dan elektrik walaupun rumah mereka adalah bergeran. Apakah langkah yang akan diambil untuk membaiki keadaan tersebut. Apakah langkah yang akan diambil untuk mempertingkatkan kordinasi antara Dewan Bandaraya, Jabatan Kerajaan dan Lembaga Letrik Negara.

**Menteri Wilayah Persekutuan (Dato' Shahrir bin Abdul Samad):** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Wilayah Persekutuan memang sedar tentang adanya aduan mengenai masalah dalam memperolehi kelulusan untuk mendapatkan bekalan air dan elektrik di kawasan-kawasan

tertentu di Wilayah Persekutuan. Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, mengikut Akta Perancangan Wilayah Persekutuan, 1982, barangsiapa yang hendak mendirikan bangunan dan rumah di tanah persendirian, hendaklah terlebih dahulu mendapat kelulusan dari Dewan Bandaraya. Sekiranya kelulusan tidak diperolehi, penduduk-penduduk berkenaan akan mendapati sukar untuk mendapatkan bekalan air dan elektrik.

Saya ingin menasihatkan kepada penduduk yang terlibat supaya mereka mendapat kelulusan dari Dewan Bandaraya sebelum mereka membina bangunan dan rumah di kawasan-kawasan tertentu di Wilayah Persekutuan. Perlu saya jelaskan bahawa peraturan ini dikenakan kepada semua tidak kira keturunan.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Ahli Yang Berhormat bermaksud hendak mengira soal faktor sosio-ekonomi, ada yang tidak mampu untuk berbuat demikian. Kalau ada mengira perkara ini adakah Dewan Bandaraya akan memberi bantuan kepada mereka supaya mereka dapat menikmati kemudahan-kemudahan yang disediakan oleh Kerajaan.

**Dato Sharir bin Abdul Samad:** Tuan Yang di-Pertua, saya berharap kiranya Ahli Yang Berhormat boleh menjelaskan apa yang dimaksudkan dengan 'demikian' dalam perkataan 'demikian' itu. Saya tidak faham.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, maksud saya ada banyak orang oleh kerana pendapatan yang rendah dan kerana kurang pelajarannya tidak dapat menyediakan pelan-pelan dan sebagainya termasuk untuk pergi ke Dewan Bandaraya yang bangunannya begitu cantik dan tinggi. Itulah maksud saya.

**Dato Shahrir bin Abdul Samad:** Saya rasa itu tidak menjadi halangan, Tuan Yang di-Pertua, tambahan lagi saya rasa dengan adanya Ahli Yang Berhormat yang juga cekap dan mempunyai pandangan yang begitu berat kepada soal-soal sosio-ekonomi pengundi-pengundinya, saya rasa tentu beliau boleh memberi nasihat untuk melakukan perkara ini. Dan saya rasa itu tidak menjadi satu masalah kepada beliau.

### REVOLUSI HIJAU

**14. Tuan Abdillah bin Haji Abdul Hamid:** minta Menteri Pertanian menyatakan sejauh manakah "Revolusi Hijau" suatu perubahan yang muncul melalui penanaman hasil benih atau baka baru tanaman yang diperkenalkan oleh MARDI berjaya mengubah nasib petani. Apakah kesannya ke atas hasil pengeluaran pertanian negara.

**Tuan Luhut Wan:** Tuan Yang di-Pertua, peranan utama MARDI seperti yang termaktub di dalam Akta MARDI 1969 adalah untuk menjalankan penyelidikan saintifik, teknikal, ekonomi dan sosial berkaitan dengan pengeluaran, penggunaan dan pemerosesan berbagai tanaman kecuali getah, kelapa sawit dan ternakan.

Dalam usaha ini, Institut ini juga memberi tekanan kepada penyelidikan pembaik baka di mana melalui kacukan dan seringan jenis-jenis baru ini akan memberi hasil dan mutu yang tinggi serta mempunyai ketahanan terhadap penyakit dan kriteria lain diperolehi.

Program-program penyelidikan pembiakan bagi tanaman-tanaman yang diberi prioriti telah menghasilkan jenis-jenis baka baru seperti berikut:

#### *Padi—*

Sebelas jenis padi baru yang boleh mengeluarkan 4 hingga 6.5

tan sehektar telah diisytiharkan. Jenis baru ini telah ditumpukan di MADA, KADA, Krian, Tanjong Karang dan Besut. Jenis padi baru seperti Manik dan Muda mempunyai ketahanan terhadap penyakit merah.

#### *Koko—*

Pada penghujung tahun 1983, 5 klon koko iaitu KKM 1,2,3,6,7 yang telah berkeupayaan mengeluarkan hasil dari di antara 1,500 dan 3,000 kilogram sehektar telah diisytiharkan. Klon-klon baru ini digunakan dalam projek perintas pemulihan koko di rungkup, sungai Keli di Hilir Perak, Kampung Asam Jawa, Sabak Bernam dan Rengit, Johor.

#### *Jagung—*

Beberapa jenis jagung iaitu MARDI Komposit yang dapat mengeluarkan hasil 46 hingga 47.6 ton sehektar telah ditemui. Jagung jenis ini boleh diproses untuk makanan ternakan. Di samping itu Institut ini juga dapat mengeluarkan hasil 6 hingga 10 ton sehektar.

#### *Nenas—*

Jenis baru yang mempunyai mutu dan saiz yang lebih baik telah ditemui dari hasil kacukan jenis Sarawak dan Singapore Spanish.

#### *Jenis Betik Baru—*

Jenis baru kacukan Subang Enam dan Hawaiian Solo telah diperolehi.

#### *Melon Wangi—*

Beberapa jenis yang dibawa masuk dari luar negeri telah diuji dan mempunyai potensi untuk ditanam di tanah beris di negeri pantai timur.

Tanaman-tanaman lain selain dari baka-baka baru telah diperolehi.

Kegiatan juga ditumpukan bagi mendapat jenis-jenis yang memberi hasil yang lebih tinggi seperti tanaman-tanaman rempah dan minuman tanaman perubi dan tanaman pemanis.

**Wan Ibrahim bin Wan Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan daripada Timbalan Menteri sejauh mana baka-baka baik, benih-benih baik yang disebutkan oleh Timbalan Menteri tadi sampai kepada petani-petani yang boleh menghasilkan tanaman-tanaman mereka dengan baik seperti yang dikeluarkan atau yang disiasat oleh MARDI.

Perkara yang kedua, ingin saya tahu adakah Kementerian Pertanian sedar bahawa terdapat benih-benih padi yang baik yang hendak disalurkan kepada petani-petani akhirnya tidak sampai kepada petani kerana agen-agen Kerajaan yang ditugaskan untuk menyampaikan itu membawa benih-benih padi itu ke kilang-kilang padi untuk diproses menjadi beras.

**Tuan Luhut Wan:** Soalan yang pertama, Tuan Yang di-Pertua, tentu sekali pihak Ahli Yang Berhormat sedia maklum pihak Kerajaan dan agen-agen Kerajaan sentiasa memberi bantuan dan menolong para petani-petani pada masa mereka datang memohon benih-benih yang saya katakan dalam jawapan tadi tentu sekali pihak kami bersedia memberi atau membawa benih tersebut di mana-mana stesen agriculture atau di mana-mana tempat pihak petani memerlukan benih-benih tersebut.

Yang kedua, saya kurang pasti terhadap apa yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu mengenai keadaan dan syarat-syarat pihak agen-agen Kerajaan menjalankan tugas. Saya berharap ini bukan hanya perkara yang diomong-omongkan seperti yang tidak ada terbukti,

bahkan saya berharap pihak saya akan meneliti perkara itu dan pihak Kementerian akan mengesahkan adakah benar atau tidak apa yang disebutkan oleh pihak Ahli Yang Berhormat itu.

### ISTILAH BUMIPUTERA/ BUKAN BUMIPUTERA

**15. Tuan Ling Sie Ming** minta Perdana Menteri menyatakan setelah tamatnya Dasar Ekonomi Baru pada tahun 1990, apakah Kerajaan akan menimbang untuk memansuhkan istilah Bumiputera dan bukan Bumiputera, kerana istilah tersebut membezakan warganegara Malaysia kepada dua jenis golongan dan merupakan faktor perpecahan; jika tidak, mengapa.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob):** Tuan Yang di-Pertua, Dasar Ekonomi Baru tidak berfalsafahkan istilah Bumiputera dan bukan Bumiputera. Dasar Ekonomi Baru pada hakikatnya dirangka dengan matlamat untuk mencapai Perpaduan negara melalui strategi:

- (1) mengurangkan dan seterusnya membasmi kemiskinan dengan meninggikan tingkat pendapatan serta menambah peluang pekerjaan bagi semua rakyat Malaysia tanpa mengira kaum.
- (2) mempercepatkan proses penyusunan semula-masyarakat Malaysia bagi memperbaiki keadaan ekonomi yang tidak seimbang antara kaum supaya dapat mengurangkan dan seterusnya menghapuskan pengenalan kaum mengikut fungsi-fungsi ekonomi.

Pemansuhan istilah Bumiputera dan bukan Bumiputera tidak menjamin perpaduan negara akan tercapai. Isu pokok kepada perpaduan negara ialah

ketidak seimbangan kedudukan ekonomi di kalangan rakyat. Dengan itu bagi mencapai perpaduan negara ketidak seimbangan itu perlu diperbetulkan dahulu melalui peningkatan taraf ekonomi rakyat dan pembahagian kekayaan negara yang lebih adil di kalangan rakyat sekalian.

Dengan sebab itulah pencapaian matlamat Dasar Ekonomi Baru itu dianggap kritikal kepada negara ini. Lagipun pengertian istilah Bumiputera memberi pengertian berkaitan dengan asal usul sesuatu kaum. Hakikatnya asal usul ini tidak boleh dilupakan dan dimusnahkan begitu sahaja mengikut manipulasi yang sewenang-wenangnya.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di Pertua, soalan tambahan. Dengan pengekalan istilah ini adakah Yang Berhormat Menteri hendak menyiasat kesannya ke atas apa yang kita sedia maklum polarisasi kaum yang terdapat di negara ini semata-mata dari segi fizikal, dari segi material, saya berharap akan dibahagikan dengan adil. Walau bagaimanapun, dengan istilah yang kekal ini bolehkah Yang Berhormat menjamin polarisasi kaum tidak menjadi teruk.

**Dato Mohamed Khalil bin Yaakob:** Tuan Yang di-Pertua, saya telah menyatakan melalui istilah sahaja tidak menyebabkan masalah sekiranya ada polarisasi yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat. Sekiranya timbul masalah ini pengertiannya lebih mendalam daripada itu dan strategi hendak mengatasinya sudahpun saya katakan tadi.

#### **PENGSWASTAAN PERKHIDMATAN KERAJAAN**

**16. Tuan Karpal Singh** minta Perdana Menteri menyatakan sejauh manakah Kerajaan bercadang menswastakan khidmat-khidmat dan kemudahan-kemudahan amnya dan sama ada

Kerajaan bersedia mengkaji semula cadangan menswastakan perkhidmatan kesihatan dan perubatan dengan sebab penswastakan dalam bidang ini tidak baik bagi kepentingan nasional.

**Dato Mohamed Khalil bin Yaakob:** Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang telah ditegaskan oleh Kerajaan cadangan menswastakan perkhidmatan-perkhidmatan adalah merangkumi hampir semua bidang, kegiatan, perkhidmatan Kerajaan dan bagi tujuan ini semua agensi Kerajaan ketika ini sedang mengambil langkah mengenalpasti bidang-bidang yang sesuai untuk diswastakan. Malahan sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum ada perkhidmatan Kerajaan telahpun diswastakan atau dalam proses untuk diswastakan sedikit masa lagi.

Pada umum Kerajaan akan memberi keutamaan kepada penswastakan yang bercorak infrastruktur sementara perkhidmatan yang bercorak regularity, dengan izin, akan terus dikendalikan oleh Kerajaan.

Berhubung dengan cadangan menswastakan perkhidmatan kesihatan dan perubatan, Kerajaan sedar bahawa kemungkinan terdapat bahawa beberapa perkara yang menjejaskan kepentingan golongan-golongan tertentu khususnya bagi mereka yang berpendapatan rendah. perhatian khas akan diberi bagi tujuan memastikan supaya rancangan penswastakan tidak memberi kesan yang buruk kepada kebajikan dan taraf hidup golongan ini. Selaras dengan itu juga Kerajaan akan mengkaji dengan teliti sebarang cadangan penswastakan berhubung dengan perkhidmatan kesihatan sebelum sesuatu keputusan muktamad dibuat.

Dalam konteks ini saya ingin menyatakan ada Ahli Yang Berhormat bahawa Kerajaan akan terus bertanggungjawab kepada perkhidmatan-perkhidmatan yang diswastakan dan pula supaya tidak akan menghadapi sebarang kesukaran yang tidak menasabah.

### LEMBAGA TABUNG BURUH INDIA SELATAN

**17. Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed** minta Menteri Buruh menyatakan sejauh manakah kejayaan Lembaga Tabung Buruh India Selatan dalam menjaga kepentingan buruh India Selatan serta membantu mereka dan kaum keluarga mereka untuk dihantar balik ke negara asalnya.

**Timbalan Menteri Buruh (Dato' Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman):** Tuan Yang di-Pertua, Lembaga Kumpulanwang Buruh India Selatan terus menjalankan kegiatan-kegiatan mengikut seksyen 10 Ordinan Kumpulanwang Buruh India Selatan Bil. 24/1958 seperti berikut:

- (a) menghantar balik dan membantu buruh-buruh India Selatan dan orang-orang tanggungan mereka yang layak dihantar balik ke India;
- (b) menyara buruh-buruh India Selatan yang tua dan uzur serta orang-orang tanggungan mereka;
- (c) bantuan wang tunai kepada buruh-buruh India Selatan yang tua dan miskin yang tinggal di ladang-ladang dan tempat-tempat lain di Semenanjung Malaysia;
- (d) pemberian biasiswa kepada anak-anak keturunan India Selatan untuk belajar di Tingkatan 6 Rendah dan Atas; dan

- (e) bantuan pinjaman pelajaran kepada anak-anak keturunan India Selatan untuk melanjutkan pelajaran di universiti-universiti tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, daripada tahun 1984 hingga akhir tahun 1983, seramai 27,393 orang buruh-buruh India Selatan dan tanggungan-tanggungan mereka yang bukan warganegara Malaysia telah dihantar balik ke India atas permintaan mereka. Pada masa sekarang permintaan untuk balik ke India Selatan telah berkurangan sebab ramai buruh-buruh India Selatan itu ingin tinggal selama-lamanya di negara ini.

Dalam tahun 1983 umpamanya tidak ada seorangan buruh atau tanggungan mereka yang telah dihantar balik ke India.

**Tuan Yang di-Pertua:** Masa sudah cukup.

*(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 10, 11 dan 18 hingga 20 adalah diberi di bawah ini).*

### BEKALAN ELEKTRIK DI LUAR BANDAR—LAYANAN

**10. Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Nik Mat:** minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menerangkan sama ada beliau sedar adanya layanan yang berbeza-beza dalam membekalkan api elektrik di luar bandar semata-mata kerana pemohon itu menjadi Ahli Parti Islam Se Malaysia (PAS) menentang UMNO seperti yang berlaku di kampung-kampung dalam Negeri Kelantan.

**Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Dato' Sanusi bin Junid):** Adalah tidak benar bahawa adanya layanan yang berbeza-beza di dalam

membekalkan projek infrastruktur, khususnya bekalan api elektrik, di luar bandar di seluruh negara.

Sukacita dijelaskan kepada Yang Berhormat bahawa adalah menjadi hasrat Kementerian ini untuk membekalkan bekalan elektrik keseluruh kawasan luar bandar tanpa mengira kawasan atau daerah tertentu. Meskipun demikian, disebabkan keadaan peruntukan kewangan yang ada di Kementerian ini untuk projek berkenaan adalah terhad, maka Kementerian terpaksa melaksanakan projek-projek Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB) secara berperingkat-peringkat mengikut keutamaan setiap negeri.

Pelaksanaan projek-projek BELB disesuatu kawasan diberi keutamaan berdasarkan kriteria-kriteria berikut:

- (i) kawasan-kawasan berkenaan adalah berdekatan dengan punca bekalan;
- (ii) jumlah penduduk yang bersesuaian berbanding dengan kos pelaksanaan; serta
- (iii) tidak menghadapi banyak masalah seperti mendapatkan persetujuan (lalu) dari tuan-tuan tanah ataupun masalah-masalah teknikal.

Kementerian ini memangnya sedar bahawa masih banyak daripada kampung-kampung di negara ini, khususnya kampung-kampung yang terpencil masih belum mendapat bekalan elektrik serta kemudahan infrastruktur yang lainnya. Walau bagaimanapun, masalah ini akan dapat diatasi apabila Kerajaan melaksanakan Dasar Pembangunan Kampung dan Luar Bandar di mana kampung-kampung yang terpencil itu akan disertakan. Dengan cara ini, semua kemudahan infrastruktur akan dapat disalurkan dengan lebih 'ekonomi' dan berkesan.

### SYARIKAT BUMIPUTRA MALAYSIA FINANCE— PEMECATAN JURUAUDIT

**11. Dr Chen Man Hin** minta Menteri Kewangan jelaskan tindakan yang diambil oleh syarikat Bumiputra Malaysia Finance untuk memecat juruaudit antarabangsa, Touche Ross & Co., kerana perbuatan tersebut telah menimbulkan persoalan tentang taraf dan etika banking Malaysia.

**Menteri Kewangan (Tuan Daim Zainuddin):** Walaupun Syarikat Bumiputra Malaysia Finance Ltd. (BMFL), merupakan anak syarikat 100% milikan Bank Bumiputra Malaysia Bhd., ianya telah ditubuhkan mengikut chapter 32, Hong Kong Companies Ordinance. Tindakan memecat juruaudit antarabangsa, Touche Ross & Co., tidaklah menimbulkan apa-apa persoalan tentang taraf serta etika 'banking' di Malaysia.

Perlantikan juruaudit luar oleh sesebuah syarikat adalah dalam bidangkuasa pemegang-pemegang syernya dan ianya adalah ditentukan oleh mereka pada masa mesyuarat agung tahunan. Pemegang-pemegang syer mempunyai hak untuk mengekalkan atau menukar juruaudit. Bukanlah satu perkara luarbiasa bagi syarikat-syarikat, termasuklah institusi-institusi kewangan, untuk menukar juruaudit mereka dari masa ke masa. Penukaran Juruaudit Bumiputra Finance tidak ada kaitan dengan taraf dan etika banking di Malaysia.

### HARGA BUAH-BUAH TEMPATAN—KAWALAN

**18. Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim** minta Menteri Pertanian menyatakan memandangkan harga buah-buahan tempatan terlalu mahal, apakah tindakan yang diambil untuk

mengawal harganya supaya rakyat dari golongan miskinpun mampu membelinya.

**Menteri Pertanian (Tuan Anwar bin Haji Ibrahim):** Pengeluaran buah-buahan tempatan adalah terdiri daripada dua jenis, iaitu jenis buah-buahan yang tidak bermusim, di mana pengeluarannya boleh diperolehi di sepanjang masa dan jenis buah-buahan yang bermusim, di mana pengeluarannya didapati pada masa-masa tertentu sahaja.

Biasanya di dalam suatu masa yang tertentu, harga buah-buahan tempatan ini sangat dipengaruhi oleh keadaan mekanisma pasaran. Keadaan ini berlaku terutamanya bagi jenis buah-buahan yang bermusim di mana harganya akan meningkat apabila bekalan buah-buahan tempatan ini tidak dapat memenuhi permintaan yang bertambah pada masa itu.

Untuk mengawal keadaan harga buah-buahan tempatan ini, Kementerian Pertanian akan mengambil langkah-langkah supaya bekalan buah-buahan tempatan adalah mencukupi untuk penduduk-penduduk yang semakin bertambah dengan menentukan Sistem Pemasaran, pengeluaran dan pengagihan buah-buahan adalah seimbang dengan permintaan bagi sesuatu tempat.

Bagi mencapai matlamat ini selaras dengan Dasar Pertanian Negara, Kementerian Pertanian telah merangka program pemulihan dan pembangunan semula dusun secara insentif dan teratur supaya pengeluaran buah-buahan tempatan dapat ditingkatkan. Dengan peningkatan pengeluaran buah-buahan tempatan ini, adalah dijangkakan pada masa hadapan harga buah-buahan tempatan dapat distabilkan pada kadar yang berpatutan.

### **KEMPEN “BELI BARANGAN BUATAN MALAYSIA”— KEJAYAAN**

**19. Datuk Dr Hee Tien Lai** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan setakat manakah kejayaan yang telah dicapai dalam kempen “beli barang buatan Malaysia” dan gesaan eksportan baru sebagai satu daya usaha kebangsaan ke arah kemajuan baru yang telah diterima oleh Perdana Menteri sebagai panduan kepada semua anak Malaysia menghadapi keadaan yang susah sekarang ini dan juga untuk masa depan; dan juga untuk membetulkan imbalan bayaran negara yang melebihi pendapatan.

**Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah):** Pada masa ini Kerajaan telah berusaha bagi menyedarkan rakyat tentang peri mustahaknya membeli barangan buatan Malaysia. Dalam hal ini, Kementerian saya telah menubuhkan satu jawatankuasa pemandu ke arah usaha kempen “beli barangan buatan Malaysia” yang akan dilancarkan tahun hadapan. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, antara tugas-tugas jawatankuasa ini ialah untuk merumuskan segala dasar, strategi serta program dan aktiviti untuk melaksanakan kempen tersebut. Selain dari itu, ia juga akan mengawasi penyelarasan kegiatan serta memberi nasihat, bantuan dan menilai prestasi setiap pasukan petugas.

Buat ketika ini, adalah terlalu awal bagi Kementerian saya untuk memberikan secara terperinci akan kejayaan yang telah tercapai. Walaubagaimanapun, beberapa program akan diatur untuk memastikan keberkesanan kempen tersebut. Program tersebut ialah:

- (i) Program undang-undang dan peraturan yang dipengerusikan

- oleh Kementerian  
Perdagangan dan  
Perindustrian;
- (ii) Program pendidikan yang  
dipengerusikan oleh  
Kementerian Pelajaran;
- (iii) Program seranta yang  
dipengerusikan oleh  
Kementerian Penerangan;
- (iv) Program publisiti dan pameran  
yang dipengerusikan oleh  
Persatuan Pengilang-pengilang  
Malaysia;
- (v) Program khidmat masyarakat  
yang dipengerusikan oleh  
Dewan Perniagaan  
Kebangsaan; dan
- (vi) Program teknologi, mutu dan  
bahan tempatan yang  
dipengerusikan oleh  
Kementerian Perdagangan dan  
Perindustrian.

Kempen yang akan dijalankan ini tidak menetapkan tempoh masa yang tertentu bagi mengukur keberkesannya. Oleh itu, ia dijalankan secara jangka panjang dan jangka pendek dengan tujuan untuk mengubah sikap dan citarasa rakyat yang masih mengamalkan sikap prejudis terhadap barangan buatan tempatan. Adalah diharapkan bahawa dengan penglibatan Kementerian-kementerian yang berkenaan serta pihak swasta, maklumat-maklumat serta penerangan mengenai usaha Kerajaan ini akan mendapat sambutan dan galakan dari rakyat. Di samping itu, Kementerian saya juga berharap media massa kita boleh memberi sumbangan yang positif untuk memberi publisiti yang luas berkaitan dengan kempen ini.

Menyentuh tentang barangan eksport baru, Kerajaan, khasnya Kementerian saya telah berusaha mengenalpasti akan barangan baru

yang boleh dieksportkan ke pasaran antarabangsa. Barang-barang ini termasuk barang-barang yang telah siap diproses seperti barang-barang daripada getah, minyak sawit, barang-barang elektronik dan juga barang-barang dari kayu yang telah diproses. Selain dari itu, Kementerian saya juga sedang menjalankan usaha-usaha melalui Pejabat Perdagangan Malaysia di luar negeri untuk membuat kajian dan mengenalpasti bukan sahaja ke atas barangan utama yang sepatutnya dipasarkan tetapi juga barangan eksport yang berpotensi dan boleh memasuki pasaran antarabangsa. Bagi meningkatkan lagi perdagangan antarabangsa, Kerajaan, khasnya Kementerian saya telah berusaha dengan mempergiatkan lagi usaha-usaha 'counter trade' dengan mana-mana negara yang sanggup untuk berbuat demikian dengan Kerajaan Malaysia.

Adalah tidak dinafikan bahawa negara kita menghadapi defisit imbangan perdagangan pada tahun 1982. Walau bagaimanapun, keadaan ini tidak semestinya dilihat sebagai suatu situasi yang membimbangkan ataupun satu perkembangan yang buruk kerana pada tahun itu pembangunan dalam negara berkembang dengan pesat di mana Kerajaan telah mengimport beberapa bahan dan jentera untuk tujuan pembangunan. Walau bagaimanapun, pada tahun 1983, keadaan ini telah berubah di mana negara kita telah memperolehi lebihan perdagangan sebanyak \$2,107.2 juta dan untuk tempoh 6 bulan pertama tahun 1984, negara telah memperolehi lebihan perdagangan sebanyak \$2,498.6 juta berbanding dengan \$335.2 juta dalam tempoh yang sama pada tahun 1983.

Adalah diharapkan bahawa dengan pelancaran kempen "beli barangan buatan Malaysia" nanti, kedudukan imbangan negara kita akan bertambah kukuh.

**TELEFON DI TAMAN  
BUKIT MALURI,  
KEPONG**

**20. Dr Tan Seng Giaw** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan bilangan rumahtangga di Taman Bukit Maluri, Kepong yang telah memohon untuk telefon dari 1981 hingga 1984 serta menyatakan sebab penduduk-penduduk tersebut masih belum terima telefon yang dipohon. Adakah penduduk-penduduk tersebut akan terima telefon yang dipohon pada tahun ini. Jika tidak, mengapa.

**Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Datuk Leo Moggie Anak Irok):** Jumlah penunggu untuk perkhidmatan telefon di Taman Bukit Maluri, Kepong dari tahun 1981 hingga September 1984 ialah 1,775. Perkhidmatan telefon masih tidak dapat diberi oleh kerana kerja-kerja pemasangan kabel telefon ke kawasan tersebut telah tergendala disebabkan masalah-masalah teknikal yang melibatkan lintasan landasan keretapi. Masalah ini telahpun diatasi dengan kerjasama dari pihak Keretapi Tanah Melayu. Kerja-kerja pemasangan kabel telefon telah berjalan semula dan dijangka siap pada bulan Januari, 1985 dan pada masa itu penunggu-tenunggu telefon akan ditawarkan perkhidmatan.

**USUL-USUL**

**WAKTU MESYUARAT DAN  
URUSAN YANG DIBEBASKAN  
DARIPADA PERATURAN  
MESYUARAT**

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato Mohamed Khalil bin Yaakob):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12, Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini

sehingga semua Urusan Kerajaan yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat untuk hari ini telah selesai dipertimbangkan.

**Menteri Kehakiman dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Dr James P. Ongkili):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Usul ialah Bahawa mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai kesemua Urusan-urusan Kerajaan.

Usul dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12, Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga semua Urusan Kerajaan yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat untuk hari ini telah selesai dipertimbangkan.

**RANG UNDANG-UNDANG  
SYARIKAT (PINDAAN)**

**Penangguhan Bacaan Kali Yang  
Kedua dan Ketiga**

**Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan di bawah Peraturan Mesyuarat 62:

Bahawa Rang Undang-undang Syarikat (Pindaan) yang tertera sebagai Perkara Bil. 5 dalam Aturan Urusan Mesyuarat hari ini ditangguhkan perbincangan peringkat Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiganya ke mesyuarat Dewan ini yang akan diadakan akan datang.

**Menteri Luar Negeri (Tengku Dato' Ahmad Rithaudeen Al-Haj):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Usul ialah Bahawa Rang Undang-undang Syarikat (Pindaan) ditangguhkan ke mesyuarat yang akan datang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Rang Undang-undang Syarikat (Pindaan) yang tertera sebagai Perkara Bil. 5 dalam Aturan Urusan Mesyuarat hari ini ditangguhkan perbincangan peringkat Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiganya ke mesyuarat Dewan ini yang akan diadakan akan datang.

## RANG UNDANG-UNDANG RANG UNDANG-UNDANG PERHUTANAN NEGARA

**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." (16hb Oktober, 1984).

3.37 ptg.

**Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Tuan Megat Junid bin Megat Ayob):** Tuan Yang di-Pertua, hampir semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam perbahasan semalam telah bercakap dan mengeluarkan perasaan bagaimana sedihnya kawasan-kawasan hutan kita telah dinodai, hakisan terjadi di sana-sini, takungan air terjejas, bumi yang cantik menghijau telah luput, gondol di sana-sini, mencuri balak dan meneroka tanah adalah perkara biasa dan bermacam-macam lagi noda dan dosa telah berlaku terhadap bumi Malaysia yang bertuah itu.

Syukur saya kerana semua Ahli-ahli Yang Berhormat telah sedar, dengan kesedaran inilah Akta ini dicadang, diperbincang dan diharap dapat diluluskan.

Menyentuh tentang ucapan Yang Berhormat Wakil dari Matang di mana satu kawasan hutan yang diteroka haram oleh kaum-kaum Cina untuk ditanam ubi kayu, kelapa sawit dan sebagainya, pihak saya memang sedar akan perkara ini, tetapi ini adalah bidangkuasa Pejabat Daerah dan Kerajaan Negeri. Ini berlaku di tiap-tiap negeri, yang berbeza ialah kecil dan besarnya sesuatu kawasan itu.

Yang Berhormat dari Matang berkata kaum Cina berani, tetapi orang Melayu takut, tetapi ada setengah-setengah kawasan orang Melayu yang berpengaruh menjadi payung kepada kumpulan-kumpulan yang meneroka haram itu. Saya fikir Yang Berhormat dari Matang sendiri maklum akan perkara ini.

Saya bersetuju sangat kepada wakil dari Matang itu bahawa pegawai-pegawai daripada Jabatan Hutan mestilah jujur, ikhlas dan amanah. Selalunya perkara menyeleweng atau rasuah mestilah bertepuk dua belah tangan, ada pemberi, ada penerima, ada yang suka memberi dan ada pula yang terpaksa menerima. Tetapi yang hairan saya Yang Berhormat yang mendengar tepukan tangan itu tidak pula melaporkan ke pihak yang tertentu agar tindakan boleh diambil.

Tuan Yang di-Pertua, suka saya mengingatkan di sini bahawa Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian mempunyai privilege dengan izin, yang istimewa di Dewan yang mulia ini terutama terhadap pihak-pihak yang di luar Dewan, tetapi diharapkan janganlah menggunakan hak istimewa itu untuk melemparkan tuduhan kepada orang lain yang tidak berpeluang untuk mempertahankan diri di Dewan ini.

Wakil dari Matang telah menyuarkan prasangka yang buruk terhadap seorang pegawai tinggi hutan di Perak dengan mengatakan di mana beliau dapat wang untuk makan angin selalu keluar negeri. Pegawai tersebut tidak dapat mempertahankan diri walhal wakil dari Matang dilindungi oleh hak-hak istimewa dalam Dewan. Kalau fakta-fakta sudah cukup, bukti-bukti telah lengkap eloklah Yang Berhormat dari Matang menyuarkan perkara ini di luar Dewan agar memberi peluang untuk pegawai tersebut mempertahankan maruah dirinya.

Elok saya jelaskan di sini bahawa Pengarah Hutan Negeri tidak berkuasa meluluskan kawasan balak, kelulusan dibuat oleh satu Jawatankuasa yang terdiri daripada Exco Kerajaan Negeri.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Wakil Kapit yang akan memberi pertimbangan dan sokongan jika Akta ini dipanjangkan ke Sarawak kelak. Buat sementara ini Kementerian Perusahaan Utama akan memberi bantuan dan bimbingan jika diperlukan oleh Kerajaan Sarawak. Mengenai adakah Pengarah Hutan Negeri menerima arahan dari Ketua Pengarah Hutan Persekutuan, ingin saya menjelaskan bahawa Pengarah Hutan Negeri bertanggungjawab terhadap Kerajaan Negeri, bagaimanapun mengikut Perlembagaan Malaysia, Perkara 94 (1) berkenaan dengan tugas Ketua Pengarah, dengan izin:

“ . . . . .forestry officers of any State shall accept any professional advice given to the Government of that “State. . . . .”.

Yang Berhormat Wakil Kinabatangan telah membangkitkan soal pasaran kayu dan merayu agar Malaysia dapat memujuk Amerika dan Kanada supaya jangan terlalu

banyak menjual kayu mereka ke Jepun dan pasaran dunia yang lain. Ini akan diambil perhatian, tetapi kita sebagai penjual mesti pandai ambil hati pembeli dengan cara membuat rombongan dagangan, penerangan, juga dengan jalan menemukan secara peribadi pihak penjual dan pihak pembeli. Ini telah seringkali dilakukan oleh rombongan keluar negeri Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan saya sendiri baru-baru ini. Insya Allah, pada hujung bulan ini saya akan membawa lebih kurang 15 orang pengeksport kayu negara ke Negara-negara Timur Tengah seperti Oman, Algeria, Mesir, Saudi Arabia dan Kuwait. Cara kemudahan pembayaran (payment facilities) yang menggalakkan juga harus difikirkan kerana negara-negara lain yang mengeluarkan kayu juga berlumba-lumba untuk menjual hasil mereka. Payment facilities ini adalah salah satu cara yang mana hasil kayu kita laris dibeli oleh negara-negara lain.

Yang Berhormat Wakil Batang Padang telah membangkitkan masalah 3 kawasan hutan lipur yang ada di kawasan beliau di mana penjual-penjual bumiputera tidak dibenarkan berniaga. Saya berharap Yang Berhormat sudi berbincang dengan Pengarah Hutan Negeri agar satu formula dapat dicari untuk menyelesaikan masalah tersebut, seperti mengadakan kawasan khas berniaga dan pihak peniaga dapat bersama-sama bertanggungjawab untuk mengekalkan keaslian kawasan-kawasan tersebut. Dengan cara ini Yang Berhormat dapat membawa konsep Persyarikatan Malaysia ke kawasan Yang Berhormat sendiri.

Wakil Ulu Nerus telah menyuarkan kesangsian adakah Kerajaan Negeri dapat menerima Akta ini. Sebagai Kerajaan-kerajaan Negeri yang bermaruah, saya tidak fikir perkara ini akan berlaku kerana dari segi sejarah semua negeri terlibat

dengan penubuhan Akta ini, misalnya pada 17-3-84 telah dipersetujui oleh Majlis Perhutanan Negara dan pada 21-9-84 telah disah dan diluluskan oleh Majlis Tanah Negara. Tentang bab kesalahan dan penalti, ini akan dijalankan dengan baik dan jujur. Penalti yang terkandung dalam Akta ini adalah jauh lebih berat dari sebelum Akta ini. . . . .

**Tuan Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Sebenarnya tidak betul yang dikatakan tadi bahawa saya meragui bahawa Akta ini akan diterima pakai oleh Pihak-pihak Berkuasa Kerajaan Negeri. Kalau disemak balik *Hansard*, maka jelaslah bahawa saya sebenarnya berkeyakinan dan malahan menggesa supaya Pihak-pihak Berkuasa Kerajaan Negeri menerima pakai Akta ini setelah diluluskan oleh Parlimen. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, untuk penjelasan sahaja.

**Tuan Megat Junid bin Megat Ayob:** Minta maaf, Tuan Yang di-Pertua, kepada Wakil Ulu Nerus. Apa yang saya dengar daripada semalam ialah apa yang saya catatkan jawapan ini, *Hansard* ini datang kemudian, minta maaf.

Tentang pampasan projek-projek besar Kerajaan Pusat ini adalah di luar bidang kuasa Kementerian Perusahaan Utama. Pengarah Hutan hanya boleh memberi pendapat dan laporan kepada Kerajaan Negeri. Persetujuan muktamad atas satu-satu projek itu adalah hak Kerajaan Negeri dan segala pampasan adalah tertakluk kepada perbincangan di antara Kementerian yang bersangkutan dengan Kerajaan Negeri.

Wakil dari Ulu Muda berpendapat bahawa Akta ini telah terlambat. Kalau kita lihat perangkaan dari 9.4 juta hektar dalam tahun 1960 kita masih ada 6.3 juta hektar dalam tahun

1980, ini bermakna hanya 3.1 juta hektar atau 1/3 sahaja yang telah diusahakan selama 20 tahun. saya fikir Akta ini masih belum terlambat.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Wakil Tanjong Karang telah membangkitkan soal penyertaan Bumiputera dalam sektor ini. Untuk menjamin Dasar Penyertaan Bumiputera, mengikut Wakil Tanjong Karang, kawasan harus diberi lebih luas, ini adalah hak Exco Kerajaan Negeri untuk menentukan. Walaupun kecil atau besar kawasan yang diberi, yang penting adakah kawasan yang diperolehi itu diusahakan secara sendiri. Kalau luas macam mana pun yang diberi, tetapi dijual kepada bukan Bumiputera selepas sahaja kawasan itu diluluskan, Dasar Penyertaan Bumiputera tetap akan gagal.

Wakil Kuala Lumpur Bandar meragukan pelaksanaan Akta ini. Pihak Kementerian telah memikirkan bahawa apa yang tersurat dan juga yang tersirat dalam Akta ini adalah baik jika dilaksanakan dengan baik dan jujur. Dengan itu selepas Akta ini diluluskan, pihak Kerajaan akan melaksanakan dengan baik teratur dengan membuat rujukan serta perbandingan dengan Akta-akta yang lain yang telah diperkatakan oleh Yang Berhormat tersebut.

Yang Berhormat Kuala Lumpur Bandar juga telah menyentuh tentang kegagalan Kerajaan Negeri melaksanakan Dasar Perhutanan Negara di mana 22 kawasan untuk Hutan Simpan Lipur tidak diwujudkan. Inginlah saya membuat pembetulan di sini bahawa yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat tentang 22 kawasan ini ialah kawasan Taman Hidupan Liar yang mana adalah di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, bukan di bawah Kementerian Perusahaan Utama. Pihak Kementerian

Perusahaan Utama telahpun mewujudkan 27 kawasan Hutan Simpan Lipur dan 29 lagi kawasan adalah di dalam rancangan.

Memang ramai Ahli-ahli yang Berhormat berharap agar pelaksanaan Akta ini dapat berjalan dengan baik dan teratur, ini termasuk Wakil dari Pekan, Ulu Muda, Batang Padang dan juga dari Ulu Nerus. Marilah kita bersama-sama meneliti dan menentukan bahawa Akta ini dapat berjalan dengan sempurna, terutama dari segi pelaksanaannya. Dengan pelaksanaan yang baik dan teratur dapatlah kita mewariskan harta yang tidak ternilai ini yang diwarisi dari datuk nenek moyang kita dahulu kepada jenerasi kita yang akan datang, insya Allah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibaca kali yang kedua sekarang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

*Fasal 1 hingga 117* diperintahkan jadi sebahagian dari Rang Undang-undang.

Jadual Pertama hingga Kelima diperintahkan jadi sebahagian dari Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

## USUL

### JAWATANKUASA PILIHAN KHAS

#### RANG UNDANG-UNDANG DADAH BERBAHAYA (LANGAKH-LANGKAH PENCEGAHAN KHAS) 1984

3.50 ptg.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri (Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan bahawa—

(a) Bagi maksud menimbangkan Rang Undang-undang Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1984, menurut Peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat 54 (1) diserahkan kepada satu Jawatankuasa Pilihan yang dinamakan Jawatankuasa Pilihan Khas untuk membuat syor-syor mengenainya;

(b) keahlian Jawatankuasa Pilihan tersebut hendaklah terdiri daripada Ahli-ahli berikut—

- (1) Y.B. Radzi bin Sheikh Ahmad sebagai Pengerusi.
- (2) Y.B. Abdillah bin Haji Abdul Hamid.
- (3) Y.B. Dr George Chan Hong Nam.
- (4) Y.B. Hassan bin Haji Mohamed.
- (5) Y.B. Khadri bin Sabran.

(6) Y.B. Dr Koh Tsu Koon.

(7) Y.B. Lee Lam Thye.

yang dilantik oleh Jawatankuasa Pemilih menurut Peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat 81 (1) dan jika Pengerusi tidak dapat hadir dalam sesuatu Mesyuarat, Jawatankuasa itu boleh memilih seorang Pengerusi dari Ahli-ahli Jawatankuasa yang hadir yang akan memegang jawatannya hanya pada hari ia dipilih itu sahaja.

- (c) Jawatankuasa Pemilihan tersebut hendaklah mengkaji Rang Undang-undang Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1984 pada keseluruhannya dan memberi pandangan serta membuat syor ke atas peruntukan-peruntukan yang terkandung di dalamnya;
- (d) Jawatankuasa Pilihan tersebut hendaklah menyiapkan dan membentangkan laporan itu kepada Majlis pada Mesyuarat Pertama, Penggal Ketiga, Parlimen Keenam yang akan datang;
- (e) Korum bagi Jawatankuasa tersebut ialah 3 orang;
- (f) Semua peruntukan-peruntukan Peraturan Mesyuarat Majlis yang berhubung dengan acara dalam Jawatankuasa Pilihan hendaklah dipakai bagi urusan-urusan Jawatankuasa Pilihan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua. . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, barangkali (e) dan (f) itu ada dalam deraf ataupun dalam

bacaan Yang Berhormat, tidak ada dekat saya (e) dan (f). Saya ingat sudah habis setakat (d) sahaja.

**Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya. Jadi tidak ada (e) dan (f) ya?

**Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad:** Ya.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut Peraturan Mesyuarat 55 (1), sesebuah Jawatankuasa yang telah diserahkan kepadanya satu Rang Undang-undang sebelum bacaan kali yang kedua boleh membincangkan butir-butir Rang Undang-undang tersebut dan juga baik buruk dasar-dasarnya. Kerajaan berpendapat bahawa peluang hendaklah diberi kepada Ahli-ahli Jawatankuasa Pilihan bukan sahaja membahaskan butir-butir Rang Undang-undang tersebut bahkan juga buruk baik Rang Undang-undang itu kerana ia dibuat di bawah kuasa-kuasa khas Perkara 149 Perlembagaan Persekutuan. Dengan demikian, Rang Undang-undang tersebut perlulah diteliti dengan mendalam dan terperinci di peringkat Jawatankuasa Pilihan.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan membawa Rang Undang-undang Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1984 memandangkan bahawa masalah dadah di Malaysia adalah merupakan satu ancaman kepada ketenteraman awam dan keselamatan negara. Negara kita sedang menghadapi satu wabak penagihan yang amat serius. Golongan yang menjadi mangsa penagihan ialah pemuda pemudi kita yang menjadi harapan bangsa dan negara. Gejala ini adalah disebabkan oleh kegiatan segolongan manusia yang mencari keuntungan di atas kesengsaraan orang lain. Perangkaan yang telah terkumpul menunjukkan bahawa sejak tahun 1970 sehingga

bulan Ogos, 1984 seramai 100,731 orang telah dikesan sebagai penagih dadah. Bilangan kes-kes yang baru dikesan pula adalah meningkat tahun demi tahun. Dalam tahun 1980 sebanyak 7,154 kes-kes baru telah dikesan. Bilangan kes-kes baru tersebut telah meningkat menjadi 10,391 dalam tahun 1981, 13,363 dalam tahun 1982 dan 14,624 dalam tahun 1983. Keadaan ini sungguh menyedihkan Kerajaan kerana golongan terbesar yang menjadi mangsa penagih ini ialah pemuda pemudi kita. Bahkan wabak ini telah merebak hingga meresapi di kalangan anggota Pasukan-pasukan Keselamatan dan juga kakitangan Perkhidmatan Awam yang diamanahkan menjaga keselamatan dan menguruskan pentadbiran negara.

Dalam keadaan yang sedemikian orang-orang yang berniat untuk mengancam kestabilan dan keselamatan negara boleh menggunakan dadah untuk mengkhayalkan rakyat terutamanya muda mudi bagi meruntuhkan sama sekali akhlak dan maruah negara. Secara sendirinya keadaan ini akan melemahkan dan seterusnya merobohkan ketahanan dan nilai-nilai sosio budaya rakyat.

Rakyat yang ketagih kepada dadah akan menurut sahaja telunjuk musuh-musuh negara asalkan ketagihan mereka dapat dipuaskan. Keadaan ketagihan yang berleluasa yang membimbangkan kita mempunyai kaitan yang rapat dengan peningkatan kadar perlakuan jenayah yang berkaitan dengan harta benda seperti merompak, mencuri, pecah rumah dan sebagainya. Pada keseluruhannya mengikut anggaran yang dibuat kira-kira 60% hingga 70% dari jumlah perlakuan jenayah ada hubungan dengan dadah.

Mengikut perangkaan Jabatan Penjara kira-kira 40% daripada jumlah banduan yang kini berada

dalam penjara-penjara di seluruh negara adalah terdiri daripada mereka yang terlibat dengan dadah. Ini menunjukkan pertalian yang rapat di antara kegiatan dadah dengan jenayah.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang kita semua sedia maklum aktiviti pengedar-pengedar dadah ini adalah sangat kompleks lagi sophisticated. Urusan sindiket pengedar dadah dijalankan dengan penuh rahsia di semua peringkat, gerakannya seakan-akan satu gerakan bawah tanah komunis. Kegiatan pengedaran dadah di Malaysia masih berterusan walaupun pindaan kepada Akta Dadah Berbahaya, 1952 telah menetapkan hukuman mati mandatory ataupun wajib terhadap pengedar-pengedar dadah yang telah disabitkan kesalahannya. Akibat daripada kegiatan segolongan manusia ini Malaysia juga telah menjadi sebagai sebuah negara perantaraan, dengan izin, transit country yang penting di rantau ini bagi pengedar dadah di pasaran-pasaran antarabangsa. Ini telah menjejaskan imej negara kita di kalangan masyarakat antarabangsa. Memandangkan kepada kegiatan penagihan dan pengedaran yang berterusan dan berleluasa, Kerajaan pada tahun lalu telah mengisytiharkan masalah dadah sebagai satu ancaman kepada keselamatan negara. Sejajar dengan pengisytiharan itu Kerajaan telah mengadakan satu penyusunan semula jentera-jentera untuk memerangi dadah di negara ini dengan meletakkan tanggungjawab keseluruhannya di bawah Majlis Keselamatan Negara. Sejak itu langkah-langkah memerangi dadah secara menyeluruh telah diperhebatkan termasuklah Kempen Anti Dadah di seluruh negara, penggubalan dan pindaan Undang-undang serta peningkatan usaha-usaha penguatkuasaan.

Sejak berkuatkuasanya pindaan kepada Akta Dadah Berbahaya 1952 pada 15hb april 1983 di mana hukuman mati mandatory dijatuhkan sehingga 3hb Oktober 1984 kita telah berjaya menangkap seramai 632 orang pengedar dadah di bawah seksyen 39(b) di mana 554 daripada mereka telah ditubuh di mahkamah dan empat orang telah dijatuhkan hukuman gantung.

Perangkaan-perangkaan di atas menunjukkan bahawa semakin ramai orang yang terlibat dengan pengedaran dadah. Walaupun agensi-agensi penguatkuasa telah menjalankan gerakan yang terus menerus namun begitu masih ramai yang sanggup mengambil risiko menyabung nyawa menjalankan kegiatan yang durjana ini kerana keuntungan lumayan yang diperolehi dari kegiatan tersebut. Keuntungan besar yang diperolehi dari pengedaran dadah di Malaysia terbukti dengan perampasan beberapa dokumen yang berkaitan oleh pihak-pihak Polis baru-baru ini. Di Pulau Pinang pihak Polis telah menjumpai salinan-salinan rekod Bank yang disimpan oleh orang-orang yang terlibat dengan kegiatan penukaran wang di pasaran gelap. Rekod-rekod Bank tersebut menunjukkan bahawa di antara bulan Januari 1983 dan bulan Jun 1984 sejumlah \$209 juta telah dikirimkan oleh sindiket-sindiket pengedaran dadah ke Hong Kong melalui New York.

Penyiasatan lanjut oleh pihak Polis menunjukkan bahawa jumlah tersebut adalah merupakan bayaran untuk dadah yang telah diseludup masuk ke Malaysia dari Thailand. Ini terbukti bahawa kegiatan pengedaran dadah adalah merupakan satu kegiatan yang sungguh menguntungkan. Harga heroin yang dijual kepada penagih-penagih di kaki-kaki lima New York

adalah dianggarkan beribu kali ganda daripada harganya di ladang-ladang kopi di Golden Triangle.

Akta Dadah Berbahaya 1952 yang telah dipinda beberapa kali nampaknya tidak memberi kesan dalam gerakan membanteras pengedaran dadah kerana ketua-ketua sindiket, pedagang dan pengedar dadah tidak dapat ditangkap dengan memiliki dadah kerana pengaliran dadah secara fizikal adalah dilakukan oleh orang-orang suruhan mereka sahaja.

Pada masa sekarang Kerajaan menguatkuasakan peruntukan Undang-undang di bawah Ordinan Darurat (Ketenteraman Awam dan Mencegah Jenayah) 1969 terhadap mereka. Di bawah Ordinan tersebut mereka boleh ditahan hanya untuk tempoh selama dua tahun sahaja bagi menghalang mereka dari meneruskan kegiatan pengedaran dadah. Selepas tamat tempoh dua tahun mereka terpaksa dibebaskan kerana tiada peruntukan di dalam Ordinan berkenaan yang memberi kuasa kepada Menteri Dalam Negeri untuk melanjutkan lagi tempoh tahanan tersebut. Dengan demikian tempoh tahanan tersebut tidak memberi kesan pencegahan, dengan izin, "deterrence" terhadap ketua-ketua pengedar, pedagang sindiket dadah kerana:

- (1) tempoh dua tahun tersebut tidak dapat melumpuhkan infrastruktur sindiket-sindiket dadah kerana keuntungan yang besar yang mereka telah perolehi dari pengedaran dadah dapat mengganti, dengan izin, "compensate" tempoh tahanan yang mereka jalani selama dua tahun tersebut; dan
- (2) ketua-ketua pengedar, pedagang, sindiket dadah enggan memberi kerjasama kepada agensi penguatkuasa

untuk membanteras kegiatan-kegiatan sindikit pengedar dadah kerana mereka mengetahui bahawa selepas tempoh dua tahun mereka akan tetap dibebaskan.

Adalah juga didapati bahawa tempoh tahanan selama dua tahun di bawah Ordinan Darurat (Ketenteraman Awam dan Pencegahan Jenayah) 1969 tidak seimbang dengan hukuman mati mandatory ataupun wajib yang diperuntukkan di bawah seksyen 39 Akta Dadah Berbahaya 1952. Ini adalah kerana orang-orang upahan ataupun "courier" sindiket dadah dikenakan hukuman gantung sampai mati di bawah seksyen 39(b) sedangkan ketua-ketua sindiket, pengedar, pembiayai dan pengurus perniagaan haram ini yang sebenarnya hanya dikenakan tahanan pencegahan selama dua tahun sahaja.

Bagi mengatasi kelemahan-kelemahan dalam Undang-undang kita maka Rang Undang-undang Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1984 digubalkan.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang ini telah pun dikemukakan dalam Dewan ini dan dibaca kali pertamanya pada 12hb Oktober 1984. Kerajaan telah memutuskan bahawa sebelum bacaan kali yang kedua Rang Undang-undang ini hendaklah dirujuk kepada satu Jawatankuasa Pilihan Khas yang mengandungi Ahli-ahli Dewan yang mulia ini.

Rang Undang-undang ini digubal di bawah kuasa-kuasa khas Perkara 149 Perlembagaan Persekutuan kerana masalah pengedaran dadah seperti yang saya telah terangkan sebentar tadi adalah amat serius.

Walau bagaimanapun, sesuatu Rang Undang-undang yang dibuat di bawah Perkara 149 Perlembagaan

Persekutuan adalah menyentuh hak-hak asasi yang diperuntukkan dalam Perkara-perkara 5, 9, 10 dan 13 Perlembagaan Persekutuan. Dengan demikian, Kerajaan berpendapat bahawa Rang Undang-undang tersebut patut dikaji dengan teliti dan mendalam dan dengan mengambilkira pandangan dan cadangan orang ramai mengenainya.

Rang Undang-undang ini dirujuk kepada satu Jawatankuasa Pilihan Khas Dewan Rakyat adalah juga kerana Kerajaan berpendapat bahawa tanggungjawab untuk mengawal dan mencegah pengedaran dadah di negara kita tidak seharusnya dibebankan kepada Kerajaan semata-mata. Semua golongan dalam masyarakat hendaklah tampil ke hadapan memberi sumbangan dan kerjasama sesuai dengan kemampuan, kebolehan dan kepakaran mereka masing-masing. Dalam hubungan ini Kerajaan telah mengadakan beberapa perjumpaan dengan berbagai golongan dalam masyarakat untuk mendapatkan penglibatan mereka dalam usaha-usaha mengawal dan mencegah masalah dadah di negara kita. Dengan demikian adalah wajar jika orang ramai diberi peluang untuk turut serta dalam perbincangan Rang Undang-undang tersebut dengan memberi pandangan dan cadangan mereka mengenainya.

(Dr Abdul Hamid bin Pawanteh  
*mempengerusikan Mesyuarat*).

Tuan Yang di-Pertua, menurut Peraturan-peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat mengenai Jawatankuasa Pilihan Khas, sesuatu Jawatankuasa Pilihan Khas yang ditugaskan untuk menimbang dan membuat syor-syor mengenai sesuatu Rang Undang-undang adalah dibolehkan menerima pandangan, cadangan dan syor-syor dari persatuan-persatuan, pertubuhan-pertubuhan dan orang-orang

persendirian sama ada secara bertulis atau lisan mengenai Rang Undang-undang yang dipertimbangkan.

Tuan Yang di-Pertua, sehubungan dengan perkara ini saya mohon mengambil kesempatan di Dewan yang mulia ini untuk menyeru kepada orang ramai supaya mengambil bahagian yang aktif di dalam perbahasan Rang Undang-undang Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1984 dengan memberi pandangan, cadangan dan syor-syor mengenainya kepada Jawatankuasa Pilihan yang dilantik itu. Kerajaan berpendapat bahawa pandangan-pandangan yang akan diberikan itu boleh membantu Kerajaan memperkemas lagi peruntukan-peruntukan Rang Undang-undang tersebut bagi membolehkannya menjadi alat yang berkesan di dalam usaha kita membanteras kegiatan pengedaran dadah di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Tuan Megat Junid bin Megat Ayob):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah:** Tuan Yang di-Pertua.

**Dr Abdul Hamid bin Pawanteh:** Ya, Yang Berhormat?

**Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah:** Sebelum dibahas, saya hendak minta kepastian, sebelum Majlis mengambil ketetapan bahawa tadi ada Yang Berhormat Timbalan Menteri menerangkan para (e) dan (f), kemudian ditegur oleh Tuan Speaker Jadi, saya hendak kepastian, adakah perkara (e) dan (f) itu dimasukkan, kerana itu saya rasa amat penting mengenai dengan qorum mesyuarat.

**Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, memang perkara itu tidak perlu dimasukkan, sebab ia terkandung di dalam Peraturan Mesyuarat Majlis kita.

**Dr Abdul Hamid bin Pawanteh:** Satu lagi Yang Berhormat, saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri bacakan senarai Ahli-ahli Jawatankuasa Pilihan sebab mungkin sepertimana saya terdengar tadi mungkin ada berlainan sedikit di sini.

**Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, Ahli Jawatankuasa tersebut ialah terdiri daripada:

- (1) Y.B. Radzi bin Sheikh Ahmad sebagai Pengerusi.
- (2) Y.B. Abdillah bin Haji Abdul Hamid.
- (3) Y.B. Dr George Chan Hong Nam.
- (4) Y.B. Hassan bin Haji Mohamed.
- (5) Y.B. Khadri bin Sabran.
- (6) Y.B. Dr Koh Tsu Koon; dan
- (7) Y.B. Lee Lam Thye.

**Dr Abdul Hamid bin Pawanteh:** Terima kasih, cuma senarainya, nombornya berlainan Yang Berhormat, terima kasih.

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya sekarang terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat dari Bagan Datok.

4.10 ptg.

**Tuan Yahya bin Haji Zakaria (Bagan Datok):** Tuan yang di-Pertua, saya bangun menyokong usul yang dibawa oleh Timbalan Menteri Dalam Negeri iaitu untuk mengemukakan bagi dibawa Rang Undang-undang Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1984, menurut

Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat 51 (1), diserahkan kepada satu Jawatankuasa Pilihan yang dinamakan Jawatankuasa Pilihan Khas untuk mengkaji Rang Undang-undang Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1984.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan pentingnya Rang Undang-undang ini serta implikasinya oleh itu perlulah Rang Undang-undang ini dikaji dengan seteliti-telitinya dan mendapat maklum balas (feed-back) daripada umum.

Langkah Kerajaan mengemukakan ataupun mencadangkan supaya Rang Undang-undang ini dikaji oleh sebuah Jawatankuasa Khas yang dicadangkan oleh Timbalan Menteri Dalam Negeri sebentar tadi adalah merupakan suatu langkah yang harus disanjung dan dipuji oleh kerana sikap liberal ataupun sikap terbuka Kerajaan yang sungguh-sungguh mengambil berat terhadap pandangan rakyat ataupun pandangan orang ramai.

Ini terbukti di dalam nama-nama Ahli-ahli Parlimen yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, bukan sahaja terdiri daripada Ahli-ahli Yang Berhormat daripada Barisan Nasional, tetapi juga terdiri daripada Ahli-ahli Yang Berhormat dari parti Pembangkang seperti Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar dan juga parti-partai komponen Barisan Nasional yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang amat penting saya rasa di dalam Jawatankuasa Khas ini mengkaji dan melaporkan semula ke dalam Dewan ini ataupun menyerahkan kepada Menteri yang berkenaan ialah untuk mendapatkan maklum balas yang sebanyak-banyaknya daripada rakyat ataupun orang ramai. Oleh kerana saya berpendapat bahawa seperti yang diterangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri sebentar tadi,

wabak dadah ini sudah merupakan satu bahaya nasional atau bahaya peringkat kebangsaan kepada negara kita khususnya untuk generasi yang akan datang.

Jadi dengan sebab itu kalau boleh saya ingin mencadangkan kepada semua pihak seperti kata Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi supaya memainkan peranan yang besar yang saya rasa dapat dimainkan terutamanya oleh pihak akhbar. Saya berharap pihak-pihak akhbar dapat menyediakan suatu ruangan khas untuk diberi peluang kepada orang ramai mengemukakan pendapat-pendapat mereka itu oleh kerana Akta ini merupakan satu Akta yang boleh saya samakan sepertimana Akta ISA, yang saya rasa sungguh perlu kerana dengan adanya Akta ini sahajalah dapat kita membenters kegiatan dadah yang sungguh-sungguh mengancam keselamatan negara.

Saya rasa saya tidak perlu berucap menyokong dengan panjang lebar tetapi sekali lagi saya mengharapkan supaya pihak akhbar dapat menyambut cadangan dan seruan saya, dengan pendapat-pendapat dari orang ramai itu, maka dapatlah Jawatankuasa Khas itu untuk mengambil kira pandangan-pandangan itu untuk dijadikan sebagai satu asas bagi kepentingan orang ramai.

Dengan ini saya menyokong cadangan yang dibawa oleh Timbalan Menteri mengenai Usul untuk mengadakan suatu Jawatankuasa Pilihan yang dinamakan Jawatankuasa Pilihan Khas untuk mengkaji Rang Undang-undang Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1984. Sekian, terima kasih.

**Dr Abdul Hamid bin Pawanteh:**  
Yang Berhormat dari Kota Melaka.

4.16 ptg.

**Tuan Lim Kit Siang (Kota Melaka):**  
Tuan Yang di-Pertua, Parti DAP mengalu-alukan penubuhan sebuah Jawatankuasa Pilihan Parlimen ke atas Rang Undang-undang Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1984 dan kami berharap ia menandakan permulaan satu sikap baru Kerajaan yang menerima prinsip bahawa perundangan bukanlah "prerogative" tunggal Kerajaan yang memerintah tetapi ia hendaklah melibatkan penyertaan luas orang ramai dalam peringkat perbincangan dan rumusan sebelum ia dibahaskan dalam Parlimen.

Kami berharap Kerajaan tidak akan menubuhkan Jawatankuasa-jawatankuasa Pilihan hanya untuk Filem-filem X (X Filem), Undang-undang Perkahwinan dan Perceraian dan kini pula perundangan bagi dadah, tetapi juga untuk Rang Undang-undang yang mempunyai implikasi-implikasi perlembagaan, ekonomi, hak-hak asasi manusia dan politik yang luas seperti pindaan-pindaan kepada perlembagaan, Rang Undang-undang Sivil yang diluluskan baru-baru ini, Rang Undang-undang (Pindaan) syarikat, kalau boleh, dan lain-lain lagi supaya menentukan Parlimen tidak hanya berfungsi sebagai "rubber stamp" bagi Eksekutif tetapi rakyat menyertai secara aktif dalam proses pembuatan undang-undang.

Penubuhan Jawatankuasa Pilihan Parlimen ke atas Rang Undang-undang Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas), 1984 juga merupakan suatu kesedaran di pihak Kerajaan yang harus dipuji bahawa perang terhadap bahaya dadah tidak akan berjaya sekiranya ia tidak mendapat sokongan orang ramai.

Parti DAP dan saya percaya seluruh penduduk negara kita akan memberi sokongan penuh kepada usaha Kerajaan untuk menghapuskan bahaya dadah kerana ia bukan sahaja menjadi perang Kerajaan tetapi ia juga merupakan perang negara kerana dadah bukan sahaja akan memusnahkan keperibadian (fibre) rakyat Malaysia tetapi juga akan memusnahkan rangka sosial negara kita.

Tetapi saya ingin memberi amaran kepada Kerajaan bahawa Kerajaan boleh hilang sokongan rakyat dalam perang anti-dadah sekiranya Kerajaan gagal mencegah dan menghapuskan penyalahgunaan kuasa yang boleh menyebabkan kemarahan dan permusuhan orang-orang awam.

Contoh yang paling baik sekali ialah mengenai kegagalan Kerajaan untuk mencegah penyalahgunaan kuasa dalam kempen anti-dadah yang mengancam kehilangan sokongan ramai terhadap kempen Kerajaan itu ialah kes Pusat Serenti Tampin iaitu Pusat Pemulihan Dadah Serenti.

Dalam bulan Jun dan Julai tahun lalu, saya telah secara am mendedahkan bagaimana penghuni-penghuni di Pusat Serenti Tampin tertakluk kepada kekejaman dan layanan ketidak berperikemanusiaan yang tidak terkatakan yang diberi oleh kakitangan Pusat Serenti Tampin sehingga penghuni-penghuni sanggup menelan kaca-kaca dari botol yang pecah serta paku-paku yang karat untuk megelakkan daripada dihantar balik ke Pusat Serenti Tampin.

Pihak Berkuasa yang tertinggi sekali termasuk YAB Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Dalam Negeri telah memberi jaminan secara am bahawa Pusat Serenti Tampin masih berada di peringkat eksperimental tetapi tidak sesiapapun akan dibenarkan mengatasi undang-undang.

Pada 14hb September tahun ini, Pusat Serenti Tampin telah dibuka dengan rasminya oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, dan saya amat gembira menerima jemputan untuk melawat Pusat Serenti Tampin. Apa yang saya lihat telah mengagumkan saya dan saya telah melahirkan rasa kekaguman saya kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Pihak-berkuasa Pusat tersebut, tetapi siapakah yang akan tahu bahawa kurang dua minggu selepas itu, orang ramai akan terkejut untuk mengetahui bahawa kekejaman dan kekerasan fizikal yang dilakukan terhadap penghuni-penghuni di Pusat Serenti Tampin masih belum berhenti sungguhpun ia adalah kurang dan tidak melibatkan begitu ramai kakitangan Pusat itu seperti berlaku pada tahun lalu.

Seperti rakyat Malaysia yang lain, saya masih menunggu untuk mendapat tahu hasil siasatan polis ke dalam kematian Tee Kian Eng, berumur 32 tahun dari Melaka yang dihantar ke Pusat Serenti Tampin pada 25hb September 1984 oleh Majistret Melaka atas permintaan ayahnya, seorang ahli perniagaan, bernama Tee Kim Lui, berumur 58 tahun di mana Tee Kian Eng telah dimasukkan ke dalam Hospital Daerah Tampin dengan cedera parah kurang tujuh jam selepas ia dimasukkan ke Pusat Serenti Tampin, kemudian ditukar ke Hospital Besar Seremban dan beliau meninggal dunia pada hari kemudiannya pada kira-kira pukul 6.00 pagi dan sebab kematiannya ialah 'serve cerebral concussion'.

Tee Kim Lui, iaitu ayah kepada si mati tersebut berasa terkilan kerana beliau menyalahkan dirinya atas kematian anaknya itu sungguhpun beliau ingin membuat apa yang baik sekali untuk anak lelakinya dengan

menghantarkannya ke Pusat Serenti Tampin untuk menjalani pemulihan dadah.

Seluruh negeri Melaka berasa sedih bahawa Pusat Serenti Tampin telah menjadi sebuah 'torture and death chamber' khususnya kerana nampaknya terdapat satu lagi percubaan untuk 'menutup' jenayah-jenayah yang dilakukan terhadap penghuni-penghuni.

Sumber-sumber rasmi yang tidak bernama telah mendakwa dalam akhbar The Malay Mail bahawa Tee Kian Eng mungkin mati disebabkan memakan dadah yang berlebihan. Bagaimanakah ini boleh berlaku pada hal dari 13hb hingga 19hb September, Tee Kian Eng berada dalam jagaan Pusat Serenti Tampin dan dari 19hb hingga 25hb september beliau berada dalam tahanan di Balai Polis Melaka Tengah. Apakah dicadangkan secara rasmi bahawa semasa 12 hari Kian Eng berada dalam tahanan, baik di Pusat Serenti Tampin atau di Balai Polis Melaka Tengah, dadah dapat diperolehi dengan bebasnya. Ini memerlukan satu siasatan rasmi ke dalam Pusat Serenti Tampin dan Balai Polis Melaka Tengah.

Minggu sudah seorang penghuni lagi di Pusat Serenti Tampin, bernama Mohamed Nasir Nazar Ali Khan, berumur 24 tahun telah membuat aduan polis beliau diseksa secara fizikal di Pusat tersebut. Beliau mendakwa bahawa beliau telah dipukul dengan rotan dan batang-batang buluh pada 28hb September oleh sekurang-kurangnya empat orang Koperal di padang pusat tersebut dan juga di khalayak ramai dan tangan kirinya telah patah dan beliau juga mengalami beberapa parut di seluruh tubuhnya.

Saya telah memberikan kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri nama 11 orang kakitangan Pusat Serenti Tampin yang

terdiri daripada pegawai-pegawai pusat, pegawai dari bahagian tentera dan bajagoam kebajikan yang amat bersalah melakukan kekejaman dan kekerasan fizikal terhadap penghuni-penghuni.

Orang awam mahu pihak berkuasa bertindak untuk memastikan Pusat Serenti Tampin berhenti daripada menjadi sebuah 'torture chamber atau death cell' dan sebaliknya ia hendaklah menjadi sebuah pusat di mana penagih-penagih dadah diberi satu lembaran baru supaya mereka boleh menjadi warganegara yang berguna dan produktif kepada negara.

Sekiranya Kerajaan tidak dapat hentikan penyalahgunaan kuasa yang berlaku di Pusat Serenti Tampin maka bagaimanakah rakyat boleh mengamanahkan kuasa yang lebih kepada Kerajaan walaupun untuk sebab yang baik—iaitu untuk mencegah dan menghapuskan bahaya dadah.

Jawatankuasa Pilihan hendaklah mengkaji aspek ini dengan lebih menyeluruh kerana keyakinan dan sokongan rakyat dalam kempen antidadah Kerajaan bergantung kepada penggunaan kuasa-kuasa yang ada pada Kerajaan dengan cara beramanah serta kemampuannya untuk menghapuskan penyalahgunaan kuasa dengan deras dan berkesan.

Saya pernah berjumpa satu kes di mana seorang yang tidak bersalah telah di 'frame up' oleh pihak polis yang berpakat dengan musuh-musuh peribadi orang tersebut dan menuduh beliau sebagai seorang pengedar dadah dengan cara yang agak mudah iaitu dengan meletakkan beberapa paket dadah dalam keretanya sementara polis memeriksa keretanya.

Orang ini telah ditahan selama dua bulan dan dibebaskan selepas itu. Kes ini telah dilaporkan kepada saya tetapi disebabkan beliau dibebaskan, saya

tidak membangkitkan perkara tersebut selanjutnya. Tetapi persoalan yang kita harus bertanya ialah apakah jaminan-jaminan yang sedia ada untuk mencegah berlakunya penyalahgunaan kuasa di mana orang-orang yang tidak bersalah boleh di 'framed?'.

Saya perhatikan bahawa anggota-anggota polis yang terlibat dalam kes ini dan di antara mereka ada yang berpangkat tinggi telah pun tidak dikenakan tindakan tatatertib.

Saya telah berkata bahawa parti DAP menyokong penuh kempen nasional menentang bahaya dadah dan kami akan menyertai dalam Jawatankuasa Pilihan yang ditubuhkan hari ini. Saya tidak mahu anticipate perbincangan Rang Undang-undang yang dicadangkan tetapi saya mahu bangkitkan satu perkara berhubung dengan prinsip. Menurut segala konvensyen Parlimen yang sedia ada, sebelum perlantikan dibuat kepada mana-mana jawatankuasa Parlimen, pimpinan parti berkenaan hendaklah dirundingkan dan persetujuan diperolehi dahulu. Dalam kes ini, pimpinan Parlimen DAP tidak dirunding atau persetujuan kami diperolehi berhubung dengan mana satu Ahli Parlimen DAP yang harus menduduki dalam Jawatankuasa Pilihan ini.

Saya katakan ini bukanlah kerana parti DAP menentang Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar menduduki dalam Jawatankuasa Pilihan. Malah kami percaya beliau boleh membuat sumbangan yang berguna terhadap perbincangan Jawatankuasa Pilihan tersebut. Tetapi kita tidak boleh bersetuju atau membenarkan parti pemerintah 'go behind the back of' pimpinan Parlimen DAP untuk membuat keputusan-keputusan berhubung dengan perlantikan Ahli-ahli Parlimen DAP ke dalam berbagai jawatankuasa atau

delegasi Palimen kerana kami tidak mahu parti pemerintah 'main politik' untuk menggunakan ini sebagai alat untuk cuba menyebabkan perpecahan di kalangan kumpulan Parlimen DAP.

Semua orang pun tahu bahawa sejak beberapa ketika ini, Ahli-ahli Parlimen dan Kerajaan Barisan sudah cuba memberi gambaran bahawa terdapat perpecahan besar antara Lim Kit Siang dan Lee Lam Thye dan malah dalam laporan akhbar The New Straits Times hari ini terdapat ungkapan bahawa Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar dilantik ke dalam Jawatankuasa Pilihan kerana beliau adalah lebih acceptable kepada parti pemerintah. Sekiranya inilah asas yang digunakan dalam perlantikan tersebut, maka perlantikan tersebut dibuat secara bukan *Bona fide* tetapi *mala fide* dengan tujuan mencipta perpecahan di kalangan DAP.

Mungkin terdapat orang-orang yang mahu melihat parti DAP berpecah belah dan diselubungi dengan perpecahan di kalangannya sendiri seperti UMNO, MCA, Gerakan yang diselubungi dengan perpecahan di kalangannya sendiri dan inilah cara yang mereka gunakan untuk mencuba mencapai tujuan mereka. Ini adalah amat menyedihkan kerana ia menunjukkan bahawa terdapat orang-orang mahu bermain politik dalam satu perkara yang begitu serius seperti ancaman dadah di Malaysia.

Saya menyeru pimpinan Kerajaan supaya menghormati konvensyen-konvensyen dan norma-norma Parlimen dan berunding dahulu dengan pimpinan Parlimen DAP mengenai perlantikan Ahli-ahli Parlimen DAP ke dalam jawatankuasa-jawatankuasa atau delegasi-delegasi Parlimen. Sekiranya konvensyen Parlimen ini tidak dipatuhi pada masa akan datang, maka kita tidak mempunyai pilihan

lain, kecuali untuk menolak perlantikan seumpama itu walaupun kami mahu membuat sumbangan kepada perbincangan Parlimen.

Untuk membuktikan rasa pandang berat kami terhadap ancaman dadah serta sikap bekerjasama dan bukan berkonfrantasi, kami bersetuju dengan perlantikan Jawatankuasa Pilihan ini pada kali ini. Saya berharap parti pemerintah akan pada masa-masa akan datang mengamalkan courtesies dan decencies asas Parlimen iaitu dari parti ke parti untuk membolehkan kerja urusan Parlimen berjalan dengan licin.

**Dr Abdul Hamid bin Pawanteb:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri sama ada hendak menjawab atau menggulung.

**Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, jika saya diberi izin untuk menggulung, saya hanya akan mengambil masa beberapa minit sahaja.

Tuan yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dari Bagan Datok dan juga dari Kota Melaka yang telah berucap sambil menyokong usul yang dibentangkan dalam Majlis ini dan juga membuat beberapa teguran dan syor untuk perhatian Jawatankuasa Pilihan yang terpilih itu.

Saya ingin menjelaskan di sini bahawa mungkin ini adalah kali yang kelima, selepas hampir 11 tahun satu usul yang serupa ini dibawa ke dalam Dewan untuk menubuhkan satu Jawatankuasa Pilihan khususnya bagi mengkaji satu rang undang-undang sebelum ianya dibahas kali yang kedua oleh Dewan ini juga. Langkah ini ialah selaras dengan amalan Kerajaan sekarang yang menjalankan pentadbiran secara terbuka. Saya

percaya dan berasa yakin bahawa Jawatankuasa ini akan menjalankan tugasnya dengan berani kerana akan mendapat sokongan daripada orang ramai termasuk juga parti Pembangkang.

Tuan Yang di-Pertua, seperti juga yang pernah ditegaskan beberapa kali oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri bahawa Kerajaan tidak akan meminta maaf kepada sesiapa sahaja dalam usahanya untuk mencegah kegiatan subversif dengan menggunakan Akta Keselamatan Dalam Negeri, begitu juga Kerajaan tidak akan meminta maaf kepada sesiapa sahaja apabila tindakan tegas diambil untuk menahan pengedar-pengedar dadah, sindiket-sindiket dan pedang-pedang dadah tanpa dibicarakan.

Rang Undang-undang ini merupakan satu langkah ke arah memperhebatkan lagi peperangan kita terhadap ancaman dadah. Dengan adanya undang-undang ini, kita berharap pihak-pihak berkuasa boleh mengambil tindakan yang tegas mengesan dan menangkap seterusnya menahan sindiket-sindiket dadah supaya dengannya punca ataupun source of supply akan dapat dikurangkan.

Bagi satu negara yang bersungguh-sungguh ingin mencegah dan mengawal masalah dadah, tidak dapat tidak akan menjadi satu kemestian bahawa undang-undang yang begitu penting diperkemaskan atau undang-undang baru digubal untuk memberi kuasa yang seluas-luasnya kepada Kerajaan mengatasi masalah dadah yang sentiasa berubah dari masa ke semasa. Kerajaan berkeyakinan bahawa dengan penggubalan undang-undang ini dan dengan kerjasama daripada orang ramai, memerangi wabak dadah akan menjadi lebih berkesan dan menyeluruh lagi.

Dengan tertubuhnya Jawatankuasa ini yang terdiri daripada Ahli-ahli Yang Berhormat dari Dewan yang mulia ini, maka adalah diharapkan bahawa orang ramai melalui persatuan-persatuan, pertubuhan-pertubuhan ataupun orang-orang perseorangan akan tampil ke hadapan untuk membuat syor-syor dan memberi cadangan-cadangan mereka tentang buruk baiknya cadangan-cadangan yang terkandung dalam Rang Undang-undang tersebut. Dengan cara ini terbuktilah juga bahawa orang ramai akan terlibat dengan secara tidak langsung dalam penggubalan pada pindaan Rang Undang-undang Dadah Berbahaya apabila ianya dibentangkan dalam Dewan yang mulia ini bagi bacaan kali yang kedua kelak.

Kepada mereka yang ingin menghubungi Jawatankuasa Pilihan, saya dengan sukacitanya memaklumkan bahawa mereka bolehlah alamatkan surat menyurat mereka kepada Setiausaha, Jawatankuasa Pilihan Dewan Rakyat, Kuala Lumpur. Mereka yang ingin menemui Jawatankuasa Pilihan untuk memberi cadangan secara lisan, inginlah saya memaklumkan bahawa pihak Jawatankuasa Pilihan akan mengumumkan tarikh-tarikh dan tempat-tempat di mana Jawatankuasa ini akan bersidang kelak. Saya berharap pihak-pihak pemberita dan juga agensi-agensi penyiaran berita yang lain akan terus memberi kerjasama untuk membawa berita tentang undang-undang ini kepada pengetahuan umum. Rang Undang-undang ini saya mengharap akan disebarkan melalui akhbar-akhbar dan percetakan awam dengan secepat mungkin.

Saya juga mengambil kesempatan di sini menerangkan kepada mereka yang ingin menghubungi Jawatankuasa Pilihan supaya menghadkan syor-syor ataupun

cadangan-cadangan mereka kepada Rang Undang-undang tersebut. Ini bermakna Jawatankuasa tersebut tidak akan menimbangkan perkara-perkara seperti rawatan dan pemulihan penagih-penagih di pusat-pusat pemulihan dan lain-lain perkara yang tidak ada bersangkutan-paut dengan Rang Undang-undang tersebut.

Menyentuh tentang perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka, saya berasa hairan yang beliau menyoal tentang perlantikan Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar sebagai Ahli Jawatankuasa, seolah-olah beliau membantah pilihan tersebut walaupun beliau tidak mengutarakan dengan perkataan-perkataan yang tertentu. Saya berasa bahawa tidak ada peraturan dalam aturan urusan mesyuarat kita memaksa ataupun menghendaki pihak Kerajaan menghubungi terlebih dahulu pihak parti-parti Pembangkang sekiranya Ahli yang dihubungi itu telah bersetuju untuk mewakili sebagai Ahli Jawatankuasa Pilihan.

Walau bagaimanapun, mengikut apa yang tercatat dalam Perkara 82 (1) yang berbunyi:

“82 (1) Seberapa bolehnya tiap-tiap Jawatankuasa Pilihan hendaklah ditubuhkan supaya terbayang di dalamnya kadar parti masing-masing dalam Majlis.”

dan saya percaya bahawa Ahli-ahli Jawatankuasa yang telah disyorkan supaya dipilih membayangkan parti masing-masing dalam Majlis ini.

Itulah sahaja jawapan saya dan saya berharap sekali lagi mendapat kerjasama bukan sahaja daripada Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam Dewan ini, bahkan semua rakyat jelata apabila Jawatankuasa Pilihan mula bersidang dengan mendapat syor-syor supaya dengan secepat

mingkinnya Jawatankuasa Pilihan ini dapat mengumpulkan maklumat-maklumat dan seterusnya melapor balik kepada Dewan yang mulia ini bagi bacaan kali yang kedua.

**Dr Abdul Hamid bin Pawanteh:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa usul atas nama Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri, disetujukan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Diputuskan,

Majlis mengambil ketetapan bahawa—

- (a) Rang Undang-undang Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1984, menurut Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat 54 (1), diserahkan kepada satu Jawatankuasa Pilihan yang dinamakan Jawatankuasa Pilihan Khas untuk mengkaji Rang Undang-undang Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1984;
- (b) keahlian Jawatankuasa Pilihan tersebut hendaklah terdiri dari—
  - (1) Y.B. Radzi bin Sheikh Ahmad sebagai Pengerusi;
  - (2) Y.B. Abdillah bin Haji Abdul Hamid;
  - (3) Y.B. Dr Gearge Chan Hong Nam;
  - (4) Y.B. Hassan bin Haji Mohamed;
  - (5) Y.B. Khadri bin Sabran;
  - (6) Y.B. Dr Koh Tsu Koon;
  - (7) Y.B. Lee Lam Thye.

dan jika Pengerusi tidak dapat hadir dalam sesuatu mesyuarat,

Jawatankuasa itu boleh memilih seorang Pengerusi dari Ahli-ahli Jawatankuasa yang hadir yang akan memegang jawatannya hanya pada hari ia dipilih itu sahaja;

- (c) Jawatankuasa Pilihan tersebut hendaklah mengkaji Rang Undang-undang Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1984 pada keseluruhannya dan memberi pandangan serta membuat syor ke atas peruntukan-peruntukan yang terkandung di dalamnya; dan
- (d) Jawatankuasa Pilihan tersebut hendaklah menyiap dan membentangkan laporannya itu kepada Majlis pada Mesyuarat Pertama Penggal Ketiga Parlimen Keenam yang akan datang.

## RANG UNDANG-UNDANG

### RANG UNDANG-UNDANG INDUSTRI BERASAS KAYU (KEKUASAAN BADAN PER- UNDANGAN NEGERI) 1984

#### Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

4.40 ptg.

**Tuan Megat Junid bin Megat Ayob:**  
Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya suatu Rang Undang-undang bertajuk Suatu Akta untuk memberi kuasa Badan Perundangan Negeri meluluskan undang-undang berkenaan dengan penubuhan dan pengendalian industri-industri berasas kayu.

Tuan Yang di-Pertua, industri berasaskan kayu di negara ini adalah terdiri dari kilang-kilang papan,

kilang-kilang papan lapis dan kilang-kilang kerja kayu yang mana sebahagian besarnya adalah terdiri dari kilang-kilang perabut. Pengeluaran lesen bagi menubuhkan kilang-kilang ini adalah berasaskan jenis pemerosesan yang hendak dilakukan. Bagi pemerosesan peringkat pertama (primary processing), kilang-kilang papan dan papan lapis adalah tergulung dalam peringkat ini. Lesen yang dikeluarkan adalah dari Kelas A, sementara bagi kerja kayu yang melibatkan pemerosesan di peringkat kedua dan ketiga (secondary and tertiary processing) lesen Kelas C adalah dikeluarkan. Bagi kilang-kilang yang memproses balak berperepang kecil (small diameter loga) sahaja, lesen Kelas B dikeluarkan. Kuasa melesenkan penubuhan industri atau kilang yang dinyatakan di atas ialah Enakmen Hutan Negeri yang berkuatkuasa sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, semalam saya telah membentangkan Rang Undang-undang Perhutanan Negara iaitu suatu Rang Undang-undang yang menumpukan perhatian kepada soal hutan di peringkat sumber iaitu bagaimana sumber hutan boleh diurus, dipelihara dan ditadbirkan supaya sumber hutan akan terus mengadakan bekalan balak secara berkekalan. Di peringkat perindustrian, perlu satu perundangan khas diadakan bagi mengurus dan mengendalikan perkara-perkara yang berkaitan dengan penubuhan dan perjalanan industri-industri berasas kayu. Dengan Akta Perhutanan Negara diterima pakai oleh Kerajaan Negeri, kuasa Kerajaan Negeri melesen penubuhan dan pengendalian industri-industri berasas kayu akan luput kerana Enakmen hutan sekarang yang memberi kuasa melesen itu luput dengan penerimaan Akta tersebut oleh Kerajaan Negeri. Untuk membolehkan Kerajaan Negeri terus kekal melesenkan penubuhan dan pengawalan ke atas industri-industri

berasas kayu seperti yang dijalankan selama ini, suatu Rang Undang-undang baru perlu diwujudkan. Oleh kerana mengikut Perlembagaan Persekutuan, perlu mengadakan satu undang-undang untuk memberi kuasa kepada Kerajaan Negeri. Rang Undang-undang Industri Berasas Kayu (Kekuasaan Badan Perundangan Negeri) 1984 telah digubal untuk memenuhi maksud ini.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Industri Berasas kayu ini sambil memberi kuasa kepada Kerajaan Negeri untuk membuat undang-undang berhubung dengannya ada memasukkan syarat supaya undang-undang yang dibuat oleh Kerajaan Negeri atau apa-apa syarat yang akan dikenakan dalam lesen yang dikeluarkan di bawah undang-undang tersebut tidak boleh bercanggah dengan apa-apa syarat yang ditentukan dalam lesen yang dikeluarkan oleh Kerajaan Persekutuan dan pemegang lesen yang dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri tidak boleh terlepas dari mematuhi mana-mana undang-undang Persekutuan berhubung dengan aktiviti yang sama. Selain dari syarat-syarat tersebut di atas, pemberian kuasa ini tidaklah menjejaskan hak-hak dan kuasa-kuasa Parlimen untuk meluluskan apa-apa undang-undang yang difikirkan patut berhubung dengan penubuhan dan pengendalian industri-industri berasaskan kayu.

Rang Undang-undang Industri Berasas Kayu yang dibentangkan sekarang ini merupakan satu perundangan yang kemaskini terutama sekali dari segi undang-undang ini menyenaraikan jenis-jenis industri berasas kayu yang boleh dijadikan panduan bagi negara menubuhkan industri berasas kayu. Daripada senarai jenis industri berasas kayu yang terdapat dalam Rang Undang-undang, sebahagian besar darinya telah ditubuhkan di negara ini.

Sungguhpun demikian, industri-industri di peringkat kedua dan ketiga masih kecil bilangannya atau wujud dalam keadaan bercorak bermodal kecil. Seperti saya nyatakan di atas tadi, sebahagian besar daripada kilang berasas kayu adalah di peringkat utama iaitu industri memproses balak sama ada kilang papan untuk dijadikan kayu gergaji atau kilang papan lapis untuk dijadikan papan lapis. Memandangkan negara perlu terus mendapat sumbangan pendapatan eksport dari hasil kayu-kayuan, dengan itu nilai kayu-kayuan perlu dipertingkatkan, industri-industri berasas kayu di peringkat kedua dan ketiga perlu diwujudkan. Dari senarai industri yang terdapat dalam Rang Undang-undang, kita masih banyak mempunyai peluang untuk membuka berbagai jenis lagi industri sekiranya kita mempunyai pengusaha-pengusaha yang sanggup menceburkan diri dalam lapangan tersebut dan bersedia menggunakan teknologi yang lebih moden dan industri bercorak bermodal besar.

Tuan Yang di-Pertua, pembangunan industri selain dari menambah kegiatan ekonomi dan memberi faedah sosial dari segi pekerjaan kepada rakyat adalah mempunyai implikasi pencemaran terutama sekali sekiranya tidak diadakan kawalan yang rapi terhadap penubuhan industri. Selain dari mengadakan kawasan-kawasan perindustrian yang khusus di mana kemudahan prasarana (infrastructure) dan lain-lain kemudahan boleh diadakan, syarat-syarat tertentu perlu dikenakan untuk menjamin kegiatan sesuatu industri itu tidak menimbulkan pencemaran kepada kawasan sekitar. Peraturan-peraturan industri yang akan dibuat oleh Kerajaan Negeri di bawah undang-undang industri berasas kayu akan menentukan bahawa industri-industri yang akan ditubuhkan akan mematuhi syarat-syarat berhubung dengan

pemeliharaan mutu alam sekitar dan keselesaan kepada pekerja serta penduduk setempat.

Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan.

**Tuan Zainal Abidin bin Zin:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Dr Abdul Hamid bin Pawanteh:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk memberi kuasa kepada Badan Perundangan Negeri meluluskan undang-undang berkenaan dengan penubuhan dan pengendalian industri-industri berasas kayu dibaca kali yang kedua dan sekarang terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat dari Kemaman.

4.48 ptg.

**Tuan Ismail bin Said (Kemaman):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Rang Undang-undang yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi yang bertujuan untuk memberi kuasa kepada Kerajaan Negeri mengadakan undang-undang mengenai dengan penubuhan dan pengendalian industri-industri berasas kayu.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya Rang Undang-undang ini ada pertalian rapat dengan Akta Perhutanan Negara 1984 yang baru sahaja diluluskan oleh kita semua sebentar tadi. Saya mengucapkan tahniah kepada beliau dan juga kepada pegawai-pegawainya terutama sekali pegawai-pegawai dari Jabatan Perhutanan yang telah berusaha bertungkus lumus dan bersungguh-sungguh sejak sekian lama lagi sehingga ianya berjaya dibentang ke dalam Parlimen dan dibahas pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, daripada Rang Undang-undang ini dapatlah saya bayangkan bahawa betapa seriusnya Jabatan Perhutanan Negara kita memberi penekanan kepada penggalakkan pembangunan dan penubuhan serta pengendalian industri berasaskan kayu (wood-based industries) demi untuk kepentingan sosio ekonomi negara.

Tuan Yang di-Pertua, merujuk kepada Jadual bagi seksyen 3 (1) dalam Rang Undang-undang ini di mana disenaraikan jenis-jenis industri berasas kayu satu konklusi dapat dibuat bahawa selain daripada menggalakkan penubuhan dan pengendalian industri berasas kayu ia juga memberi implikasi yang lain yang saya fikir agak penting juga sama ada secara langsung atau tidak langsung dan di antaranya yang dapat saya perkatakan di sini ialah seperti berikut:

- (1) ianya dapat menambahkan lagi kegiatan value-added kepada setiap batang kayu balak ataupun setiap tan kayu balak yang dibawa keluar daripada hutan; dan
- (2) ianya dapat mengelakkan daripada berlakunya pengusaha hasilan kayu secara membazir di mana sisa-sisa kayu seperti kayu sayong, kayu-kayu cebisan (off-cuts), habuk-habuk kayu yang digergaji, tatal kayu yang diketam dan sebagainya tidak dibuang begitu sahaja. Dan dengan hal yang demikian, bagi tiap-tiap batang kayu balak dan bagi tiap-tiap tan kayu balak dapat diusahakan hasilan dengan cara yang paling maksima dan menguntungkan.

Tuan Yang di-Pertua, masalah pembaziran kayu di negara kita sudahpun berlaku sekian lama dan sampailah sekarang ini tanpa

mendapat perhatian daripada mana-mana pihak dan tanpa menyedari tentang potensi dari segi economic valuenya akibat dari pembaziran ini.

Kita telah banyak mengalami kerugian dan kehilangan hasil yang tidak sepatutnya berlaku sekiranya kita mengambil langkah-langkah yang positif bagi mengatasinya.

Tuan Yang di-Pertua, masalah pembaziran kayu ini adalah dianggapkan satu perkara yang benar-benar merugikan negara kita dari segi punca hasil.

Saya pernah mendengar pandangan dan pendapat pengusaha-pengusaha dari negara-negara yang maju yang menyatakan bahawa kayu-kayu yang dibazirkan di negara kita Malaysia ini adalah seolah-olah emas yang dibuang. Bagi pengusaha-pengusaha di negara-negara yang maju yang berkenaan ini mereka sanggup menjelajah beratus-ratus batu mencari dahan-dahan dan ranting-ranting kayu dan sanggup membayar dengan harga yang mahal pula dan dahan-dahan serta ranting-ranting kayu ini dijadikan chipboard, blockboard yang diusahakan secara besar-besaran bukan sahaja untuk pasaran tempatan tetapi juga untuk diekspot.

Tetapi malangnya, Tuan Yang di-Pertua, di negara kita sisa-sisa kayu sama ada di hutan ataupun di kilang-kilang ianya ditinggalkan buruk dan reput bersendirian ataupun dibakar begitu sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak tahu mengapa perkara ini boleh berlaku. Mungkin ianya menunjukkan sikap kita yang tidak tahu menilai akan potensi dan menghargai pemberian semula jadi yang paling berharga itu ataupun mungkin ianya mencerminkan kepada kita bahawa penduduk Malaysia kini terdiri dari golongan yang mewah (levish) dengan kayu.

Tuan Yang di-Pertua, kalaulah di dalam negara kita ini tidak mempunyai pelabur-pelabur tempatan yang cenderung dan berminat serta mempunyai teknologi bagi mengusaha hasilkan sisa-sisa kayu ini saya rasa tidak seharusnya kita berdiam diri begitu sahaja tanpa buat apa-apa. Saya mencadangkan di sini, Tuan Yang di-Pertua, supaya kita galakan pelabur-pelabur asing yang mempunyai kecenderungan dan minat datang ke negara kita dan menceburkan diri mereka di dalam kegiatan mengusahakan sisa-sisa kayu.

Tuan Yang di-Pertua, pembaziran juga berlaku di dalam rancangan-rancangan pembangunan tanah yang melibatkan kawasan hutan di negara kita terutama sekali rancangan-rancangan pembangunan yang dijalankan secara besar-besaran di mana kayu-kayu ditebang dan dibakar oleh pemborong-pemborong secara indiscriminately, dengan izin, sungguhpun sebelumnya ianya ditebang dan dibakar dan dibersihkan serta ditanam dengan tanaman yang lain, pejabat Hutan telah pun mengeluarkan lesen KSK dan Form 2 untuk mengeluarkan kayu tetapi tidak kesemua kayu yang terdapat di dalamnya diambil keluar cuma kayu-kayu yang mempunyai pasaran sahaja yang diambil keluar sementara kayu-kayu yang tidak mempunyai pasaran sungguhpun ianya mempunyai potensi dan boleh mendatangkan hasil ditinggalkan begitu sahaja oleh pemegang-pemegang lesen.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan di sini agar pihak Kerajaan mengenakan syarat-syarat yang lebih ketat lagi terutama sekali kepada kontraktor-kontraktor yang terlibat supaya mana-mana kayu baki yang ditebang itu hendaklah jangan dibakar tetapi sebaliknya hendaklah dijual untuk mendapatkan hasil.

Tuan Yang di-Pertua, memang tidak dinafikan bahawa ada terdapat usaha-usaha yang dijalankan oleh pihak Kerajaan untuk mengelakkan daripada berlakunya pembaziran kayu di negara kita melalui penubuhan kompleks perkayuan secara integrated.

Sebagaimana yang kita semua maklum bahawa Akta Perhutanan Negara 1984 berkehendakkan kompleks-kompleks perkayuan menyediakan perancangan dan pengurusan hutan dara yang diluluskan kepada mereka dan tebang hutan hendaklah berdasarkan kepada sistem tebang memilih (selective management system) di mana kompleks-kompleks perkayuan yang berkenaan diberi catuan tebang tahunan (annual corp) dengan had-tebang ataupun cutting regime yang ditentukan dan diluluskan oleh Pejabat Perhutanan berdasarkan kepada jenis-jenis kayu yang terlibat.

Tebangan secara sistem ini adalah lebih baik jika dibandingkan dengan sistem lama iaitu Malayan Uniform system, dengan izin, di mana pemegang-pemegang lesen boleh melakukan tebang secara suka hati.

Tetapi, tuan Yang di-Pertua, mengikut apa yang saya ketahui ternyata bahawa kompleks-kompleks perkayuan yang berkenaan ini telah gagal menggunakan kayu secara maksima yang mungkin. Pembaziran terus berlaku, kayu-kayu sisa sama ada ditinggalkan di dalam hutan ataupun dibakar begitu sahaja di dalam kilang. Sementara processing di peringkat kilang pula cuma dijalankan di peringkat secondary sahaja iaitu dari pengeluaran kayu gergaji kepada pengeluaran kayu kumai sahaja (mouldings). Tetapi processing peringkat tertiary tidak dijalankan.

Saya berharap, Tuan Yang di-Pertua, agar pihak Jabatan

Perhutanan mengambil langkah yang tegas untuk memastikan supaya kompleks-kompleks perkayuannya yang berkenaan menceburkan diri dalam processing di peringkat tertiary dengan menggunakan kayu-kayu sisa yang terdapat berselerak di kawasan hutan dan juga di kawasan-kawasan kilang yang berkenaan.

Maka dengan ini saya menyokong Rang Undang-undang ini, terima kasih.

**Dr Abdul Hamid bin Pawanteh:**  
Yang Berhormat dari Bandar Kuching.

4.49 ptg.

**Tuan Sim Kwang Yang (Bandar Kuching):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk membahaskan Rang Undang-undang Industri Berasas Kayu 1984 yang bertujuan memberikan Dewan-dewan Undangan Negeri kuasa untuk meluluskan undang-undang berkenaan dengan penubuhan dan pengendalian industri-industri berasaskan kayu. Maka Rang Undang-undang ini adalah diselaraskan dengan Perkara 76A Perlembagaan Persekutuan yang kuasa kepada Parlimen untuk membuat undang-undang, membenarkan Badan Perundangan Negeri meluluskan undang-undang mengenai apa-apa perkara yang ada di dalam kekuasaan Parlimen.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun perhutanan adalah di bawah had kuasa Kerajaan Negeri di bawah peruntukan Perlembagaan Persekutuan, industri termasuk industri-industri berasas kayu adalah terletak di bawah kuasa Parlimen, akan tetapi perhubungan erat di antara perhutanan dan industri-industri berasas kayu bermakna bahawa penyelarasan serta kecekapan hanya boleh wujud di antara kedua-duanya jika ia berada di bawah bidangkuasa yang sama. Oleh

yang demikian Rang Undang-undang ini adalah agak progresif dan saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menarik perhatian Dewan yang mulia ini serta Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan kepada kepentingan mempertanggungjawabkan industri-industri berasas kayu dengan phasing out pengeksporan kayu balak khususnya dengan rujukan kepada konteks di negeri Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai sebuah negeri tropikal, Malaysia adalah dikurniakan dengan sumber-sumber perhutanan yang amat kaya. Di Negeri Sarawak juga di mana industri-industri serta sektor-sektor ekonomi yang lain masih belum dibangunkan sepenuhnya, bahan-bahan pengeluaran perhutanan telah memainkan suatu peranan yang paling penting sebagai pembawa masuk pertukaran asing (No. 2 foreign exchange earner). Pada setiap tahun pengeksporan bahan-bahan keluaran kayu-kayuan telah menyumbangkan di antara 15% hingga 20% daripada pengeksporan sejumlah daripada negeri Sarawak. Tetapi kini Sarawak mempunyai jumlah pengeksporan kayu balak yang terbesar melebihi 12 juta meter padu setiap tahun berbanding dengan lebih kurang 10 juta meter padu daripada keseluruhan Semenanjung Malaysia sahaja, akan tetapi pengeksporan kayu yang digergaji di Sarawak bagi tahun 1983 telah hanya berjumlah 6,000 meter padu berbanding dengan 630,000 meter padu di Semenanjung Malaysia dan 50,000 meter padu di Sabah bagi tempoh yang sama.

Tuan Yang di-Pertua, adalah jelas bahawa manakala Sarawak mengekspor lebih banyak balak daripada keseluruhan Semenanjung Malaysia pengeksporan kayu yang digergaji yang telah diproses daripada Sarawak adalah hanya 1% daripada jumlah yang diekspor oleh Semenanjung Malaysia. Keadaan ini

mestilah dialihkan supaya tekanan utamaan akan diletakkan pada pembangunan industri-industri berasas kayu di dalam negeri Sarawak, sebanya adalah kerana dari sudut pandangan ekonomi pengeksporan sumber-sumber asas dalam bentuk yang belum diproses adalah aktiviti-aktiviti ekonomi yang paling tidak menguntungkan. Dengan memproses kayu balak kepada bahan-bahan pengeluaran yang berasas kayu kita boleh memperolehi harga yang lebih tinggi seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat yang berucap tadi (added value) dan meningkatkan kemasukan pertukaran asing berapa kali ganda.

Yang kedua dengan mendorong industri-industri berasaskan kayu, kita boleh mewujudkan lebih banyak peluang untuk bekerja bagi rakyat tempatan, menggalakkan penubuhan perkhidmatan-perkhidmatan sokongan (support services) yang berkenaan bagi industri-industri ini dan mengiatkan ekonomi turnover di dalam ekonomi negara kita sendiri. Sudah pasti pembalok-pembalok akan cenderung mengekspor balak-balok memandangkan keuntungan yang cepat boleh diperolehi. Pembeli-pembeli asing juga lebih suka membeli balak kerana mereka juga ingin menjimatkan pertukaran asing mereka sendiri dengan melindungi industri-industri berasas kayu mereka sendiri, akan tetapi kepentingan-kepentingan nasional kita serta aspirasi-aspirasi rakyat terhadap kedaulatan ekonomi mesti mengatasi, kepentingan-kepentingan partisan di dalam konteks Sarawak itu.

Di dalam bidang perdagangan antarabangsa, Tuan Yang di-Pertua, satu hakikat mesti diterima bahawa negara-negara pembeli asing yang maju seperti Jepun akan menuntut membeli sumber-sumber asli yang belum diproses seperti kayu balak dan

dalam proses ini menafikan negara-negara pengeluar seperti Malaysia hak untuk memperoleh keuntungan yang maksima daripada kurniaan aslinya sendiri, melalui pemerosesan dan pengeksportan bahan-bahan keluaran balak. Malahan harga kayu balak dan harga hasil-hasil industri berasas kayu di Malaysia sekian lama telah ditentukan bukan oleh orang-orang Malaysia, tetapi oleh sebuah Persatuan Pengeksport Kayu-kayan Jepun. Perdagangan balak negeri Sarawak dengan Jepun menunjukkan dengan jelas ciri-ciri economic colonialism yang diamalkan oleh Jepun.

Adalah jelas bahawa Jepun kini mengeksportkan sumber-sumber kayu kita di negeri Sarawak dengan pulangan yang paling rendah kepada rakyat Malaysia di negeri Sarawak. Tuan Yang di-Pertua, keadaan ini tidak dapat diterima lagi. Pada pendapat saya, usaha untuk mengharamkan pengeksportan beberapa kayu balak yang begitu popular sebagai satu langkah untuk menggalakkan pengeksportan hasil-hasil industri berasas kayu adalah berjaya di Semenanjung Malaysia, akan tetapi usaha yang bersama belum bermula di negeri Sarawak.

Sukacita saya mendengar semalam pengumuman daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan bahawa kerjasama yang rapat akan diwujudkan di antara badan berkuasa dengan peringkat Negeri dan peringkat Persekutuan. Jadi untuk melindungi kepentingan nasional serta memenuhi aspirasi rakyat untuk mncapai keadaan mampu sendiri, saya cadangkan langkah-langkah agar dilaksanakan di negeri Sarawak seperti berikut:

- (1) Mengadakan suatu kuota pengeksportan balak dengan mengurangkan had kuota ini tahun demi tahun. Ini akan menjamin suatu bekalan balak

bermutu tinggi yang berterusan bagi industri-industri berasas kayu di dalam Negeri Sarawak dan pada masa yang sama ianya akan menyumbangkan pemuliharaan sumber-sumber balak yang terhad di negeri Sarawak.

- (2) Memulakan perundingan dengan negara-negara pengeluar balak yang lain seperti Indonesia dan Negeri Thai untuk memperjuangkan harga-harga yang lebih adil bagi eksport-eksport berasas kayu kita. Pada masa sama pasaran-pasaran yang baru seperti negeri China mesti juga dibuka untuk menguatkan kuasa rundingan (Negotiation power) untuk menentang segala pembeli-pembeli asing.
- (3) Sokongan aktif Kerajaan terhadap industri-industri berasas kayu.

Ini khususnya adalah amat penting bagi aspek-aspek pemasaran dan jualan, pengangkutan dan sebagainya.

Oleh kerana saya tidak mahu memakan masa yang panjang, sekian sahaja.

**Dr Abdul Hamid bin Pawanteh:**  
Yang Berhormat dari Padang Rengas.

5.10 ptg.

**Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah (Padang Rengas):** Bismillahir-rahmanir-rahim. Tuan Yang di-Pertua, saya bersyukur kepada Allah subhanahu wataala kerana berpeluang mengambil bahagian dalam perbincangan mengenai Akta Industri Berasaskan Kayu (Kekuasaan Badan Perundangan Negeri) 1984 di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang termaklum bahawa Akta ini adalah bertujuan untuk membolehkan

Badan Perundangan Negeri berkuasa meluluskan undang-undang berkenaan dengan penubuhan dan pengendalian industri-industri berasaskan kayu di negara ini. Langkah yang diambil oleh Kementerian Perusahaan Utama ini adalah satu langkah yang positif lagi membina kerana dapat membuka seluas-luasnya peluang kepada Kerajaan Negeri untuk mempertingkatkan sumber pendapatan dan meninggikan taraf sosio ekonomi negeri pada keseluruhannya.

Tuan Yang di-Pertua, di samping mengalu-alukan dan menyokong Akta ini, izinkan saya merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada Kerajaan menerusi Kementerian Perusahaan Utama kerana pada amnya langkah ini adalah selaras dengan hasrat Kerajaan untuk melahirkan masyarakat industri di negara ini selain daripada masyarakat pertanian yang menjadi tulang belakang negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya berkeyakinan Akta ini bukan sahaja akan diterima baik oleh pihak Kerajaan Negeri malah akan dialu-alukan oleh seluruh rakyat di negara ini khususnya mereka yang ada di kawasan-kawasan luar bandar yang menjadi sasaran utama Dasar Ekonomi Baru Negara kita. Oleh yang demikian, sebaik-baik sahaja Akta ini diluluskan oleh Dewan yang mulia ini dan diwartakan, saya menyeru Kerajaan-kerajaan Negeri supaya dapat mengambil langkah-langkah yang positif ke arah pelaksanaan segala maksud yang terkandung di dalam Akta ini.

Namun demikian, memandangkan kuasa-kuasa yang diberikan kepada Kerajaan Negeri masih terbatas, terutama di dalam masalah pengeluaran lesen bagi mengendalikan sesebuah industri itu, saya mencadangkan sebuah Jawatankuasa Penyelaras di antara Kerajaan Pusat

dan Kerajaan Negeri patut diadakan dengan segera supaya segala proses penubuhan dan pengendalian industri-industri itu kelak akan dapat berjalan dengan teratur dan kemaskini. Badan Penyelaras ini boleh mengadakan perbincangan dari semasa ke semasa untuk menjamin kepentingan bersama dan membantu mempercepatkan proses pertumbuhan industri-industri kecil berasas kayu di negara ini. Kita tidak mahu rakyat akan menanggung berbagai-bagai kesulitan dalam proses pembinaan industri ini di masa hadapan semata-mata kerana masalah-masalah teknikal di dalam pentadbiran, sama ada oleh Kerajaan Negeri ataupun Kerajaan Pusat.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya membincangkan lebih jauh mengenai Akta ini, izinkan saya merujuk kepada Dasar Pembangunan Industri Berasaskan Kayu seperti yang dinyatakan di dalam Dasar Perhutanan Negara yang telah diluluskan oleh Majlis Tanah Negara pada tahun 1978 yang lalu. Saya mohon izin untuk membacanya:

“Menggalakkan usaha mengeluarkan dan menggunakan kayu bagi semua jenis keluaran hutan dengan sepenuhnya dan penubuhan perusahaan kilang-kilang berdasarkan kayu dengan kadar-kadar keperluannya ditentukan supaya seimbang dengan kadar pengeluaran balak-balak bagi tujuan bukan sahaja untuk meninggikan mutu penggunaan bahkan juga membuka peluang-peluang kerja serta mendapatkan pertukaran wang asing”.

Tuan Yang di-Pertua, dasar ini adalah suatu yang baik lagi membina. Soalnya sejauh mana dan sebanyak mana amalan-amalan kita yang telah, sedang dan akan kita lakukan bagi mencapai objektif yang terkandung di dalam dasar ini.

Tuan Yang di-Pertua, di antara maksud dan tujuan yang terkandung di dalam Dasar Pembangunan Industri Berasaskan Kayu itu ialah menggunakan kayu bagi semua jenis keluaran hutan dengan sepenuhnya. Soalnya sekarang sudahkah kita berjaya memenuhi matlamat dasar ini? Pada himat saya, kita belum begitu berjaya. Contohnya, dalam usaha mengeluarkan hasil-hasil balak di negara ini, sama ada disadari atau tidak, tetapi yang nyata ialah sikap pembalok-pembalok kita di dalam mengeluarkan balak ini mereka hanya berminat untuk mengeluarkan kayu-kayu balak yang berukuran besar, bermutu tinggi dan ada juga kayu-kayu yang kurang bermutu yang dikeluarkan dan juga jenis-jenis kayu yang boleh dijadikan papan-papan lapis. Walaupun kita berupaya mengeluarkan balak sebanyak 10.7 juta tan metrik kayu setiap tahun, tetapi dapatlah kita gambarkan betapa banyak dan berapa juta tan metrik pulakah kayu-kayu balak yang berukuran kecil dan kayu-kayu yang kurang mutunya yang tinggal musnah begitu sahaja, seperti yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kemaman tadi.

Kita boleh lihat dengan mudah, tidak payah kita masuk ke dalam hutan belantara untuk melihat pembaziran kayu-kayu yang ada di dalam negara kita ini. Keadaan ini kita tidak dapat hendak mempersalahkan kepada pembalok-pembalok kita. Sebagai ahli-ahli perniagaan, mereka tentulah lebih memikirkan dari segi pasaran dan khususnya keuntungan. Oleh sebab kayu-kayu balak berukuran kecil dan kayu-kayu yang kurang bermutu ini tidak dapat dipasarkan di dalam pasaran biasa tempatan, apatah lagi dalam pasaran eksport, maka kayu-kayu itu ditinggalkan begitu sahaja, terutama kita boleh lihat di pengkalan-pengkalan kayu di mana kawasan-kawasan pembalakan itu dijalankan.

Kita akan dapat lihat beratus-ratus batang kayu yang bersepah-sepah terbiar begitu sahaja. Oleh sebab itu, kalau kita lihat atau kalau dikaji dari sudut ekonomi nyatalah negara telah kehilangan sumber pendapatan yang begitu tinggi nilainya berjuta-juta ringgit.

Dan kalau kita tinjau dari segi kaca mata Islam, sesuai dan selaras dengan penerapan Islam di dalam pemerintahan atau pentadbiran bahawa kayu-kayu yang ada di dalam hutan-hutan itu adalah merupakan suatu amanah Allah kepada kita manusia yang sudah diiktiraf sebagai khalifah di bumi Allah. Jadi, dengan pembaziran yang berlaku begitu banyak kepada kayu-kayu ini merupakan suatu sikap yang kurang amanah. Oleh sebab itu, saya sebagai salah seorang yang memikul amanah itu mencadangkan kepada Kerajaan supaya unit-unit penyelidikan yang ada di dalam Kementerian ini atau di Jabatan Hutan hendaklah diperlengkapkan dan dikemaskinikan sama ada dari segi anggotanya, sama ada dari segi keupayaannya, kelengkapannya dan sebagainya supaya mereka ini membuat kajian yang meluas dan mendalam bagi penggunaan kayu-kayu yang ada di dalam negara kita ini, sama ada kayu-kayu balak berukuran kecil atau apa sahaja jenis-jenis kayu yang ada.

Sekiranya pengetahuan yang ada kepada mereka itu belum mencukupi perlu mendapat pelajaran-pelajaran di luar negeri maka langkah-langkah yang positif hendaklah diambil bagi menghantar mereka ini ke luar negeri supaya kita tidak akan dituduh di Yaumul Mahsyar kelak sebagai orang atau Kerajaan yang tidak amanah. Dengan mendapat pengalaman dan pengetahuan-pengetahuan di peringkat antarabangsa di dalam bidang penggunaan kayu-kayu ini saya yakin dan percaya setiap kayu yang ada di negara kita ini akan dapat

dinaikkan nilai dan mutunya kepada keadaan yang ekonomik dan pada waktu itu tidak ada lagi kayu-kayu yang terbuang dan terbiar begitu sahaja. Inilah suatu pandangan sebagai seorang yang memikul amanah negara, amanah Kerajaan dan amanah rakyat, mencadangkan kepada Kerajaan supaya tidak membuat sesuatu helah bagi mengelak tanggungjawab kita menjawab soalan daripada Kadi Rabul Jalil di Yaumul Mahsyar kelak.

Tuan yang di-Pertua, salah satu perkara yang menarik perhatian saya, saya amat bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa masalah pencemaran. Ini tidak mustahil akan berlaku. Apabila wujud sahaja industri di negara kita ini maka soal pencemaran alam ini adalah merupakan satu perkara yang penting bagi menjamin kesihatan, kedamaian hidup masyarakat sekitarnya. Masalah pencemaran alam ini memang sudah menjadi satu perkara yang begitu serius di setengah-setengah negara yang maju, negara-negara industri. . . . .

**Dr Abdul Hamid bin Pawanteh:**  
Yang Berhormat, sila duduk sebentar.

Ahli-ahli Yang terhormat, untuk panduan Ahli-ahli yang terhormat izinkan saya menarik perhatian Ahli-ahli Yang terhormat kepada muka surat 7 dalam Rang Undang-undang ini di mana dicatatkan huraian iaitu:

“Rang Undang-undang ini, yang dibuat menurut Perkara 76A Perlembagaan Persekutuan, bertujuan memberi kuasa kepada Badan Perundangan Negeri untuk membuat undang-undang bagi mengawalselia industri-industri berasas kayu. Mengikut Perlembagaan Persekutuan, kuasa untuk membuat undang-undang mengenai industri adalah terletak

pada Parlimen. Bagaimanapun Perkara 76A memberi kuasa kepada Parlimen untuk membuat undang-undang membenarkan Badan Perundangan Negeri meluluskan undang-undang mengenai apa-apa perkara yang ada di dalam kekuasaan Parlimen.”

Ahli-ahli Yang terhormat, memandangkan Huraian ini, pada pendapat saya, sekiranya Ahli-ahli Yang terhormat ada saranan seharusnya oleh kerana Rang Undang-undang ini bercadang untuk memberi kuasa mengawalselia kepada Badan Perundangan Negeri, lebih tepat lagi saya rasa kalau ditunjukkan saranan itu kepada Badan Perundangan Negeri. Terima kasih. Itu semata-mata untuk sekali lagi mengemaskini perjalanan perbahasan kita.

Sila teruskan, Ahli Yang terhormat dari Padang Rengas.

**Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah:**  
Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya saya timbulkan perkara ini kerana saya bersetuju dengan pandangan itu tetapi apabila kita hendak mengadakan industri, masalahnya ialah mendapatkan lesen dan juga bila mendapat lesen tentu ada hubung kaitnya dengan masalah alam sekitar dan bermacam-macam perkara untuk kita laksanakan. Jadi, oleh sebab itu saya timbulkan perkara ini supaya mendapat perhatian kepada semua pihak, alam sekitar dan sebagainya di dalam syarat-syarat kelulusan lesen mengendalikan industri ini dapat dipertimbangkan perkara-perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya timbulkan masalah ini kerana pada masa-masa ini dan masa-masa lalu banyak industri-industri yang ditubuhkan di merata-rata kawasan sama ada industri kecil atau besar tetapi kadangkala perkara ini sama

ada tidak diberi tekanan daripada peringkat perancangan ataupun bagi pihak penguatkuasa kerana apabila terdiri kilang di satu kawasan selalu sahaja kita mendapat komplek bantahan. Kalau kilang papan, habuklah, kayu, asaplah, bermacam-macam, seolah-olahnya menampakkan sama ada perkara ini tidak difikir daripada peringkat perancangan ataupun kerana kurangnya penyeliaan daripada pihak penguatkuasa ke atas pihak-pihak yang menjalankan perusahaan industri itu. Oleh sebab itu saya berharaplah supaya badan penyelaras yang dimaksudkan pada ucapan saya pada mula tadi patutlah mengambil kira supaya di dalam masa perancangan penubuhan industri ini patut diberi tekanan tentang masalah pencemaran alam ini supaya bukan sahaja rakyat akan dapat mempertingkatkan mutu hidupnya dengan hasil-hasil yang diperolehi daripada perusahaan perindustrian tetapi juga mereka sentiasa berada dalam keadaan kesihatan yang baik dengan kawalan pencemaran alam yang teratur dan kemaskini kerana pada masa ini memang sudah ada alat-alat moden di dalam pencegahan alam sekitar dan dengan adanya kajian-kajian yang dibuat oleh pihak-pihak yang bertanggungjawab saya rasa ini tidaklah menjadi halangan bagi mengawal pencemaran alam dan untuk membolehkan pertumbuhan industri-industri berasas kayu ini dengan pesatnya di negara kita ini.

Selain daripada itu jika kita lihat kepada seksyen 2 akta ini kita dapati berbagai-bagai takrif yang dinyatakan berkenaan dengan kilang-kilang itu. Kilang papan lapis, kilang papan tatal kayu, kilang perabot dan sebagainya. Walau apa pun jenis kilang yang bakal didirikan di negara kita ini tidaklah menjadi apa-apa masalah asalkan ianya ekonomik dan dapat memenuhi keperluan negara.

Apa yang perlu dipersoalkan ialah dari segi mengawal pertumbuhan kilang-kilang itu bukan sahaja dari segi potensi atau strategi tetapi jumlah bilangannya bagi kepentingan jangka panjang. Kita tidak mahu seperti yang berlaku kepada pengusaha-pengusaha kilang-kilang papan di negara ini di mana setengah-setengah daripadanya berada di dalam keadaan seperti kata pepatah Melayu: Seperti kerakap tumbuh di batu, hidup segan mati tak mahu. Dan ada pula di antara kilang-kilang papan ini yang terpaksa gulung tikar atau ditutup dengan sebab kekurangan bahan-bahan bekalan untuk diproseskan. Keadaan yang seperti ini juga berlaku kepada pengilang-pengilang padi atau pengusaha-pengusaha kilang padi di dalam negara kita ini.

Pada pandangan saya berlakunya keadaan ini oleh sebab kurangnya kawalan kita di dalam memberi kelulusan lesen-lesen untuk menjalankan usaha-usaha perindustrian ini kerana jika berlaku keadaan kilang-kilang yang mungkin didirikan di seluruh tanahair kita tidak dikawal dan akan menerima nasib seperti kilang-kilang papan dan juga kilang-kilang padi seperti yang saya katakan tadi tentulah akan timbul masalah bukan sahaja pengusaha-pengusaha ini akan menanggung kerugian akan tetapi juga masalah sosial akan berbangkit di mana pekerja-pekerjanya kelak ada yang terpaksa diberhentikan oleh sebab penutupan kilang-kilang yang tersebut.

Oleh sebab itu perkara ini perlulah dipertimbangkan supaya segala-gala yang mungkin berlaku dapat dibendung atau dielakkan dan selain daripada itu kita berharap dari segi taburan atau kedudukan kilang-kilang ini juga patut diberi perhatian supaya pembangunan ini dapat dijalankan secara menyeluruh. Kita tidak mahu bahawa pembangunan kilang-kilang

itu ditumpukan kepada ladang-ladang industri yang ditentukan sahaja tetapi di mana-mana yang boleh dibawa ke kawasan-kawasan luar bandar adalah patut diberi pertimbangan supaya masyarakat luar bandar yang sebagaimana yang saya katakan tadi hidup sebagai masyarakat petani akan dapat diubah dicorakkan dari semasa ke semasa kepada masyarakat industri sepertimana yang diharuskan oleh Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi yang perlu saya sentuh mengenai dasar pembangunan perindustrian berasaskan kayu adalah mengenai meningkatkan lagi mutu barangan yang diproses daripada kayu supaya dapat dieksport bagi mendapat pertukaran wang asing. Dalam hubungan ini jika belum, saya ulangi jika belum patutlah Kerajaan menubuhkan sebuah Badan yang menjadi penasihat kepada pengusaha-pengusaha kita bagi mempertingkatkan daya pengeluaran dan mutu barangan yang dibuat daripada kayu supaya setanding dengan mutu barangan negara-negara asing dan dapat bersaing di dalam pasaran terbuka dagangan antarabangsa. Badan penasihat ini dari semasa ke semasa mestilah diperlengkapkan sama ada dari segi keahlian, keupayaan dan kemampuannya agar ia benar-benar dapat memenuhi keperluan negara. Langkah ini amat perlu dan saya kira amat mustahak kerana mengikut apa yang difahamkan daripada 2,000 buah kilang-kilang kerja kayu atau perabot hanya 10 hingga 15 buah kilang sahaja yang berkebolehan mengeluarkan perabot-perabot yang bermutu tinggi untuk pasaran eksport.

Jadi, bermakna masih banyak lagi kilang-kilang yang sudah sedia wujud di tanahair kita ini yang perlu diberi tekanan, diberi bimbingan, diberi bantuan supaya ianya dapat menampung keperluan eksport negara

di masa hadapan kerana sekiranya kita dapat bersaing di dalam pasaran terbuka dagangan antarabangsa maka sudah tentu akan dapat menambahkan lagi sumber pendapatan tukaran wang asing negara di masa hadapan. Maka dengan itu saya dengan sukacitanya sekali lagi menyatakan sokongan saya sepenuh-penuhnya kepada Akta ini.

**Dr Abdul Hamid bin Pawanteh:**  
Yang Berhormat dari Bandau.

5.33 *ptg.*

**Tuan Newman Gaban (Bandau):**  
Tuan Yang di-Pertua, saya mengalukan-alukan suatu Akta untuk memberi kuasa kepada Kerajaan-kerajaan Negeri meluluskan undang-undang berkaitan dengan industri-industri berasaskan kayu. Akta ini telah lama dinanti-nantikan dan persamaannya di beberapa Kerajaan Negeri adalah jelas. Oleh kerana Kerajaan-kerajaan Negeri di Malaysia mempunyai nilai dan mutu hasil hutan yang nyata berbeza oleh itu adalah wajar supaya tiap-tiap negeri merumus dasar-dasar yang sesuai baginya dan skim-skim galakan yang boleh memajukan dan berkesan industri-industri yang berasaskan kayu.

Satu negeri yang kaya dengan kayu-kayan misalnya hendaklah dibekalkan dengan jenis galakan yang betul untuk menggalakkan industri-industri yang memproses barang-barang berasaskan kayu untuk menjadi hasil keluaran yang siap. Suatu negeri yang miskin dari segi hasil perhutanan sebaliknya pula hendaklah jangan digalakkan daripada mendirikan kilang-kilang yang berasaskan kayu. Adalah harapan saya bahawa negeri-negeri yang kaya dengan hasil perhutanan akan mengadakan dasar-dasar yang wajar dan skim-skim galakan industri-industri berasaskan kayunya sendiri. Dalam ini adalah juga menjadi harapan saya agar industri-industri kecil seperti "cottage industry" yang

dijalankan oleh peniaga-peniaga kecilan tidak akan dilupakan di samping memberi perhatian kepada industri besar.

Sesungguhnya untuk memajukan dan menjaga kepentingan peniaga-peniaga kecil mungkin perlu untuk memberi galakan khas kepada industri-industri kecil yang diterokai buat kali pertama dalam negeri itu, pertimbangan seumpama itu bukan sahaja menggalakkan pelaburan dalam industri kecil tetapi jika dikaji dan dilaksanakan dengan betul akan juga membantu tercapainya Dasar Ekonomi Baru.

Tuan Yang di-Pertua, adalah dengan kerapnya berlaku pada masa lalu dan juga waktu sekarang bahawa negara kita telah kehilangan banyak hasil-hasil yang berpotensi akibat dari balak kita yang dieksport dalam bentuk kayu balak. Nilai tersebut atau "value added" yang hilang adalah akibat dari kurangnya industri-industri berasaskan kayu yang mengeluarkan penghasil-penghasil terakhir yang patut dielakkan.

Adalah sungguh malang di sini Tuan Yang di-Pertua, bahawa hingga hari ini terdapat sebilangan rakyat berupaya mendapat suatu kawasan tanah balak yang besar dan kemudiannya mengeksport balak tersebut dalam bentuk kayu balak sahaja dan tidak mengadakan kilang-kilang industri berasas kayu untuk tujuan memproses kayu balak.

Dalam hubungan ini saya ingin mencadangkan kepada pihak-pihak berkenaan, pihak-pihak berkuasa bahawa semua mereka atau syarikat-syarikat yang mempunyai kawasan tanah balak yang besar hendaklah menyediakan suatu pelan yang jelas bagi menubuhkan industri-industri pemerosesan berasas kayu dan hendaklah melaksanakan secepat mungkin sebagai suatu syarat untuk kelulusan kawasan kayu balak. Bagi

memenuhi syarat tersebut adalah demi untuk memberikan suatu keutamaan terhadap negara secara keseluruhan dan bukan untuk kepentingan individu tertentu mendapat kepentingan cepat. Dengan yang demikian negara kita akan mendapat faedah dalam jangka panjang dari segi memperoleh pendapatan yang lebih, mewujudkan pekerjaan dan untuk keharmonian negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka hendak mencadangkan beberapa cara di mana Kerajaan Persekutuan boleh memainkan peranan yang penting untuk membantu negeri-negeri memajukan industri-industri berasaskan kayu dengan lebih berkesan. Yang pertama, Kerajaan Persekutuan boleh membantu memajukan industri-industri ini dengan memberi bantuan kewangan dalam membina kemudahan-kemudahan infrastruktur yang perlu untuk memudahkan projek ini terutama sekali projek yang di luar bandar.

Yang kedua, Kerajaan Persekutuan boleh menolong dalam mencari pasaran dalam kedua-dua jangka pendek dan panjang untuk membantu memastikan bahawa projek itu akan berjalan dengan lancar. Adalah penting bahawa Kerajaan Persekutuan mempunyai peranan untuk dimainkan seperti yang dicadangkan kerana aspek-aspek yang berkaitan dengan pemasaran dan pembalakan infrastruktur mempunyai implikasi di atas pembangunan negara keseluruhannya.

Setelah membuat komen-komen saya, yang saya fikir boleh membantu memajukan kekesanan sebarang dasar dalam memajukan industri-industri yang berasaskan kayu di negara ini, sukacita saya menyatakan sokongan saya terhadap Rang Undang-undang Industri Berasaskan Kayu ini.

**Dr Abdul Hamid bin Pawanteh:**  
Yang Berhormat dari Menglembu.

5.40 ptg.

**Tuan Yew Foo Weng (Menglembu):**  
Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun untuk mengambil bahagian dalam perbahasan atas Rang Undang-undang yang memberi kuasa kepada majlis Perundangan Negeri untuk meluluskan undang-undang berkaitan dengan penubuhan dan pengurusan industri-industri berasas kayu.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang ini bertujuan untuk memberi kuasa kepada Majlis Undangan Negeri untuk meluluskan undang-undang dan mengawal 12 jenis industri-industri berasas kayu. Industri-industri berasas kayu seperti yang dinyatakan dalam Jadual meliputi satu bidang yang luas. Di antaranya termasuk menyediakan bahan-bahan mentah pada peringkat permulaan sehingga membuat bahan-bahan siap. Dalam aspek ini saya ingin menarik perhatian pihak Kerajaan supaya menimbangkan dengan teliti strategi yang berkaitan dengan industri-industri berasas kayu di dalam negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya kegiatan-kegiatan industri-industri berasas kayu meliputi tiga peringkat seperti berikut:

- (1) kayu-kayu dijadikan sebagai kayu gergaji.
- (2) kayu gergaji itu dijadikan bahan-bahan; dan
- (3) bahan-bahan yang dipasang dan dijadikan bahan siap.

Tuan Yang di-Pertua, dalam perkembangan industri berasas kayu, kita perlu mengawasi dan menentukan bahawa kita telah memperolehi pengalaman-pengalaman yang diperlukan sebelum kita meningkat ke

dalam peringkat yang ketiga. Ini adalah penting kerana kita perlu memahami sistem pasaran serta selok beloknya supaya kita dapat mempelajari segala kemahiran untuk menentukan kejayaan kita. Dalam ertikata lain, kita perlu menggunakan bahan-bahan kita sebaik-baiknya. Sekiranya kita tinjau proses berperingkat-peringkat, kita boleh mendapat bahawa peringkat kedua menyerap seratus peratus pengeluaran peringkat yang pertama iaitu kayu gergaji. Begitu juga peringkat yang ketiga boleh menyerap segala pengeluaran peringkat yang kedua. Dan pendek kata peringkat yang kedua adalah pasaran yang sedia ada bagi pengeluaran peringkat yang pertama dan peringkat ketiga merupakan pasaran yang sedia ada bagi peringkat yang kedua.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang penting sekali adalah memberi pasaran kepada pengeluaran industri-industri berasas kayu peringkat yang ketiga. Kita perlu berjaga-jaga sebelum kita ke peringkat ketiga, kita perlu membuat suatu tinjauan yang teliti tentang keadaan pasaran antarabangsa, melainkan sekiranya bahan-bahan pengeluaran kita di peringkat yang ketiga adalah untuk kegunaan tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, negara-negara yang maju telah mengambil masa bertahun-tahun sebelum mereka mencapai kedudukan mereka sekarang. Industri-industri berasas kayu mereka telahpun mencapai satu taraf sophisticated yang tinggi.

Pandangan saya ini tidak bermaksud untuk menghampakan semangat sesiapa akan tetapi adalah untuk mengawasi supaya kita tidak bergopoh-gapah dan tidak bersabar untuk meningkat ke peringkat yang ketiga dalam industri-industri berasas kayu. Sebaliknya, kita perlu

merapatkan kerjasama dengan mereka yang telah mencapai peringkat yang ketiga industri-industri berasas kayu dan pasaran antarabangsa.

Dengan kerjasama ini kita akan dapat mempelajari cara-cara pasaran dan sistem-sistem yang digunakan oleh mereka itu. Mereka itu telahpun menubuhkan pasaran mereka melalui sistem jualan mereka. Pada perbandingannya kita mesti dalam peringkat permulaan dan semestinya tidak boleh bersaing dengan mereka. Kita perlu menggunakan kepakaran mereka dengan membekalkan kepada mereka pengeluaran peringkat pertama dan kedua iaitu kayu gergaji dan bahan-bahan yang dijadikan daripadanya.

Sebagai contoh bahan-bahan yang dikeluarkan oleh Denmark dan Sweden dibekalkan kepada pasaran Amerika syarikat sebagai bahan-bahan yang belum dipasang. Kita juga boleh mengikut jejak langkah-langkah negara-negara maju itu.

Tuan Yang di-Pertua, sekiranya kita melihat kepada industri komputer terdapat banyak alat-alat ganti yang direka dan dibuat sebagai komponen yang sesuai digunakan untuk membuat bahan komputer yang siap. Saya telah dimaklumkan bahawa suatu jenis "texas instrument" telah mengeluarkan komponen yang direka untuk digunakan dalam sejenis Camera Canon seperti juga Honda telah membuat enjin dan gear box untuk digunakan ke dalam kereta British.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya katakan ini adalah bahawa kita perlu menentukan pasaran sebelum kita meningkat untuk bersaing dengan industri-industri berasas kayu daripada negara-negara maju. Dengan itu kita akan dapat mengelakkan daripada kegagalan dan menentukan satu perkembangan industri berasas kayu secara teratur.

Tuan Yang di-Pertua, kita perlu mempelajari proses reka bentuk sekiranya kita bercadang untuk membekalkan bahan-bahan komponen ke negara-negara maju. Reka bentuk adalah satu proses yang sentiasa mengalami perubahan yang memerlukan penyelidikan yang teliti tentang penerimaan pasaran terhadap sesuatu reka bentuk yang dicadangkan seperti jenis model-model motokar. Ada di antara pembeli yang membeli sesuatu atas sebab reka bentuknya. Ada juga di antara mereka yang membeli atas sebab yang lain dan ada juga yang membeli sesuatu disebabkan oleh nama sahaja.

Oleh yang demikian untuk menentukan kejayaan kita, kita perlulah menentukan berbagai faktor.

Akhir sekali saya ingin menegaskan bahawa kita perlu bekerjasama dengan mereka yang telah berjaya dalam industri berasas kayu dan mempelajari segala kepakaran daripada mereka untuk menentukan kejayaan industri seperti ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak bercadang berucap panjang lebar dan dengan ini saya menyokong Rang Undang-undang Industri Berasas Kayu yang dibentangkan di Dewan yang mulia ini.

**Dr Abdul Hamid bin Pawanteh:**  
Yang Berhormat dari Tampin.

**Dato Leonard Linggi anak Jugah:**  
Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.  
Tuan Yang di-Pertua. . . . .

**Dr Abdul Hamid bin Pawanteh:** Ahli Yang Berhormat dari Tampin. Sekiranya saya ada masa, kalau boleh Ahli Yang Berhormat dari Kapit bangun sekali lagi, saya akan beri peluang. Tampin.

5.49 ptg.

**Tuan Omar bin Abdullah (Tampin):**  
Tuan Yang di-Pertua, sekiranya Rang Undang-undang Industri Berasas Kayu ini dibuat dengan tujuan untuk mewujudkan satu keseragaman struktur perancangan kerja, pembangunan dan lain-lain bidang yang berkaitan untuk memaksimumkan penggunaan kayu hutan negara kita, maka saya menyokong Rang Undang-undang ini dengan sepenuhnya.

Meneliti Rang Undang-undang yang dibentangkan butir-butir lanjut mengenai perkara yang saya sebutkan tadi tidak dihuraikan dengan panjang lebar. Yang disebut ialah senarai-senarai perusahaan industri berasas kayu dan tafsiran-tafsirannya. Tuan Yang di-Pertua, seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, Rang Undang-undang ini perlu diperbincangkan dengan merujuk kepada Akta Perhutanan dan Dasar Perhutanan Negara. Dan Dasar Perhutanan Negara kita telah mewujudkan Dasar Pembangunan Industri Berasas Kayu yang menyebut secara detail tentang objektif-objektif dan dasar Kerajaan untuk memajukan lagi industri berasas kayu.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya pengawalan Kerajaan Pusat atas industri-industri berasas kayu adalah sangat perlu bukan sahaja untuk menyeragamkan aturan-aturan kerja pelesenan dan pengawalan tetapi yang lebih penting ialah untuk tujuan membangun semula memperbanyakan dan memaksimumkan penggunaan kayu dengan pengurangan pembaziran di samping mempermodenkan industri ini dengan mempertingkatkan teknologi pengeluarannya.

Tuan Yang di-Pertua, adalah menjadi kenyataan bahawa kita masih belum dapat lagi memaksimumkan

penggunaan kayu-kayan kita. Saya ingin membincangkan perkara ini dalam empat aspek.

- (1) Terdapat berbagai-bagai jenis kayu yang masih lagi belum mencapai penggunaan dan nilai serta harga "commercial" atau belum dikenali di pasaran antarabangsa. Kalangan pembalakan menyebut kumpulan-kumpulan kayu ini sebagai kayu capca atau kayu jenis campuran.
- (2) Tidak semua saiz kayu dapat kita berikan nilai "commercial", saiz yang kecil tidak digunakan sepenuhnya dan tidak dapat mencapai nilai pasaran.
- (3) Terdapat pembaziran kayu "offcut" di kilang-kilang papan dan di kilang plywood "core" atau hati kayu masih lagi belum kita dapat jadikan "finished product".
- (4) Industri yang menggunakan kayu-kayan di Malaysia bidangnya masih lagi terhad dan tidak cukup untuk menyokong industri pembalakan.

(Tuan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan mesyuarat*)

Tuan Yang di-Pertua, hutan negara kita kaya raya dengan berbagai jenis kayu yang rata-rata adalah baik mutunya. Selalunya kayu-kayu balak ini diklasifikasikan sebagai mengikut kekerasannya sesuai dengan tujuan dan keperluan penggunaan. Tetapi seperti yang berlaku penggunaan kayu-kayu ini ditentukan oleh nilai pasarannya. Kayu-kayu yang tidak terkenal di pasaran walaupun baik mutunya tidak digunakan. Sementara itu kata tahu tugas memperkenalkan kayu-kayu ini sama ada di pasaran tempatan mahu pun di pasaran antarabangsa adalah tanggungjawab kita sendiri dan tanggungjawab ini

telah kita amanahkan kepada Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia. Tidaklah dapat kita nafikan bahawa Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia telah banyak berjaya memperkenalkan kayu-kayu Malaysia hingga terkenal di peringkat antarabangsa. Tetapi memandangkan masih banyak lagi spisi-spisi kayu yang baik yang belum terkenal maka perlulah kita mewujudkan satu "concentrated effort", melalui program-program yang khusus untuk memperkenalkan kayu-kayu yang baik ini supaya mendapat harga pasaran yang baik. Kita tidak boleh bertumpu kepada kayu-kayu yang telah kita perkenalkan sahaja kerana ada jenis-jenis kayu dalam kumpulan penggunaan yang sama yang perlu kita ketengahkan. Misalnya kita boleh menggunakan kayu-kayu jenis lembut untuk industri "wall penelling" dan masih banyak terdapat lagi kayu-kayu yang mempunyai "grain" yang baik misalnya kayu durian daun, kembang semangkok dan sebagainya yang masih lagi belum kita gunakan di pasaran tempatan apatah lagi di pasaran antarabangsa. Mungkin ada baiknya kita bermula dengan menumpukan pada pasaran tempatan dan kita mengkhaskan pasaran antarabangsa kepada kayu-kayu yang telah berjaya kita perkenalkan.

Tuan Yang di-Pertua, peraturan Jabatan Hutan sendiri seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi mendiskriminasikan kayu mengikut saiz. Contoh yang ketara ialah lesen kilang dibuat mengikut saiz kayu yang akan digergaji. Akibat konsep dan dasar ini kayu yang bersaiz kecil tidak diberi keutamaan yang sama dan hasilnya, nilai commercialnya jatuh. Bagi hutan simpanan kekal yang dibalok kita tidak perlu bimbang kerana kayu-kayu yang kecil ini kita boleh biarkan dia membesar. Tetapi soalnya jika kita telah menentukan bahawa hutan itu akan kita jadikan

kawasan pembangunan pertanian maka jika kayu-kayu kecil ini tidak dapat kita gunakan maka wujudlah satu kerugian yang amat besar. Yang demikian, adalah sangat perlu bagi Jabatan Hutan sendiri dan Kementerian berusaha bersungguh-sungguh untuk mewujudkan industri sokongan yang boleh menggunakan kayu-kayu bersaiz kecil ini untuk dijadikan finished product.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak tahu sama ada teknologi menukarkan balak kepada kayu bergergaji atau lain-lain semi product di negara kita ini mempunyai teknologi yang baik. Dalam pada itu kejayaan negara yang mengimport balak kita seperti Korea khususnya yang dapat mengeluarkan kayu-kayu papan lapis (plywood) yang lebih murah daripada yang kita keluarkan sendiri patutlah menjadi satu perkara yang harus kita kaji dan kita jadikan contoh untuk membangunkan semula industri-industri berasas kayu kita.

Walau bagaimanapun, terdapat beratus-ratus tan kayu-kayu yang tidak dapat diguna atau offcut yang dibiarkan begitu sahaja, perkara ini mungkin berlaku kerana teknologi pengeluaran yang belum bermutu tinggi tetapi yang nyata ialah kita masih belum mewujudkan jumlah industri yang cukup untuk menjadikan bahan-bahan lebihan atau buangan ini menjadi barang yang berguna dan mempunyai nilai pasaran. Kita terpaksa mengakui bahawa industri berasas kayu kita dicorakkan oleh niat untuk memenuhi keperluan pasaran antarabangsa yang kita sendiri tidak dapat mencorakkannya. Pasaran tempatan kita menjadi pasaran yang kedua. Oleh kerana itulah seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri hasil keluaran hutan menduduki tempat yang ketiga dalam senarai eksport kita.

Dalam pada itu perlu kita akui eksport kayu kita itu adalah sama ada dalam bentuk "raw material" atau dalam bentuk kayu-kayu balak atau "semi raw material" iaitu kayu bergaji atau plywood. Eksport barangan siap sedia (finished product) dari bahan-bahan kayu kita adalah terhad dalam bentuk "knocked-down furniture" dan dua, tiga perkara lagi. Kerajaan melalui agensi-agensi atau badan yang dipertanggungjawabkan perlulah dengan segera berbuat sesuatu untuk mewujudkan industri "finished product" dari kayu di negara kita bagi kedua-dua pasaran tempatan dan antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, saya mendapat tahu bahawa satu kajian telah dijalankan oleh "Institute of Tropical Studies" mengenai kemungkinan memajukan industri kayu arang, dan industri ini tidak disenaraikan dalam Rang Undang-undang ini. Sebagai salah satu sumber tenaga yang murah dan sebagai satu usaha kita untuk memaksimumkan penggunaan kayu kayan kita khususnya kayu-kayu off cut atau buangan. Saya ingin mendapat tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri tentang pandangan dan pendirian Jabatan Perhutanan mengenai projek yang dicadangkan itu. Saya berpendapat industri arang kita boleh kita perembangkan bukan sahaja untuk memaksimumkan penggunaan buangan kayu tetapi juga sebagai "alternative" kepada sumber tenaga rumah tangga, perniagaan kecil malah industri sekali pun.

Jika kita dapat mempermodenkan teknologi pengeluaran kayu arang daripada teknologi tradisi yang ada di negara kita ini dan kalau kita dapat menghasilkan kayu arang yang bermutu tinggi mungkin kita boleh menerokai pasaran antarabangsa khususnya kepada negara-negara yang melalui musim-musim sejuk. Kajian yang telah saya sebutkan tadi

mencadangkan satu teknologi baharu yang membolehkan pengeluaran kayu arang secara "in-situ" dengan menggunakan dapor mudah alih (transportable kiln).

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak bermaksud menghuraikan tentang industri yang dicadangkan itu. Saya cuma memohon agar pihak yang berkenaan mengkaji perkara ini secara serius dan bersungguh-sungguh dan menyenaraikan industri kayu arang dalam senarai industri berasas kayu. Sebagai rumusan, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan kepada pihak Kementerian yang berkenaan membentuk satu jawatankuasa khas di Kementerian atau lain-lain bentuk sistem kerja yang dipertanggungjawabkan untuk menjalankan kajian mendalam dengan maksud untuk memperembangkan lagi industri berasas kayu yang meliputi hal-hal kajian, pengeluaran, pasaran, teknologi dan lain-lain lagi bidang yang berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih dan saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, mengikut usul kita tadi kita terpaksa menghabiskan semua Urusan-urusan Kerajaan pada malam ini. Jadi saya mintalah Ahli-ahli Yang Berhormat jangan bercakap terlampau panjang. Kalau sekiranya syarahan itu panjang, mintalah dipendekkan. Hanya seorang sahaja lagi saya hendak beri peluang berucap, selepas itu saya hendak minta yang Berhormat Menteri menjawab. Saya persilakan Ahli Yang Berhormat dari Kapit.

6.01 ptg.

**Datuk Leonard Linggi anak Jugah (Kapit):** Tuan Yang di-Pertua, Malaysia adalah sebuah negara pengeluar kayu-kayan tropika yang

terbesar di dunia ini. Adalah wajar dan kena pada tempatnya jikalau perhatian dan perlindungan yang secukupnya diberi kepada industri kayu-kayan untuk mempertingkatkan keuntungan melalui harga yang lebih baik dan memperluaskan lagi pasaran untuk kayu-kayan kita. Saya yakin tujuan utama Rang Undang-undang ini adalah untuk mencapai objektif dua-hala ini.

Seperti dalam perancangan untuk industri-industri lain, pengetahuan dan kefahaman yang mendalam mengenai perniagaan tertentu adalah amat penting. Pada pendapat saya, Tuan Yang di-pertua, adalah tidak betul untuk mengatakan bahawa oleh sebab kita ada mempunyai banyak kayu-kayan, kita mesti mempunyai "plywood veneer mill" tanpa mengambil kira pasaran, kos dan taraf teknologi yang ada. Mempunyai minyak umpamanya tidak semestinya bermakna bahawa kita mesti membinakan seterusnya "petrol chemical plant" tanpa pelan-pelan dan persediaan yang teliti.

Justeru itu saya menyeru kepada Kementerian Perusahaan Utama untuk membuat kajian yang mendalam ke atas industri kayu-kayan dan potensinya. Pertama sekali, kakitangan-kakitangan Kementerian mesti memulakan dialog dengan pegawai-pegawai dari negeri-negeri yang mempunyai sumber-sumber kayu-kayan, khasnya Sarawak dan Sabah, pengeluar utama kayu-kayan tropika. Kedua-dua negeri ini mempunyai bukan sahaja sumber-sumber kayu-kayan bahkan kemahirannya juga. Oleh sebab itu, adalah penting untuk mengetahui apa yang telah dirancang oleh kedua-dua negeri itu dan menilaikannya secara rasional dan objektif.

Kebanyakan perniagaan kayu-kayan di negara ini adalah diusahakan oleh pihak swasta. Perundingan

dengan pihak swasta, khasnya mereka yang terlibat dalam perniagaannya adalah penting. Merekalah yang akan dapat keuntungan atau mengalami kerugian. Jesteru itu, adalah wajar dan juga mustahak untuk kita mendapatkan pandangan-pandangan mereka juga.

Kementerian mesti sedar apa yang telah terjadi di Indonesia, negara jiran kita yang mengeluarkan beratus-ratus kilang plywood dan veneer, hingga memenuhi pasaran dengan hasil mereka dan telah mengakibatkan penurunan ataupun kejatuhan harga kayu. Saya berharap Malaysia akan mempelajari daripada pengalaman Indonesia itu.

Kerajaan negeri Sarawak baru-baru ini telah menyemak semula dasar kayu-kayannya. Selain daripada menghendaki setiap pemegang konsessi untuk menubuhkan kilangnya sendiri, beberapa pemegang konsessi adalah diminta supaya menyatukan usaha mereka untuk menjadi kumpulan-kumpulan yang lebih besar. Tujuannya adalah untuk memperbesar sumber-sumber, pembekalan bahan-bahan mentah dan pengalaman-pengalaman untuk membolehkan mereka menubuhkan perusahaan pengeluar hasil pilihan mereka sendiri yang akan dapat bertanding di pasaran dunia.

Pasaran tempatan termasuk Semenanjung Malaysia adalah terlalu kecil untuk menerima hasil kayu-kayan yang telah diproses ataupun semi diproses. Pasaran antarabangsa bagi kayu-kayan adalah terlalu kuat persaingannya dari segi harga, mutu dan jenisnya. Kalaulah kita hanya bergantung kepada kayu lapis (plywood) atau kayu bergergaji, sekarang sudah tak sesuai lagi oleh kerana terlalu banyak kilang-kilang telah ditubuhkan, terutama sekali di Indonesia. Malaysia perlu mengusahakan kayu-kayan yang

mempunyai keistimewaannya sendiri kalau hendak bersaing dalam pasaran antarabangsa.

Kerajaan sedar bahawa kayu-kayan dan bahan-bahan yang dibuat dari kayu mengalami persaingan yang serius daripada bahan-bahan synthetic seperti plastik, fibre glass, asbestos, gypsum board dan kertas dinding (wallpaper). Pasaran kayu kini semakin kecil lebih-lebih lagi di Eropah Barat, Amerika dan Jepun. Malaysia perlu mencari banyak lagi pasaran kalau ia hendak maju dalam perdagangan kayu-kayannya.

Pasaran yang berpotensi besar sekali adalah negeri China. Kalaulah setiap orang Tionghua mesti membeli satu kerusi kayu dari kita, keseluruhan negeri China dengan penduduknya 1.1 billion, perlu membeli 18.3 million cubic metres kayu, jumlah yang sama dengan pengeluaran dalam 2 tahun kayu dari negeri Sarawak, Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana hanya pengeluaran 9 million cubic metres setahun dari negeri Sarawak. Oleh yang demikian maka jelas negeri China mempunyai potensi yang besar untuk kita.

Sektor swasta setakat ini mengalami kesukaran dalam usaha hendak memperkembangkan pasaran di negeri China oleh sebab sekatan-sekatan perjalanan ke negeri itu. Oleh yang demikian, maka Kerajaan sepatutnya mencari jalan untuk mengembangkan pasaran kayu kita supaya kita tidak terlepas peluang kepada saingan kita. Kerajaan kita tidak sepatutnya hanya memikir untuk mencari jalan untuk menjual kayu-kayan kita ke negeri China, tetapi juga hendaklah mencari jalan untuk menubuhkan usaha-usaha bersama dengan peniaga-peniaga ataupun agen-agen di negeri China dalam industri memproses kayu. Kita sepatutnya mempunyai keberanian untuk mendirikan kilang-kilang di

negeri China sendiri dengan pengusaha-pengusaha di negeri China secara usaha bersama.

Kita boleh membekalkan bahan-bahan mentah ataupun semi-processed wood products dan mereka boleh menentukan pasaran-pasaran bagi bahan-bahan kita. Hanya dengan jalan ini kita dapat memperolehi potensi pasaran kayu-kayan di negeri China itu. Saya menganggap adalah sesuai bagi Kerajaan kita untuk mengatur perdagangan khusus dengan negeri itu. Lawatan-lawatan menarik pelabur ke negeri China, khasnya bagi industri kayu-kayan kita, patutlah digalakkan. Saya percaya lawatan seperti ini, kalau diatur dengan sempurna akan memberi faedah yang besar kepada perusahaan kayu-kayan di negeri kita ini.

Sementara kita perlu mengembangkan pasaran antarabangsa, kita juga perlu membuat kajian terus menerus secara yang lebih berkesan untuk menggunakan kayu-kayan kita lebih-lebih lagi dalam pembinaan rumah, kompleks-kompleks komersial, alat-alat perabot dan lain-lain. Saya percaya ini akan menyelamatkan kita dalam pertukaran asing atas import bahan-bahan pengganti kayu-kayan kita.

Saya juga menyeru kepada Kerajaan untuk membuat kajian cara mana kita dapat menggunakan kayu kita untuk dashboard ataupun komponen lain bagi Proton Saga, kereta buatan Malaysia kita. Saya percaya kayu seperti nyatoh, sepetir, engas, selangan batu mempunyai kualiti yang tidak kurang kalau dibandingkan dengan oak, mahogany dan teak yang telah digunakan untuk dashboard bagi kereta seperti Rolls Royce, Daimler dan Jaguar. Adalah diakui bahawa Proton Saga mungkin tidak dapat dinilai sama seperti Rolls Royce atau Daimler, tetapi

ianya adalah satu kereta nasional Malaysia, maka dengan demikian kita seharusnya menyiapkannya dengan seberapa baik yang kita boleh.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga berpendapat mungkin kita perlu membuat kajian ke atas peraturan-peraturan perusahaan kayu kayan lebih-lebih lagi yang berkaitan dengan keperluan jentera-jentera dan juga peraturan-peraturan keselamatan (safety requirements). Misalnya boiler atau tangki-tangki memasak air. Adalah diketahui bahawa beberapa syarikat dari Sarawak telah mencuba mengimport tangki-tangki ini yang berharga sederhana yang banyak digunakan oleh syarikat-syarikat plywood di Taiwan dan Korea tetapi dukacitanya tangki-tangki ini tidak dapat diterima di Sarawak dengan alasan ianya tidak mematuhi peraturan-peraturan Kerajaan Persekutuan. Saya berpendapat kalaulah tangki-tangki ini yang banyak digunakan oleh syarikat yang ternama di negara-negara yang telah maju dalam teknologi seperti Taiwan dan Korea, saya percaya ianya harus diberi pertimbangan dan kita perlu mengkaji peraturan-peraturan kita supaya kita dapat mengurangkan harga dalam usaha kita mengeluarkan kayu kita yang lebih bermutu. Dengan ini saya menyokong Rang Undang-undang ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

6.14 ptg.

**Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Tuan Megat Junid bin Megat Ayob):** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih di atas minat yang ditunjukkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang turut serta dalam perbahasan mengenai Rang Undang-undang ini. sukacita di sini saya akan menjawab segala teguran

dan ulasan yang ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat itu dan sekiranya ada terdapat perkara-perkara yang tidak disentuh saya akan mengambil ingatan di atas perkara-perkara yang dibangkitkan serta mengambil tindakan yang wajar bagi menyelesaikan persoalan-persoalan yang ditimbulkan.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh tentang apa yang diperkatakan oleh wakil Kemaman, pihak saya mengucapkan terima kasih di atas penghargaan yang diberi oleh Ahli Yang Berhormat tersebut terhadap pegawai-pegawai di Jabatan Perhutanan di bawah Kementerian Perusahaan Utama. Terima kasih juga atas kesedaran Yang Berhormat tersebut di mana telah sedar terlalu banyak wujud pembaziran kayu. Dengan lulusnya Akta ini dapatlah sisa-sisa kayu ini diproses untuk berbagai-bagai barang seperti membuat kotak-kotak, ceiling, cardboard dan sebagainya dan untuk pengetahuan Yang Berhormat tersebut, bahawa pada hari ini wujud kilang blackboard sebanyak 14, kilang chipboard sebanyak 3, kilang woodwool ada 3, kilang wood cement board ada dua dan kilang wood cement board ada satu. Jadi, kita lihat bahawa sisa-sisa kayu yang ditinggalkan dalam hutan belantara oleh pembalok-pembalok telah dapat dipergunakan untuk kilang-kilang tersebut dan diharapkan industri ini akan berkembang lebih maju agar semuanya, sisa-sisa kayu serta juga kayu-kayu yang dianggap tidak berharga oleh pembalok-pembalok dapat dipergunakan dalam industri ini.

Tentang kayu-kayu yang ditinggalkan dalam hutan sehingga jadi reput atau dibakar, Kementerian Perusahaan Utama akan mengambil ingatan tentang hal ini dan dalam hal sistem tebang menebang juga pihak Jabatan Hutan akan mengambil perhatian agar kayu-kayu yang

difikirkan tidak laku yang ditinggalkan dapat digunakan dalam industri-industri pemerosesan di peringkat ketiga.

Wakil dari Kuching telah menimbulkan masalah pengeksporan kayu gergaji di Sarawak yang terlalu sedikit. Ini tidaklah dapat diberi apa-apa komen oleh pihak saya, oleh kerana Sarawak mempunyai Akta-aktanya yang tersendiri yang melibatkan hutan dan pemerosesan kayu kayannya. Walau bagaimanapun, Kementerian Perusahaan Utama bersedia memberi nasihat dan bimbingan jika dipohon oleh pihak Sarawak. Bagaimanapun apabila Sarawak sudah bersedia untuk menerima Akta Perhutanan Negara yang telah diluluskan oleh Dewan ini sebentar tadi, dapatlah Akta yang kita perbincangkan pada hari ini dipanjangkan ke Sarawak. Dengan itu dapatlah apa yang disuarakan oleh Yang Berhormat itu tadi dipertimbangkan.

Menyentuh tentang apa yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Wakil Padang Rengas, saya lagi sekali mengucapkan terima kasih kerana kata-kata aluan Yang Berhormat itu terhadap Akta ini yang sama dengan wujudnya Akta ini diharapkan penduduk desa juga akan dapat melibatkan diri dalam industri berasas kayu ini. Tentang cadangan untuk mewujudkan sebuah jawatankuasa penyelaras, yang sebenarnya ini merupakan satu cadangan yang baik tetapi saya suka menyatakan bahawa Kementerian Perusahaan Utama bersama-sama dengan Jabatan Perhutanan sedang merangka satu perundangan yang selaras dengan Akta ini untuk dikemukakan kepada Kerajaan-kerajaan Negeri melalui Majlis Perhutanan Negara supaya keseragaman dalam undang-undang di peringkat negeri dapat diwujudkan. Di bawah Undang-undang ini, satu peraturan pula akan diadakan.

Peraturan ini juga akan dikemukakan ke Majlis Perhutanan Negara untuk ditimbang dan diterima oleh Kerajaan-kerajaan Negeri. Keseragaman yang akan wujud dalam perundangan atau enakmen dan peraturan yang dibuat di bawahnya akan menjamin wujud penyelarasan dan dapat mengelakkan masalah-masalah yang timbul berhubung dengan penubuhan dan pengendalian industri berasas kayu ini. Bagaimanapun, sebelum Badan Penyelaras ini dapat wujud pihak-pihak negeri boleh merujuk kepada pihak Kementerian Perdagangan dan Perindustrian iaitu Bahagian Industri dan juga Bahagian MIDA untuk mendapatkan nasihat dan tunjuk ajar dalam hal industri yang berasaskan kayu ini.

Tentang sejauh mana Akta ini dapat benar-benar memajukan industri ini pihak-pihak Kerajaan Negeri juga MIDA dan Kementerian Perdagangan dan Perindustrian haruslah melipat gandakan penerangan serta memberi kemudahan-kemudahan asas untuk keperluan industri ini. Sungguhpun pembalok meninggalkan kayu-kayu yang dianggap tidak berharga, tidak semestinya pembalok juga mesti menguruskan industri kayu. Pihak-pihak lain boleh mengambil peluang ini di mana kayu-kayu sisa atau tertinggal dipergunakan di dalam industri-industri berasas kayu yang bersesuaian. Tentang pengkajian mendalam yang juga dibawa oleh Wakil dari Kapit, pihak Kementerian memang ada mewujudkan sebuah badan yang bernama FRI (Forest Research Institute) di mana kajian-kajian mendalam tentang hal hutan dan kayu kayan adalah dijalankan setiap masa. Di samping itu Jabatan Hutan juga Kementerian Perusahaan Utama dari masa ke semasa mengadakan seminar yang dianggotai oleh pegawai-pegawai Kerajaan, pengusaha-pengusaha, orang ramai, juga pakar-pakar luar

negeri diadakan dari masa ke semasa untuk menentukan agar industri berasas kayu ini dapat benar-benar difahami dan diertikan oleh pihak-pihak yang berminat di dalam industri tersebut.

Yang Berhormat dari Bandau pula telah membangkitkan bahawa tidak sepatutnya industri-industri kayu ini ditempatkan mengikut keadaan sesebuah negeri itu, adakah sesebuah negeri itu kaya dengan kayu atau tidak. Kalau kita buat ukuran ini untuk didirikan industri-industri maka tidak berpeluanglah negeri-negeri yang tidak kaya dengan kayu untuk mewujudkan industri-industri kayu dan ini bermakna hanya negeri-negeri yang kaya dengan kayu sahaja yang berpeluang untuk mendapat industri-industri berasaskan kayu. Dan kalau ini diamalkan bermakna negeri yang kaya dengan kayu lebih kaya jadinya apabila industri kayu berasaskan kayu juga wujud dan negeri yang miskin dengan kayu akan ketinggalan pula dalam industri berasaskan kayu kerana apabila industri-industri diwujudkan di sesebuah negeri itu bukan sahaja pendapatan negeri itu bertambah tetapi juga pendapatan penduduk di kawasan itu juga bertambah dan ini bermakna pendapatan yang lebih keseluruhannya bagi kawasan itu.

Yang Berhormat dari Bandau juga memohon Kerajaan untuk mewujudkan satu pasaran yang baik bagi industri-industri ini dan perkara ini Kementerian dan pihak Kerajaan akan mengambil perhatian.

Yang Berhormat dari Menglembu juga telah membangkitkan tentang perabot pasang siap (knock-down furniture). Ingin saya menyebut di sini bahawa perabot pasang siap yang dihasilkan oleh pihak Malaysia boleh dianggap sudah maju kalau dibandingkan dengan negara-negara jiran kita. Kerana kalau kita lihat di

negara-negara di sebelah sini Malaysia sahaja yang telah berjaya mengekspot perabot pasang siap menggunakan kontena. Negara-negara jiran yang lain masih lagi tidak dapat menjalankan pengeksportan yang sedemikian. Ini menunjukkan bahawa penghasilan perabot pasang siap negara ini sudah mencapai satu kemajuan yang boleh setanding dengan Italy ataupun Sweden. Walau bagaimanapun, industri seperti ini haruslah dipertingkatkan. Saya tidak bercakap dari segi mutu tetapi dari segi cara pengeksportan menggunakan kontena, mutu lain pasal.

Yang Berhormat dari Tampin telah membangkitkan tentang kemajuan industri dapatkah terjamin. Kemajuan industri ini boleh terjamin jikalau pengusahanya benar-benar tahu dan faham tentang industri tersebut. Dengan sebab itu saya mengesyorkan supaya pengusaha-pengusaha dan juga pihak-pihak yang berminat dalam industri-industri berasaskan kayu ini rajin-rajinlah melawat ke luar negeri dengan mengikuti rombongan-rombongan yang dibuat oleh Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri, Menteri-menteri juga ada Timbalan Menteri yang keluar negeri yang bawa rombongan-rombongan. Dan dengan adanya rombongan ini kita akan terdedah dengan kemajuan industri berasaskan kayu di luar negeri, dan janganlah tunggu kita dijemput kerana tidak pernah rombongan-rombongan Perdana Menteri atau Timbalan Perdana Menteri atau Menteri-menteri menjemput tetapi kita jemput diri kita sendiri, bayar sendiri tetapi mendapat kemudahan-kemudahan melawat sepertimana tempat-tempat yang dilawati oleh ketua-ketua rombongan tersebut. Dengan cara ini dapat kita melihat mutu, kehendak pasaran dunia tentang penghasilan industri-industri yang berasaskan kayu ini dan dengan ini dapat kita memajukan lagi industri tersebut.

Tentang industri arang yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Tampin itu pihak Kementerian juga telah mengambil berat. Sebenarnya teknologi membuat arang seperti yang disebutkan oleh wakil Tampin itu diperolehi dari Kerajaan British. Teknik membuat arang cara *in-situ* ini dipanggil transportable charcoal kiln. Pembuatan arang cara ini hanya mengambil masa kira-kira 4 ke 6 hari sahaja berbanding dengan cara-cara tradisional yang memakan masa 10 ke 12 hari. Cara membuat arang dengan teknik ini telah disebar kepada orangramai oleh Institut Penyelidikan Perhutanan melalui kursus dan latihan praktikalnya sekali dan dihadiri oleh kira-kira 50 pengusaha arang.

Tentang apa yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Kapit tadi telah pun saya jawab sepertimana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Padang Rengas.

Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya berharap dengan wujudnya Akta ini iaitu Industri Berasaskan Kayu akan berkembang maju dengan kerjasama semua pihak termasuk pihak Kerajaan, pihak pengusaha dan pihak-pihak yang bersangkutan dengan industri tersebut. dan lagi sekali saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah pun mempunyai minat untuk memberikan pandangan serta teguran dan diharapkan dengan adanya sokongan yang kuat ini kemajuan industri berasas kayu akan dapat dimajukan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*).

*Fasal 1 hingga 5* diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

*Jadual* diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

### RANG UNDANG-UNDANG SARAAN HAKIM (PINDAAN)

**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

*6.30 ptg.*

**Menteri Kehakiman dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Dr James P. Ongkili):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang Saraan Hakim (Pindaan) 1984 dibaca bagi kali yang kedua.

Akta ibu iaitu Akta Saraan Hakim 1971 yang dicadangkan dipinda ialah Akta yang memperuntukkan faedah-faedah pesaraan pada Hakim-hakim dan tanggungan mereka.

Pengkanunan faedah-faedah pesaraan kepada Hakim di negara ini bermula pada tahun 1971 iaitu sebagaimana yang telah saya nyatakan tadi di bawah Akta Saraan Hakim 1971. Sebelum ini faedah-faedah

pesaraan untuk Hakim-hakim dikendalikan di bawah Ordinan Pencen 1951 dan dipakai kepada pegawai-pegawai dalam Perkhidmatan Awam. Hakim-hakim adalah dilantik oleh Yang Di-Pertuan Agong daripada kalangan pegawai-pegawai dari Perkhidmatan Perundangan dan dari kalangan Peguambela dan Peguamcara. Pegawai-pegawai dari Perkhidmatan Perundangan apabila dilantik sebagai Hakim walaupun tidak lagi menjadi pegawai Perkhidmatan Awam adalah terus layak untuk menerima faedah-faedah pesaraan bagi keseluruhan perkhidmatan dalam Kerajaan seperti yang diperuntukkan dalam Ordinan Pencen itu.

Seorang Peguambela dan Peguamcara yang dilantik sebagai Hakim juga tertakluk kepada Ordinan Pencen. Dalam keadaan tersebut prinsip-prinsip mengenai faedah pesaraan yang diperuntukkan di bawah Undang-undang Pencen yang dipakai kepada pegawai-pegawai Perkhidmatan Awam adalah juga turut dipakai kepada Hakim-hakim. Walau bagaimanapun kedudukan Hakim-hakim untuk sama-sama bernaung di bawah Ordinan Pencen 1951 yang mana pada hakikatnya adalah semata-mata dikhususkan kepada Perkhidmatan Awam adalah merupakan suatu kejanggalan. Penyamaan taraf di bawah Undang-undang itu, bukan sahaja melantik Hakim-hakim seolah-olah bersamaan dengan pegawai Perkhidmatan Awam, malahan juga langsung tidak mencerminkan perbezaan atau kekecualian cabang kehakiman daripada dua cabang lain yang mentadbirkan negara. Adalah menjadi prinsip utama dalam memberi keadilan bahawa seseorang Hakim mestilah bebas dan saksama dan oleh itu beliau adalah tidak perlu dikhuatiri oleh mana-mana pihak termasuk agensi-agens pentadbiran atau politik. Seajar dengan prinsip tersebut

tempoh seseorang boleh berkhidmat sebagai Hakim adalah terjamin dan terlindung di bawah Perlembagaan.

Mengikut Perlembagaan jawatan Hakim bukanlah dari Perkhidmatan Awam dan oleh itu seseorang Hakim yang dilantik dari Perkhidmatan Perundangan hendaklah terhenti dari menjadi pegawai Perkhidmatan Awam. Cabang kehakiman oleh itu perlu mempunyai Aktanya yang tersendiri yang membekalkan perihal mahupun berkenaan dengan faedah-faedah tamat perkhidmatan supaya perbezaan atau kekecualian tersebut dapat diketarakan. Hasil daripada kesedaran hakikat tadi, Akta Saraan Hakim 1971 telah diluluskan oleh Dewan yang mulia ini. Peruntukan-peruntukan yang dimuatkan ke dalamnya adalah termasuk peruntukan-peruntukan yang menemui keperluan khas kehendak-kehendak Skim Perkhidmatan Kehakiman dan dari segi prinsip-prinsip yang umum, peruntukan yang dimuatkan adalah sama dan setaraf dengan yang diluluskan dan terpakai ke atas pegawai di Perkhidmatan Awam yang kebetulan pada masa itu baru sahaja disusun semula oleh Kerajaan atas perakuan suruhanjaya di-Raja Suffian mengenai gaji serta terma dan syarat-syarat Perkhidmatan Suffian.

Dalam tahun 1977 skim-skim pencen sebagaimana yang disyorkan oleh Suruhanjaya Gaji di-Raja Suffian bagi Perkhidmatan Awam dan Suruhanjaya Gaji Di-Raja Harun bagi Badan-badan Berkanun dan kuasa-kuasa Tempatan telah diulangkaji oleh Jawatankuasa Kabinet mengenai gaji serta terma dan syarat-syarat perkhidmatan. Beberapa prinsip baru mengenai perkara pencen telah diperkenalkan dan beberapa prinsip yang lain diubahsuaikan. Prinsip-prinsip ini seterusnya telah

dikanunkan dan dikuatkuasakan mulai pada 1-1-1976 melalui Akta Pencen 1980 bagi Perkhidmatan Awam.

Selanjutnya atas Akta yang sama beberapa prinsip lain telah diluluskan pada tahun yang sama dan sedikit pindaan untuk memasukkan unsur-unsur yang baru telah dibuat.

Bagi Badan berkanun dan Kuasa Tempatan kesemuanya skim pencen yang sama diperuntukkan dalam Akta Pencen, Pihak-pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan 1980. Sementara itu dalam tahun 1980 juga Dewan yang mulia ini telah meluluskan Akta Penyelarasan Pencen, Akta No. 2/38. Pengkanunan Akta ini adalah juga hasil daripada syor yang dibuat oleh Jawatankuasa Kabinet mengenai gaji serta terma dan syarat-syarat perkhidmatan. Di bawah Akta ini faedah-faedah persaraan yang dibayar kepada pesara ataupun tanggungannya adalah diselaraskan apabila atau bilamana pekerja dalam Perkhidmatan Awam, Badan Berkanun dan Kuasa Tempatan yang sedang berkhidmat menerima faedah penyemakan gaji yang diluluskan oleh Kerajaan itu. Dengan adanya Akta tersebut, pencen yang dibayar adalah diulangkaji dari semasa ke semasa sejajar dengan perubahan gaji pekerja yang sedang dalam perkhidmatan. Dengan ini masalah amaun pencen yang jauh ketinggalan daripada kos hidup semasa dapat diatasi.

Tuan Yang di-Pertua, jika dibandingkan faedah-faedah persaraan yang diperuntukkan kepada Hakim-hakim berasaskan kepada Akta Saraan Hakim 1971 yang terpakai ke atas mereka pada masa ini dibandingkan dengan faedah-faedah persaraan yang diperuntukkan di bawah Akta Pencen 1980 dan Akta Penyelarasan Pencen 1980 yang dipakai ke atas pegawai-pegawai Perkhidmatan Awam, maka akan

terdapat beberapa kekurangan yang menonjol di antara kedua-duanya. Di antara perbezaan yang terdapat ialah:

- (a) Hakim yang telah bersara dan juga tanggungan yang menerima pencen terbitan atau dengan izin, derivative pension belum lagi dibayar pencen berdasarkan kepada skim gaji terbaru.
- (b) Bagi balu kepada hakim yang mati semasa dalam perkhidmatan atau selepas persaraan mereka masih cuma layak untuk menerima faedah pencen terbitan bagi tempoh 12½ tahun dari tarikh kematian Hakim tersebut dalam perkhidmatan atau bagi tempoh bakinya sahaja sekiranya kematian berlaku selepas persaraan berbanding dengan balu pegawai-pegawai dalam Perkhidmatan Awam, Badan-badan Berkanun dan Kuasa-kuasa Tempatan yang sekarang layak untuk menerima Pencen Terbitan atas kadar asal untuk tempoh 12½ tahun dan atas kadar 70% untuk seumur hidup.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan kepada Akta Saraan Hakim 1971 yang dicadangkan ini adalah memasukkan peruntukan-peruntukan baru melanjutkan faedah-faedah penyelarasan pencen berdasarkan gaji semasa, lanjutan tempoh pencen terbitan dan untuk meminda beberapa peruntukan yang ada supaya prinsip-prinsip dalam skim pencen bagi hakim-hakim adalah sama dan seragam dengan prinsip-prinsip dalam skim pencen bagi pekerja-pekerja dalam Perkhidmatan Awam, Badan-badan Berkanun dan Kuasa-kuasa Tempatan sebagaimana yang diperuntukan dalam Akta Pencen 1980, Akta Pencen Pihak-pihak

Berkuasa Berkanun dan Tempatan 1980 dan Akta Penyelarasan Pencen 1980.

Rang Undang-undang ini adalah untuk melaksanakan beberapa perubahan ke atas dasar mengenai skim pencen dan hendaklah dianggap berkuatkuasa mulai 1hb Julai, 1980. Tarikh tersebut dipilih berasaskan kepada tarikh berkuatkuasa Akta Penyelarasan Pencen supaya pelaksanaannya diseragamkan. Pencen bagi seseorang hakim yang bersara dan pencen terbitan kepada tanggungan bagi hakim yang meninggal dunia dalam perkhidmatan adalah dikira atas kadar 1/360 daripada gaji akhir yang diterima bagi tiap genap bulan perkhidmatan tertakluk kepada maksima sebanyak 1/2 daripada gaji yang akhir diterima. Kadar bayaran pencen yang berdasarkan kepada perkhidmatan sebenar tersebut tidaklah wajar dalam kes di mana seorang hakim bersara atas sebab kesihatan. Adalah dicadangkan supaya pencen minima sebanyak 1/5 daripada gaji akhir yang diterima diberikan kepada hakim yang bersara sebelum cukup tempoh. Ini bermakna seorang hakim yang terpaksa bersara atas sebab kesihatan atau terhenti menjadi hakim pada bila-bila masa kerana tidak berupaya untuk menjalankan tugas atas sebab kesihatan dan mempunyai tempoh perkhidmatan kurang daripada 6 tahun akan diberi pencen sebanyak 1/5 daripada gaji akhir. Pencen minima ini juga akan dipanjangkan kepada tanggungan bagi seseorang hakim yang meninggal dunia dalam perkhidmatan dengan perkhidmatan kurang daripada 6 tahun. Peruntukan bagi maksud ini adalah dikandungi dalam Fasal 8 dan 9. Bayaran pencen perkhidmatan dan pencen terbitan yang merupakan pencen yang terendah tidak kurang daripada 1/5 daripada gaji akhir telahpun diperuntukkan dalam undang-undang

pencen berkenaan bagi Perkhidmatan Awam dan Badan-badan Berkanun dan Kuasa-kuasa Tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan pencen terbitan, Fasal 9 bertujuan menggantikan seksyen 10 dan 11 dengan peruntukan baru. Dengan pindaan ini pencen terbitan yang dikurniakan kepada tanggungan bagi seseorang hakim yang meninggal dunia dalam perkhidmatan yang sekarang dijaminakan bagi tempoh selama 12½ tahun daripada tarikh hakim itu meninggal dunia boleh terus dibayar selepas tempoh tersebut dan atas kadar 70% daripada pencen penuh yang dikira berdasarkan kepada perkhidmatan sebenar dan gaji akhir diterima. Pencen terbitan yang dikurniakan kepada tanggungan bagi seseorang hakim yang meninggal dunia dalam tempoh 12½ tahun selepas persaraan juga boleh terus dibayar selepas tempoh 12½ tahun itu daripada tarikh hakim itu bersara atas kadar 70% daripada pencen penuh juga. Dalam hal kematian seseorang hakim selepas tempoh 12½ tahun daripada tarikh persaraannya, maka tanggungannya juga layak menerima pencen terbitan atas kadar juga 70% daripada pencen penuh.

Tuan Yang di-Pertua, satu perubahan dasar yang belum dilaksanakan ialah mengenai pencen terbitan kepada duda bagi seorang hakim wanita sebagaimana didapati dalam skim-skim pencen lain. Pencen terbitan adalah terbit daripada perkhidmatan pegawai yang mati yang melayakkan tanggungannya menerima pencen itu dan oleh itu tidak perlu wujud perbezaan antara balu dan duda dalam hal pencen terbitan. Bagi maksud ini, dalam perbekalan mengenai pencen terbitan, istilah 'suami-isteri' adalah digunakan. Dalam erti kata yang lain, melayakkan seorang duda juga mendapat pencen terbitan.

Berhubung dengan pembayaran pencen terbitan kepada anak-anak mengikut Akta Ibu sekarang, pencen terbitan akan terhenti apabila seseorang anak telah meningkat umur 18 tahun. Mengikut dasar yang dimuatkan dalam undang-undang pencen lain, pencen terbitan kepada seorang anak akan dibayar sehingga seseorang anak itu mencapai umur 21 tahun atau berkahwin, mengikut mana yang terdahulu. Walaupun seseorang anak melangkaui umur 21 tahun, pencen terbitan boleh terus dibayar dalam hal-hal yang berikut:

- (a) bagi anak yang cacat otak atau anggota dan tidak berupaya mencari nafkah sendiri, pencen terbitan akan dibayar seumur hidup; dan
- (b) bagi anak yang sedang mendapat didikan di institusi pelajaran tinggi, pencen terbitan akan dibayar sehingga ia menamatkan atau terhenti mendapat didikan tinggi tidak melampaui ijazah yang pertama.

Satu pindaan lagi menerusi Fasal 9 ialah untuk memperuntukkan faedah-faedah kecederaan dan kematian kepada hakim atau tanggungannya yang sekarang hanya layak untuk bayaran wang sekaligus dari menanggung bencana yang disebabkan oleh kemalangan dalam kapal terbang. Seksyen baru, seksyen 11 (b) ialah mengenai penganugerahan faedah-faedah persaraan bagi seorang hakim yang bersara sama ada:

- (a) mendapat kecederaan berbangkit daripada menjalankan tugas rasmi atau dalam perjalanan; atau
- (b) dihindangi penyakit yang ada hubungan dengan alam pekerjaannya.

Sekiranya berlaku salah satu daripada perkara ini, seseorang hakim itu akan

layak mendapat faedah kecederaan mengikut kadar yang ditetapkan. Kadar yang ditetapkan dan syarat-syarat pembayaran adalah sama dengan kadar yang ditetapkan dalam undang-undang pencen bagi Perkhidmatan Awam sekarang. Walau bagaimanapun, bagi hakim yang sedang berkhidmat yang diperuntukkan faedah kecederaan bagi kemalangan dalam kapal terbang, pemakaian peruntukan baru ini kepada hakim itu adalah atas pilihannya yang hendaklah dibuat dalam tempoh 6 bulan selepas undang-undang (pindaan) ini diwartakan.

Seksyen 11 (c) bagi hakim yang dilantik selepas peng wartaan undang-undang (pindaan) ini dan bagi hakim yang sedang berkhidmat yang telah membuat pilihan untuk tertakluk kepada peruntukan ini bertujuan memberi faedah kematian kepada tanggungannya. Sekiranya seseorang hakim itu meninggal dunia dalam tempoh 7 tahun daripada tarikh ia mendapat kecederaan di mana kematian itu adalah berpunca daripada penyakit atau kecederaan yang menimpa seseorang hakim itu, tanggungan-tanggungan kepada hakim adalah berkelayakan mendapat pencen tanggungan sebagai tambahan kepada pencen terbitan yang diterimanya. Ini dibuat bergantung kepada balu tidak berkahwin semula dan tanggungan-tanggungan yang dikurniakan pencen tanggungan tertakluk kepada maksima 6 orang sahaja.

Peruntukan baru seksyen 11 (d) adalah membolehkan pencen dibayar secara sementara bagi menunggu maklumat-maklumat lengkap untuk pembayaran pencen penuh dibuat. Peruntukan serupa ini telah sedia ada dalam peruntukan undang-undang pencen bagi Pegawai Perkhidmatan Awam. Begitu juga peruntukan baru seksyen 11 (e) diwujudkan bagi membolehkan bayaran pencen atau

faedah-faedah lain dibuat kepada tanggungan bagi hakim yang mati sebelum pembayaran dilakukan tanpa menggunakan surat tadbir atau probet, dengan demikian pembayaran dapat dipercepatkan.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang saya telah nyatakan lebih awal, seseorang hakim boleh dilantik dari Perkhidmatan Awam dan dalam hal itu pegawai tersebut adalah dibersarakan dari Perkhidmatan Awam dan faedah persaraannya adalah dibekukan sehingga beliau mencapai umur 50 tahun.

Kedudukan Hakim itu dari Perkhidmatan Awam untuk menerima faedah persaraannya sekiranya beliau meletak jawatan sebelum mencapai umur 50 tahun perlu dijelaskan dan bagi maksud ini Seksyen 12 dalam Akta Ibu akan dipinda sebagaimana diperuntukkan dalam Fasal 10 pindaan ini.

Seorang Hakim yang dilantik dari Perkhidmatan Awam itu apabila meningkat umur 50 tahun boleh diberi pencen dan ganjaran bagi Perkhidmatan Awam dalam keadaan di mana seorang Hakim itu memegang jawatannya atau memegang jawatan lain di atas persetujuan Kerajaan atas dasar beliau masih berkhidmat sehingga mencapai umur tersebut iaitu umur untuk bersara secara pilihan sendiri bagi Perkhidmatan Awam. Namun begitu seorang Hakim walaupun belum meningkat umur 50 tahun boleh diberikan pencen dan ganjaran sekiranya beliau dibersarakan kerana tidak berkeupayaan menjalankan tugasnya atas sebab-sebab kesihatan.

Dalam hal kematian dalam perkhidmatan selepas persaraan atas sebab-sebab kesihatan sebelum meningkat umur 50 tahun, Pencen Terbitan dan Ganjaran Terbitan akan dibayar kepada tanggungannya.

Tuan Yang di-Pertua, antara perubahan ke atas Skim Pencen bagi Hakim yang telah dinyatakan iaitu supaya pencen dan faedah-faedah lain untuk Hakim yang telah bersara dan tanggungan mereka diselaraskan peruntukan yang dicadangkan adalah dalam Bahagian IIIA menerusi Fasal 12. Dengan adanya peruntukan ini semua Hakim yang telah bersara dan juga tanggungan mereka adalah layak untuk menerima faedah penyalaraan pencen apabila terdapat sebarang penyemakan gaji yang dibuat kepada Hakim-hakim.

Penyelarasan pencen dan faedah lain-lain dibuat melalui perkiraan semula pencen dan faedah-faedah lain berdasarkan tanggagaji semasa yang sepatutnya diterima oleh seseorang Hakim seolah-olah beliau telah bersara atau meninggal dunia dalam perkhidmatan selepas tanggagaji selepas dilaksanakan. Walau bagaimanapun faedah penyalaraan ini akan dibayar kepada Hakim yang telah bersara atau tanggungan kepada mereka yang telah meninggal dunia berkuatkuasa mulai pada 1hb Julai 1980 di mana tarikh ini adalah sama dengan tarikh kuatkuasa Undang-undang Pencen yang berkenaan bagi Perkhidmatan Awam, Badan Berkanun, Kuasa Tempatan, Angkatan Tentera dan juga Anggota Pentadbir dan Ahli-ahli Parlimen.

Bagi maksud menyelaraskan pencen dan faedah-faedah lain gaji bersamaan yang akhir diterima di bawah tanggagaji semasa adalah ditafsirkan dalam Fasal 3. Tafsiran ini adalah sama dengan yang diberikan tafsiran mengenainya diperuntukkan di bawah Akta Penyelarasan Pencen (Pindaan) 1983 dengan diubahsuai agar bertepatan dengan keperluan Hakim-hakim yang bagi mereka tanggagaji telah diperuntukkan di bawah Jadual Pertama kepada Akta Ibu melalui pindaan dari semasa ke semasa.

Perbekalan baru dalam Bahagian IIIA mengenai penyelarasan pencen akan dipakai setiap kali diadakan penyemakan gaji kepada Hakim dan dalam melaksanakan penyelarasan faedah persaraan kepada mereka yang telah bersara atau tanggungan mereka jika terdapat sebarang keraguan mengenai gaji bersamaan yang akan diterima maka perlulah dijelaskan oleh pihak tertentu yang boleh memutuskan gaji persamaan tersebut.

Dalam kes pesara Perkhidmatan Awam untuk menentukan gaji bersamaan yang akhir diterima, kuasa penentuan adalah terletak di bawah Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam. Walau bagaimanapun bagi seorang Hakim Mahkamah tinggi kuasa ini adalah dicadangkan terletak kepada Hakim Besar Mahkamah tinggi yang berkenaan. Bagi Hakim Mahkamah Persekutuan dan Hakim Besar, kuasa penentuan terletak kepada Ketua Hakim Negara. Bagi Hakim Negara pula, kuasa penentuan terletak kepada Yang di-Pertuan Agong.

Peruntukan baru bagi maksud ini terdapat dalam Seksyen 15B (5) menerusi fasal 12 dalam Rang Undang-undang Pindaan ini. Ini sekali lagi menggambarkan kebebasan dan keasingan Perkhidmatan Hakim daripada cabang Eksekutif dalam Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, penerangan mengenai peneen dan faedah-faedah lain serta pembayaran Pencen Terbitan selepas tempoh 12½ tahun daripada tarikh persaraan atau daripada tarikh kematian, sekiranya seseorang Hakim mati dalam perkhidmatan adalah atas syarat bahawa seorang penerima pencen atau faedah lain hendaklah bermastautin di Malaysia. Pemastautin telah diberi tafsiran yang sama seperti dalam Akta Penyelarasan Pencen (Pindaan) 1983 bagi

Perkhidmatan Awam, Badan Berkanun dan Kuasa Tempatan dan tafsiran ini seperti terdapat dalam Fasal 3 akan berkuatkuasa pada tarikh berikutan dengan tarikh pengwartaan pindaan kepada Akta Ibu. Mengikut prinsip ini seorang Hakim atau tanggungannya adalah bermastautin di Malaysia jika ia memenuhi 3 unsur iaitu:

- (a) Mempunyai tempat tinggal yang utama di Malaysia.
- (b) Bermastautin di dalamnya satu tempoh yang tidak berlawanan dengan berterusan kemastautinannya di Malaysia.
- (c) Menunjukkan hubungan yang erat dengan negara ini.

Jadi seorang yang telah diberi faedah penyelarasan pencen hilang kelayakannya untuk menerima faedah penyelarasan pencen tersebut maka beliau akan hanya diberi pencen sebagaimana yang diperuntukkan dalam Akta Ibu sebelum pindaan ini diluluskan.

Sekiranya seorang tanggungan yang telah diluluskan Pencen Terbitan selepas tempoh 12½ tahun daripada tarikh persaraan atau daripada tarikh kematian Hakim dalam perkhidmatan terhenti menjadi pemastautin maka ia akan hilang kelayakan untuk menerima Pencen Terbitan.

Seorang Hakim atau tanggungannya yang hilang kelayakannya apabila menetap semula di Malaysia juga tidak akan layak menerima faedah penyelarasan pencen dan Pencen Terbitan seumur hidup dan perkara ini adalah diterangkan dalam Seksyen 15 (2) baru di bawah Fasal 12. Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak mencadangkan bahawa peruntukan dalam pindaan-pindaan ini yang memastikan seseorang penerima bermastautin di Malaysia dipakai secara mutlak

kepada semua pesara dan tanggungan mereka tanpa kelonggaran. Oleh itu peruntukan adalah dimasukkan supaya pengecualian seorang penerima pencen atau kategori-kategori penerima daripada syarat pemastautin untuk seorang itu menerima faedah penyelarasan pencen serta faedah-faedah lain jika ia berada di luar negeri. Tujuan ini adalah sama juga dengan apa yang terdapat dalam Akta Penyelarasan Pencen (Pindaan) 1983 yang membolehkan seseorang yang berada di luar negeri atas sebab-sebab yang diluluskan oleh Kerajaan layak mengekalkan taraf pemastautinannya.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada syarat pemastautin, pembayaran Pencen Terbitan selepas tempoh 12½ tahun juga akan dikenakan syarat-syarat yang berikut:

- (a) Seseorang balu atau duda hanya layak menerima Pencen Terbitan sekiranya perkahwinan dengan Hakim yang mati berlaku sebelum Hakim itu bersara dari perkhidmatannya. Jika perkahwinan berlaku selepas persaraan maka balu atau duda hanya layak untuk menerima Pencen Terbitan bagi tempoh sehingga genap tempoh 12½ tahun daripada tarikh persaraan sekiranya Hakim itu mati dalam tempoh tersebut.
- (b) Anak-anak daripada perkahwinan selepas persaraan juga tidak layak untuk menerima Pencen Terbitan selepas tempoh 12½ tahun daripada tarikh persaraan walaupun belum meningkat 21 tahun umur atau masih menerima didikan di institusi pelajaran tinggi.

Satu pindaan lagi yang dicadangkan ialah untuk meminda tarikh penguatkuasaan pemberian award sebagai ganti cuti rehat yang

diperuntukkan dalam perenggan 12A dalam Jadual Kedua dari 1hb Julai 1980 kepada 1hb Januari 1974 supaya disamakan dengan tarikh pemberian award yang serupa kepada pegawai-pegawai dalam perkhidmatan awam.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengulangi bahawa segala pindaan yang dicadangkan pada Akta Saraan Hakim 1971 adalah bertujuan membuat penyeragaman kepada pembayaran pencen dan faedah-faedah lain bagi hakim-hakim sepertimana yang terdapat bagi kakitangan dalam sektor awam.

Tuan Yang di-Pertua, dengan itu saya mohon mencadangkan.

**Menteri Kebajikan Masyarakat (Dato' Abu Hassan bin Haji Omar):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Saraan Hakim, 1971 dibaca kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat dari Jelutong.

*7.03 mlm.*

**Tuan Karpai Singh (Jelutong):** Tuan Speaker, Rang Undang-undang Akta Saraan Hakim (Pindaan) 1971 adalah lebih kurang menentukan keadilan bagi hakim-hakim kita. Hakim-hakim dalam negara ini telah membuat pengorbanan besar untuk berkhidmat bagi negara. Peguam-peguam dalam bidang swasta mendapat pendapatan besar daripada apa yang didapati oleh hakim-hakim. Selagi seorang hakim hendak menjauhkan diri dari orang-orang awam, kedudukan beliau melarang beliau dari bercampur gaul dengan orang ramai mengikut kehendak hati beliau. Ini ialah

sekatan-sekatan yang mana tiada diketahui atau dinilai oleh orang ramai.

Tuan Speaker, seorang hakim itu hendak hidup berkecuali dari orang ramai bersama dengan mempunyai tanggungjawab berat dan kadangkala beliau dikehendaki menentukan nyawa seorang itu boleh disambungkan atau tiada. Akta ini bukan sahaja dimaksudkan memberi peruntukan bagi hakim-hakim tetapi juga menentukan pencek dan lain-lain faedah bagi tanggungan-tanggungan hakim-hakim.

Tuan Speaker, jika dibandingkan hakim-hakim Singapura, hakim-hakim kita dapat gaji rendah. Dengan izin, "Judges Remuneration Act (Amended Act) (Amendment) 1981, No. 1 of 1981 di Singapura, Tuan Speaker, semak semula skim gaji hakim-hakim di Singapura. Akta pindaan itu dikuatkuasakan pada 1hb April 1981.

Mengikut kajian semula gaji itu Ketua Hakim Singapura dibayar gaji yang disatukan sebanyak \$13,000 sebulan dari disatukan National Wages Council 1978—1980 kenaikan gaji sampai jumlah gaji \$16,900 sebulan. Lain-lain hakim menerima gaji disatukan sebanyak \$9,370 dan bersama dengan kenaikan National Wages Council menjadi jumlah gaji \$12,180 sebulan. Undang-undang ini ialah salah satu daripada langkah-langkah diambil oleh Perdana Menteri Singapura Encik Lee Kuan Yew untuk hentakan dengan izin, "brain-drain" ke sektor swasta. Beliau telah menyatakan dalam Parlimen Singapura, dengan izin,

"The public sector used to be the largest employer of graduates and therefore set the norms or standards of pay and remuneration. This is no longer so. It is now the private sector especially foreign banks and multinationals, who set the pace. If

the Government does not respond sensitively and speedily, the public sector will be stripped of talent."

Tuan Speaker, Kerajaan kita mesti dengan serius menimbang kata-kata Encik Lee Kuan Yew dan mengambil langkah-langkah perlu untuk menahan pelarian orang-orang bijak dari Jabatan Kehakiman. Ramai majistret-majistret telah masuk sektor swasta baru-baru ini. Pada masa sekarang bilangan majistret-majistret di mahkamah-mahkamah rendah itu terlalu kurang. Jika langkah-langkah tidak diambil untuk menyelesaikan masalah ini, dengan gaji Ahli-ahli Perkhidmatan Kehakiman dan Undang-undang diselaraskan dengan gaji dalam sektor swasta, keadaan ini akan berlangsung lagi.

Tuan speaker, gaji hakim-hakim kami adalah seperti berikut, dengan izin:

1. Lord Presidet—\$6,860 sebulan.
2. Chief Justice, Malaya—\$6,310 sebulan.
3. Chief Justice, Borneo—\$6,160 sebulan.
4. Federal Judges—\$5,910 sebulan.
5. Other Judges of the High Courts in Malaya and Borneo—\$5,460 sebulan.

Tuan Speaker, ini tiada menasabah. Kita mesti adil dalam hal gaji hakim-hakim kita dan saya harap Perdana Menteri kita menyusun hal ini dengan sendiri.

Pindaan yang dicadang cuba membuat definisi bagi perkataan, dengan izin, "child" sebagai anak kepada hakim mendiang:

"(a) iaitu seorang anak yang di bawah umur dua puluh satu tahun dan termasuk—

- (i) anak yang lahir selepas kematian hakim, anak

tiri tanggungan dan anak tak sah—taraf hakim itu; dan

- (ii) anak yang diangkat oleh hakim di bawah mana-mana undang-undang bertulis berhubung dengan pengangkatan atau di bawah mana-mana adat atau kelaziman, dengan bukti yang memuaskan mengenai pengangkatan itu, dan

- (b) iaitu seorang anak tidak kira apajua umurnya dan terencat otak atau hilang upaya dari segi jasmani dan secara kekal dan tak berdaya untuk menanggung dirinya sendiri,”

Tuan speaker, anak tak sahtaraf seorang hakim mendiang juga masuk dalam definisi itu. Walaupun anak tak sahtaraf seorang hakim mendiang harus layak mendapat harta pesaka bersama-sama dengan anak betul, saya harap ini tiada akan menggalakkan hakim-hakim itu mengadakan anak-anak tidak sahtaraf. Apa yang haram mesti haram bagi hakim-hakim pun.

Hakim-hakim kita bersara apabila mereka meningkat umur 65 tahun. Memandang kepada penghapusan semua rayuan kepada Majlis Privy mulai dari 1hb Januari 1985, hakim-hakim yang sihat lagi dari fizikal dan mental boleh digajikan semula. Perkara 125 (1) Perlembagaan Persekutuan hendak dipinda supaya hakim-hakim boleh berkhidmat hingga mereka sampai umur 75 tahun.

Tuan Speaker, di Britain umur persaraan bagi Hakim Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Rayuan ialah 75 tahun. Hakim-hakim House of Lords boleh berkhidmat selama mereka berkelakuan baik, tetapi

dengan syarat mereka yang dilantik selepas 1959 dipaksa bersara apabila meningkat umur 75 tahun.

Tuan Speaker, supaya menjamin hakim-hakim bertindak dengan tidak berat sebelah bagi sesiapa pun dalam kes-kes terlibat Kerajaan, hakim-hakim pesara jangan dilantik sebagai Pesuruhjaya-pesuruhjaya ataupun Duta-duta.

Pada masa sekarang seorang hakim diberhentikan dari jawatan sebagai Hakim Persekutuan dengan persetujuan Perdana Menteri selepas merayu kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan sebab berkelakuan hakim itu tidak baik ataupun kurang sihat dari segi fizikal dan mental ataupun dengan sebab-sebab lain tidak menjalankan tugas-tugas beliau dengan baik. Tuan Speaker, untuk menjamin kebebasan kehakiman, Perlembagaan kita mesti dipindahkan untuk memberi peruntukan bagi memberhentikan hakim-hakim dengan persetujuan kedua-dua Dewan Parlimen seperti contohnya di Britain.

Tuan Speaker, seksyen 11A dicadangkan cuba melarang pencen bagi hakim-hakim tidak mendiami di Malaysia. Ini juga dikenakan kepada mereka yang bertanggungjawab kepada hakim-hakim. Pencen itu ialah satu penghormatan bagi mereka yang berkhidmat bagi negara. Di mana orang itu mendiami bukanlah asas menentukan kelayakan pencen. Nasib-baik, seksyen kecil (3) seksyen 11A memberi kuasa kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong untuk mengecualikan mereka yang tinggal di mana-mana sahaja dari dikenakan syarat-syarat itu yang terpaksa orang-orang itu mendiami negeri ini. Saya harap Kerajaan akan memandang perkara ini dari sudut liberal.

**Tuan Yang di-Pertua:** Minta jangan panjang sangat.

*7.10 mlm.*

**Tuan Ahmed Hambal bin Yeop Majlis (Parit):** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat Menteri kerana telah membawakan Rang Undang-undang ini dalam Parlimen sebentar tadi.

Saya akan bercakap ringkas semata-mata bertujuan untuk menyokong Rang Undang-undang yang telah dibentangkan. Kita nampak jelas dengan pembentangan Rang Undang-undang ini betapa bersungguh-sungguhnya Kerajaan mengambil tahu dan menunjukkan pembelaannya terhadap rakyat negara ini tidak kira daripada peringkat mana, peringkat yang paling rendah dan juga ke peringkat yang paling tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, tindakan ini rasa saya patutlah disanjung tinggi dan seharusnya mendapat sambutan dan sokongan daripada setiap peringkat rakyat dalam negara ini termasuklah parti Pembangkang walaupun mereka sentiasa mencari-cari dan mengadakan perkara yang tak baik dari semua cadangan-cadangan Kerajaan. Dan saya percaya pihak-pihak yang terlibat iaitu para Hakim termasuk yang sudah bersara dan tanggungan-tanggungannya sudah tentulah begitu gembira dengan berita baik daripada pembentangan Rang Undang-undang ini.

Kita semua sememangnya menyanjung tinggi akan sumbangan dan perkhidmatan para Hakim di negara ini iaitu bagi menjamin keadilan dalam negara kita sentiasa terpelihara. Tugas mereka yang sungguh berat, kadang-kadang terpaksa mengorbankan kepentingan diri dan kadang-kadang menghadapi bahaya, maka dari sumbangan-sumbangan mereka itu sudah

seharusnyalah kita memberikan penghargaan dan sanjungan terhadap perkhidmatan mereka tersebut.

Di sini kita telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri tentang penyelarasan pencen kepada Hakim-hakim yang telah bersara pada 1hb Januari, 1979 iaitu yang telah berkhidmat selama 15 tahun yang menerima pencen sebanyak \$2,625 iaitu separuh daripada gaji akhir yang mereka terima iaitu \$5,250. Ini diselaraskan ataupun dinaikkan pencen tersebut kepada \$2,955 iaitu separuh daripada gaji yang diterima oleh hakim-hakim pada hari ini sebanyak \$5,910. Penyelarasan pencen seperti ini amatlah wajar iaitu bersesuaian dengan taraf hidup dalam negara kita yang semakin hari semakin meningkat.

Saya amat tertarik hati, Tuan Yang di-Pertua, dan menyokong hasrat Kerajaan untuk menyelaraskan skim gaji dan pencen Hakim-hakim dengan pegawai-pegawai perkhidmatan lain kerana amatlah janggal sekali amalan yang membezakan layanan yang diberikan kepada Hakim-hakim dengan pegawai-pegawai perkhidmatan awam di dalam perkara iaitu melanjutkan tempoh 12½ tahun pencen yang diterima oleh balu dan anak-anak yang berkelayakan dilanjutkan kepada tempoh seumur hidup iaitu seperti yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi 70% daripada amaun pencen yang dibayar sebelum tempoh 12½ tahun daripada tarikh persaraan atau tarikh kematian sekiranya meninggal dunia semasa dalam perkhidmatannya.

Tuan Yang di-Pertua, ini sudah tentulah menjamin hidup masa depan anak-anak dan juga isteri/balu kepada Hakim-hakim tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya hanya ingin menarik perhatian terhadap satu masalah iaitu mengenai masalah pencen terbitan. Apa yang saya ingin

timbulkan ialah mengenai anak-anak yang dilahirkan hasil perkahwinan selepas persaraan Hakim tersebut. Anak-anak tersebut tidak layak diberi ataupun menerima pencen terbitan selepas tempoh 12½ tahun walaupun anak tersebut masih memerlukan pembelaan, di bawah umur ataupun masih bersekolah. Saya rasa perkara ini perlu ditimbangan semula. Mungkin pertimbangan kita berikan dari segi kemanusiaan ataupun kita boleh adakan peruntukan dalam penyelarasan pencen terbitan ini kerana mungkin Hakim yang terlibat ketika bersara beliau masih lagi sihat, tiba-tiba isterinya meninggal, maka beliau terpaksa berkahwin lain untuk membela ataupun membantu hidupnya yang semakin tua. Dalam keadaan demikian tiba-tiba dapat anak, masih boleh mengeluarkan zuriat. Jadi betapa nasib anak-anak yang seperti itu, siapa yang hendak menjaga ataupun memberi, menyara kehidupannya apabila hakim ataupun pesara yang tersebut meninggal? Maka ini perlulah kita berikan pertimbangan untuk meletakkan anak yang dalam keadaan demikian ke taraf ataupun disamakan dengan anak-anak yang layak menerima pencen ataupun saraan pencen terbitan itu.

Tuan Yang di-Pertua, sekianlah sahaja dan saya lagi sekali menyokong Rang Undang-undang ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya minta Yang Berhormat Menteri menjawab.

**Datuk Dr James Ongkili:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada kedua-dua Ahli Yang Berhormat yang telah memberikan pendapat-pendapat mereka kepada Rang Undang-undang yang dibentangkan ini.

Ahli Yang Berhormat dari Jelutong telah membawa beberapa perkara khususnya mengenai dengan gaji-gaji hakim di Malaysia dan di Singapura.

Saya rasa apa yang dibuat oleh negara-negara jiran kita tidaklah wajar dibawa ke dalam perbincangan mengenai dengan hakim-hakim kita di Malaysia, kerana sebab-sebab kita memberi gaji sekian banyak kepada Hakim-hakim kita adalah berdasarkan kepada kedudukan pentadbiran dan juga keupayaan kewangan di negara kita ini dalam usaha kita membangunkan rakyat dan negara dan perkara itu memang berlainan di sini dan di mana-mana sahaja jiran kita, misalnya, di ASEAN. Jadi saya rasa itu tidak wajar.

Saya juga ingin mengucapkan terima kasih pada Ahli Yang Berhormat dari Parit yang mana telah menyahut seruan saya mengenai dengan peranan Hakim-hakim kita di negara ini dalam menjalankan tugas-tugas mereka yang banyak dan tanggungjawab-tanggungjawab mereka yang berat dalam menjaga keadilan dan perundangan di dalam negara kita ini. Oleh sebab tugas-tugas mereka itulah dan tanggungjawab-tanggungjawab mereka yang berat itulah, dan kedua kerana tanggagaji mereka pada ketika ini dalam Rang Undang-undang ini kadar persaraan mereka begitu agak ketinggalan zaman kalau dibandingkan dengan laporan Suffian/Harun dan laporan-laporan yang lain terutama sekali Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengenai Gaji, maka kita telah memutuskan supaya kedudukan Hakim-hakim di negara ini dari segi pencen dan kelayakan-kelayakan tanggungan-tanggungan mereka itu diperbaiki dan diselaraskan, dipertingkatkan ke taraf yang sama dengan kemudahan-kemudahan persaraan yang didapati oleh sektor awam seluruhnya di negara kita.

Mengenai dengan nasib yang tidak begitu baik bagi tanggungan seorang Hakim yang telah bersara dan meninggal dunia pula dan tanggungan beliau itu hanya layak menerima pencen terbitan sehingga dua belas setengah tahun itu iaitu genap, ini memanglah diambil perhatian dan telahpun dibincangkan oleh Kabinet—Jemaah Menteri—semasa membincangkan Rang Undang-undang ini. Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang ini adalah berasaskan kepada kemudahan-kemudahan khususnya pencen dan lain-lain kelayakan yang boleh didapati oleh seseorang Hakim semasa dia bekerja, semasa dia di dalam perkhidmatan. Jadi, kalau dia sudah bersara itu ertinya pertimbangan asas di dalam Rang Undang-undang ini tidak terpakai lagi kerana dia bukan dalam perkhidmatan lagi. Walau bagaimanapun, dalam negara kita ini kita mempunyai agensi-agensi yang lain misalnya dari Kementerian Kebajikan Masyarakat yang boleh serba sedikit seberapa bolehnya memberi bantuan, ataupun dari segi Jabatan, Kementerian Pelajaran dalam memberi biasiswa dan sebagainya kepada anak-anak yang berada di dalam kedudukan yang kata Ahli Yang Berhormat dari Parit itu tidak setaraf dengan yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa sudah cukup panjang ucapan saya, tadi pun agak panjang, saya rasa dengan itu sekali lagi saya mohon mencadangkan Rang Undang-undang ini diluluskan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*).

*Fasal 1 hingga 18* diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

### RANG UNDANG-UNDANG MAHKAMAH KEHAKIMAN (PINDAAN)

**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

*7.25 mlm.*

**Datuk Dr James P. Ongkili:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa suatu Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Mahkamah Kehakiman 1964 dibaca bagi kali yang kedua.

Tuan Yang di-Pertua, satu masalah yang telah berbangkit dalam kes-kes tuntutan pampasan hutang atau wang pada beberapa tahun yang lalu ialah kelewatan kes-kes tersebut didengar oleh Mahkamah. Kelewatan tersebut telah mengakibatkan kesusahan kepada pihak yang menuntut terutama dalam kes-kes kemalangan. Satu lagi perkara yang telah menimbulkan kesulitan ialah pada masa sekarang kedua-dua pihak dalam suatu kes jenayah boleh merayu terhadap keputusan Mahkamah tinggi dalam pelaksanaan bidangkuasa asalnya kepada Mahkamah Persekutuan orang yang disabitkan

atau yang telah didapati salah hanya boleh merayu mengenai sabitan atau pendapatan salah tersebut atau hukuman atau kedua-duanya sekali dan pihak Pendakwa Raya boleh merayu mengenai pembebasan dan hukuman sahaja. Keputusan ditakrifkan sebagai keputusan terakhir Mahkamah sahaja dan oleh itu apa-apa keputusan lain yang dibuat oleh Mahkamah sebelum keputusan terakhir tidak boleh dirayu oleh sesiapa.

Mengenai kelewatan penyelesaian kes-kes pindaan dicadangkan melalui kemasukan seksyen baharu 25A Fasal 6 ialah untuk mengurangkan kesusahan kewangan dalam tempoh dari ketika kejadian yang membawa tindakan itu berlaku hinggalah penyelesaian kes tersebut. Cadangan pindaan ini akan membolehkan Mahkamah Tinggi dalam mana-mana kes membuat satu perintah interim bagi memberi kepada pihak yang menuntut pada masa yang awal apa yang beliau berhak menerima di masa kemudian. Langkah ini akan meringankan bebanan kewangan yang dihadapi oleh beliau semasa menanti penyelesaian tuntutan tersebut dengan syarat beliau pada pendapat Mahkamah Besar kemungkinan adalah berhak menerima wang tersebut jika kes itu dijalankan. Adalah diharapkan juga dengan adanya suatu perintah begini kedua-dua pihak mungkin dapat menyelesaikan perkara tersebut di luar Mahkamah atau sekurang-kurangnya dapat mempercepatkan perjuangan kes tersebut. Pendek kata pindaan ini akan membolehkan pihak yang menuntut iaitu mangsa kemalangan yang tidak bersalah dan yang berhak menerima pampasan di akhir penyelesaian kes tersebut mendapat award sementara dan juga bagi menggalakkan kedua-dua pihak mencapai penyelesaian di luar Mahkamah. Oleh kerana pihak yang

kena tuntutan telah dikehendaki membayar wang tersebut sebelum kes tersebut berakhir.

Berkenaan dengan rayuan adalah dimaklumkan iaitu dalam dua kes yang berasingan Mahkamah Persekutuan telah memberi keputusan yang bercanggah terhadap kuasa merayu yang diberi kepada pihak Pendakwa Raya oleh Seksyen 50 Akta Mahkamah Kehakiman 1964.

Ini telah menimbulkan keraguan yang mana difikirkan amat penting diatasi demi memastikan bahawa keadilan akan terjamin. Keraguan-keraguan itu akan dapat diatasi dengan dibuat pindaan kepada seksyen kecil (1) Seksyen 50, Fasal 7.

Dengan pindaan-pindaan ini, kedua-dua pihak orang yang disabitkan atau didapati salah dan pihak Pendakwa Raya, boleh merayu terhadap keputusan Mahkamah Tinggi dalam pelaksanaan bidang kuasa asalnya yang termasuk penghakiman hukuman atau perintah, melalui pindaan kepada Seksyen 3 Fasal 2, di Mahkamah Persekutuan tanpa apa-apa had. Ini akan juga mengurangkan kemungkinan salah laksana keadilan di masa akan datang.

Selain dari pindaan-pindaan tersebut, kesempatan juga diambil bagi membuat beberapa pindaan berbangkit yang lain. Dengan pemansuhan Bahagian IV Akta tersebut yang mengandungi peruntukan tentang rayuan ke Majlis Privy mulai dari 1hb Januari, 1985 melalui Akta A 600, takrif Judicial Committee dalam Seksyen 3 Fasal 2 dan perenggan (c) Seksyen 16 Fasal 4 mengenai kaedah bagi rayuan tersebut perlu dipotong. Juga oleh kerana ini dan juga oleh sebab inflasi, had rayuan dalam Seksyen 68 perlu dinaikkan dari \$10,000 kepada \$100,000—Fasal 8.

Mengenai pertukaran nama dari Mahkamah Persekutuan, ini agak penting diketahui oleh rakyat di negara ini, Tuan Yang di-Pertua, mengenai perkara nama dari nama Mahkamah Persekutuan kepada Mahkamah Agung mulai 1hb Januari, 1985. Seksyen 5 hendaklah dipotong iaitu Fasal 3 dan semua rujukan mengenainya dalam Akta ini dan semua undang-undang bertulis yang lain hendaklah dipinda iaitu Fasal 9.

Pindaan kepada Seksyen 24 Fasal 5 ialah bertujuan mengemaskinikan keadaan mengenai rujukan kepada undang-undang British.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu Akta untuk meminda Akta Mahkamah Kehakiman, 1964, dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

*7.32 mlm.*

**Tuan Gooi Hock Seng (Bukit Bendera):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk membahaskan suatu Akta untuk meminda Akta Mahkamah Kehakiman, 1964.

Pindaan-pindaan ini meluaskan skop timbalan Pendakwa Raya membuat rayuan terhadap mana-mana keputusan Mahkamah tinggi. Sebelum ini Timbalan Pendakwa Raya hanya boleh merayu terhadap pembebasan atau hukuman, tetapi pindaan ini meluaskan hak untuk membuat rayuan. Akan tetapi adalah diharapkan bahawa hak ini tidak akan disalahgunakan oleh Pejabat DPP.

Seperti difahamkan buat masa ini terdapat arahan daripada Pejabat DPP yang menghendaki semua Pegawai Pendakwa mengemukakan notis rayuan secara automatik dalam semua kes di mana berlaku pembebasan (acquittal), tanpa mengira sama ada terdapat apa-apa merit atau tidak. Ini merupakan satu penyalahgunaan kuasa yang dilakukan oleh Pejabat Timbalan Pendakwa Raya. Tindakan ini oleh Pejabat Timbalan Pendakwa Raya telah mengenakan tekanan ke atas Majistret-majistret dan Presiden-presiden, malah ia boleh dianggap sebagai satu jenis keganguan (psychological harassment) ke atas Pegawai-pegawai Kehakiman di peringkat Mahkamah Rendah. Dengan mengenakan tekanan yang tidak adil ini, ia seolah-olah merupakan campurtangan dalam impartiality Mahkamah kita.

Arahan tersebut adalah semata-mata satu amaran kepada majistret-majistret dan Presiden-presiden bahawa mereka patuh keputusan yang menyebelahi pihak Pendakwa, kalau tidak mereka hendaklah sedia memberi alasan-alasan mengenai keputusan mereka. Ini adalah pendakwaan tidak jujur yang dilakukan oleh Timbalan Pendakwa Raya. Timbalan Pendakwa Raya adalah dijangka menjalankan tugasnya dengan jujur dan ikhlas dan beliau tidaklah sepatutnya bersifat, dengan izin, 'prosecution man'.

Oleh yang demikian sekiranya tidak ada bukti yang cukup untuk mensabitkan seseorang dan sekiranya Mahkamah telah membebaskannya, Timbalan Pendakwa Raya hendaklah menghormati keputusan tersebut dan bukan mengeluarkan arahan menyeluruh (blanket instruction) kepada semua Pegawai Pendakwa supaya membuat rayuan terhadap mana-mana pembebasan sebelum kes tersebut didengar.

Selain daripada menjadi satu keangguhan dan perihal campurtangan dalam pentadbiran keadilan tidak berat sebelah Mahkamah Rendah, arahan menyeluruh ini akan juga menyebabkan kesusahan yang tidak perlu ke atas si tuduh, khasnya kesusahan dari segi kewangan kerana si tuduh tersebut terpaksa mengupah seorang peguam untuk membelanya di Mahkamah Tinggi apabila rayuan DPP itu didengar.

Dalam tindakan-tindakan yang merupakan sivil atau kes-kes sivil di mana kos terlibat, parti DAP akan amnya meminta Kerajaan untuk menimbang memperkenalkan undang-undang di mana seorang awam menyaman Kerajaan dan kemudian kalah dalam kes tersebut, hendaklah dikecualikan daripada membayar kos dalam kes-kes di mana perkara berhubung dengan kepentingan awam terlibat.

Saya boleh bayangkan akan terdapat penyalahgunaan hak seumpama itu oleh beberapa orang awam, tetapi jika didapati terdapat orang-orang yang menyalahgunakan hak ini, maka Kerajaan boleh menghadkan jenis-jenis kes tertentu di mana kos tidak perlu dibayar, demi menjunjung keadilan. Tanpa pengecualian seumpama itu, orang awam khasnya orang-orang miskin dan dari golongan pekerja akan takut untuk menyaman Kerajaan kerana takut mereka akan dikehendaki membayar kos yang tinggi, walaupun hak-hak mereka telah dicabuli.

Kerapkali Pegawai-pegawai Penguatkuasa Undang-undang yang sedar akan disadvantages yang dihadapi oleh orang-orang awam memandang ringan atas hak orang-orang awam kerana mereka tahu orang-orang awam tidak akan menyaman mereka kerana faktor-faktor kos. Dalam perkara ini orang awam merasai telah menyebabkan

ketidak adilan iaitu Pegawai Penguatkuasa Undang-undang menggunakan wang awam sedangkan orang awam yang tekil oleh tindakan yang dilakukan oleh pegawai-pegawai awam menghadapi risiko membayar kos untuk mendapatkan Mahkamah-mahkamah membuktikan atau vindicate hak-hak mereka yang dicabuli itu.

Sekianlah, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri sila jawab.

*7.38 mlm.*

**Datuk Dr James P. Ongkili:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Komen-komen yang telah dibuat oleh Ahli dari Bukit Bendera itu telah saya dengari, khususnya mengenai dengan Seksyen 50 Akta tersebut. Ini sebenarnya tidak menyebabkan penyelewengan kuasa oleh pihak Pendakwa oleh kerana tujuannya ialah untuk membolehkan kedua-dua belah pihak, seperti yang saya katakan tadi, bukan pihak Pendakwa Raya sahaja untuk membuat rayuan terhadap mana-mana keputusan.

Soal yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi telahpun diputuskan oleh Mahkamah Persekutuan bahawa soal campur tangan oleh Pendakwa atau Timbalan Pendakwa Raya ke atas Majistret tidak berlaku.

Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya mohon mencadangkan Rang Undang ini diluluskan sekarang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibaca kali yang kedua sekarang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*).

*Fasal 1 hingga 9* diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**RANG UNDANG-UNDANG  
PEGUAMBELA (SABAH)  
(PINDAAN)**

**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

*7.43 mlm.*

**Datuk Dr James P. Ongkili:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa satu Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Ordinan Peguambela Sabah dibaca kali yang kedua.

Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun kuasa perundangan soal profesion jatuh di bawah bidang kuasa Kerajaan Persekutuan Malaysia Barat, takrif-takrif ini mengikut yang dalam Perlembagaan dan bukanlah mencerminkan yang saya ketinggalan zaman.

Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, saya ingin menegaskan, sekarang kita katakan Sarawak, Sabah dan Semenanjung. Penggunaan Malaysia Barat dan Malaysia Timur ialah kerana ini termaktub di dalam undang-undang yang ada.

Sabah dan Sarawak mempunyai undang-undang berlainan berkenaan dengan profesion undang-undang. Syarat-syarat diterima termasuk sebagai peguam di Malaysia Barat tertakluk kepada Akta Profesion Undang-undang 1976 dan di Sabah dan Sarawak ianya tertakluk kepada ordinan-ordinan peguambela masing-masing. Ketiga-tiga undang-undang ini mengiktirafkan kelulusan ijazah undang-undang daripada Universiti Malaya dan Universiti Singapura dan juga kelulusan Bar dari England atau United Kingdom. Di Malaysia Barat juga, beberapa universiti di Australia dan New Zealand telah diiktirafkan manakala di negeri Sabah dan Sarawak pula kelulusan Bar daripada mana-mana negeri Commonwealth sudahpun diterima.

Oleh itu, bagi penuntut-penuntut undang-undang yang datangnya daripada Malaysia Barat, Sabah dan Sarawak yang menjalani kursus undang-undang di universiti-universiti di England, mereka perlu mendapatkan kelulusan Bar di sana sebelum diterima masuk sebagai peguam di negeri masing-masing. Ini tidaklah membangkitkan apa-apa masalah sehingga tahun 1978 apabila Council of Legal Education iaitu pihak yang menganjur kursus Bar di England telah membuat pengumuman dalam bulan November tahun itu bahawa mulai dari tahun 1984 hanya penuntut-penuntut undang-undang yang telah mendapat kepujian Kelas Pertama atau Kedua dalam peperiksaan undang-undang terakhir mereka sahaja yang akan diterima untuk kursus Bar tersebut di sana. Ini bermakna bahawa penuntut-penuntut yang gagal mendapat sebarang kepujian tidak akan dapat menjalani kursus Bar di England dan seterusnya tidak akan dapat diterima masuk menjadi peguam di Malaysia Barat, Sabah atau Sarawak mengikut peruntukan undang-undang negeri masing-masing.

Bagi mengatasi masalah ini di Malaysia Barat, Lembaga Kelayakan yang ditubuhkan di bawah Akta Profesion Undang-undang 1976 yang dipakai di Malaysia Barat sahaja telah menganjurkan satu kursus yang lebih kurang serupa dengan kursus Bar di England khas untuk penuntut-penuntut tersebut dan kursus tersebut telahpun bermula pada awal tahun 1984 ini. Seorang yang selesai menjalani kursus tersebut dan lulus dalam peperiksaan akhirnya akan diaward satu sijil yang dinamakan Sijil Amalan Guaman dan dengan pengiktirafan sijil tersebut di bawah Akta Profesion Undang-undang 1976 melalui PUB. 123/84, seseorang itu bolehlah memohon diterima masuk sebagai peguam di Malaysia Barat. Beberapa daripada penuntut-penuntut yang menghadiri kursus tersebut datangnya dari Sabah dan mereka ingin memohon diterima masuk sebagai peguam di negeri tersebut tetapi oleh kerana Ordinan Peguambela di Sabah pada masa ini belum lagi mengiktirafan sijil tersebut, pindaan adalah perlu dibuat kepada Ordinan tersebut untuk mengatasi masalah ini.

Adalah difikirkan wajar dan sesuai bahawa seseorang yang telah diberi pengiktirafan terhadap Sijil Amalan Guaman yang telah diawardkan kepadanya hendaklah memenuhi kehendak-kehendak yang dinyatakan dalam Perenggan Kecil C (c), Seksyen Kecil (1), Seksyen 4 Ordinan Peguambela Sabah itu iaitu syarat-syarat yang dikenakan ke atas lulusan undang-undang Universiti Malaya atau Universiti Singapura. Antara lain, seorang itu disyaratkan mempunyai kaitan dengan negeri Sabah dan telah menjadi Majistret Kelas Pertama di negeri itu tidak kurang daripada 12 bulan atau telah menjadi pupil atau telah membuat chambering dengan Peguam Besar Negeri atau seorang Peguambela yang

telah menjalankan amalan di mana-mana tempat di Malaysia tidak kurang daripada 5 tahun sebelum itu, selama tempoh 12 bulan atau jika ia telah menerima Sijil Lepasan Ijazah daripada Universiti Malaya atau Universiti Singapura selama tempoh 6 bulan.

Dengan adanya pindaan ini, kesempatan juga diambil bagi membuat pindaan Ordinan tersebut mengenai rujukan kepada Negeri Brunei. Oleh sebab pemansuhan Supreme Court of Brunei, North Borneo and Sarawak pada waktu Malaysia ditubuhkan, adalah dianggap wajar rojokan tersebut dipotong oleh kerana ianya tidak membawa apa-apa erti lagi. Adalah dicadangkan supaya pindaan dibuat kepada perenggan kecil (cc), Seksyen-kecil (1), Seksyen 4 ke Ordinan tersebut untuk memasukkan pengiktirafan Sijil Amalan Guaman yang diawardkan oleh Lembaga Kelayakan dan juga di Seksyen-kecil 2 dan 3 seksyen tersebut untuk memotong perkataan "or Brunei" di mana terdapat.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato Mohamed Khalil bin Yaakob):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah satu Akta untuk meminda Ordinan Peguambela Sabah dibaca kali kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbangkan dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*).

*Fasal 1 dan 2* diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

### RANG UNDANG-UNDANG PEGUAMBELA (SARAWAK) (PINDAAN)

**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

*7.51 mlm.*

**Datuk Dr James P. Ongkili:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon maaf, saya balik-balik berdiri, nampaknya saya membelot semua Rang Undang-undang pada petang ini. Tetapi, barangkali ini adalah gaji saya, ganjaran saya kerana saya pergi cuti sekejap dulu. Jadi minta maaf kerana saya nampaknya balik-balik berdiri pada petang ini. Saya ingin meyakinkan Ahli-ahli Yang Berhormat ucapan saya yang akhir ini adalah yang paling pendek sekali.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa satu Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Ordinan Peguambela (Sarawak) dibaca bagi kali yang kedua.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan pindaan Rang Undang-undang ini adalah serupa dengan pindaan kepada Ordinan Peguambela (Sabah) yang baru sahaja diluluskan oleh Dewan yang mulia ini.

Oleh kerana terdapat beberapa penuntut dari negeri Sarawak yang telah menjalani kursus Sijil Amalan Guaman seperti yang saya katakan tadi yang telah selesai baru-baru ini adalah perlu bagi pindaan dibuat kepada Ordinan Peguambela (Sarawak) supaya sijil tersebut akan diberi pengiktirafan bagi membolehkan penuntut-penuntut ataupun siswazah-siswazah tersebut masuk sebagai peguam di negeri Sarawak.

Oleh kerana peruntukan undang-undang adalah lebih kurang serupa mengenai perkara ini di negeri Sabah dan Sarawak, pindaan mengenai pengiktirafan tersebut juga dicadangkan di perenggan kecil (cc), seksyen kecil (1) Seksyen 4 Ordinan Peguambela (Sarawak). Walau bagaimanapun di dalam Ordinan tersebut syarat menjadi Majistret Kelas Pertama selama tempoh 12 bulan belum dimasukkan lagi sungguhpun negeri Sabah telahpun berbuat demikian dalam tahun 1976.

Melalui Rang Undang-undang ini dan atas permintaan Kerajaan Negeri Sarawak, syarat ini telah dimasukkan untuk menyeragamkan kedudukan dengan negeri Sabah. Seperti juga di negeri Sabah oleh sebab pemansuhan Supreme Court of Brunei, North Borneo and Sarawak semua rujukan kepada negeri Brunei dalam Ordinan tersebut juga dipotong melalui pindaan kepada Rang Undang-undang.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu Akta untuk meminda Ordinan Peguambela

(Sarawak) dibaca kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. (Tidak ada perbahasan).

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibaca kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang-kan dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

*Fasal 1 dan 2* diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang esok.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 8.00 malam.*